

CREATE

Universiti Teknologi Pilihan Utama



Mei - Ogos 2015



Pahang destinasi pertama Jelajah KPT *'Soaring Upwards'*

SOARING UPWARDS

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



Menteri Pendidikan Tinggi
bangga dengan program
Kejuruteraan Jerman UMP



Emeritus Profesor
Dr. Robin W. King
dalam Syarahan
Kejuruteraan Teknologi



Kandungan



4 Pahang destinasi pertama Jelajah KPT 'Soaring Upwards'



6 Menteri Pendidikan Tinggi bangga dengan program Kejuruteraan Jerman UMP



7 UMP tuan rumah Pertandingan Debat Diraja Antara IPT

- 8 Emeritus Profesor Dr. Robin W.King dalam Syarahan Kejuruteraan Teknologi
- 9 UMP terima 2,274 pelajar baharu
- 10 Profesor Dato' Dr. Daing Nasir dilantik semula NC UMP
- 11 Naib Canselor UMP terima Anugerah Kepimpinan Pendidikan
- 12 FTeK berjaya anjur persidangan ETIC
- 13 UMP tuan rumah dua Persidangan Antarabangsa Sistem Komputer
- 14 Persidangan Antarabangsa Mekanikal UMP perkasa bidang kejuruteraan automotif
- 15 Penerbit dan FKM anjur Bengkel Penilaian Jurnal Scopus UMP
- 16 Wacana NC bentang laporan interim pencapaian universiti
- 17 25 hasil kajian dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa ICoGOIA
- 18 Kolokium P&P kongsi kepakaran lahirkan graduan seimbang dan holistik
- 20 Profesor Kamal bincang kaedah pengujian perisian dan kaitan dengan fenomena alam semula jadi
- 21 Program Teknologi Kejuruteraan (Pengurusan Infrastruktur) bakal diiktiraf antarabangsa
- 22 PBMSK anjur Persidangan Zakat dalam Pembangunan Ekonomi Peringkat Kebangsaan 2015
- 24 Hari Industri dan Pameran Kerjaya berasaskan sektor manfaatkan pelajar UMP
- 25 UMP menjadi tanda aras terbaik pelaksanaan program OBE
- 26 Pencapaian UMP dalam P&P diiktiraf
- 27 UMP, UTM anjur pertandingan *Three Minutes Thesis* 2015
- 28 Weerana a/p Eh Kan menang Anugerah Emas Thesis dalam Sambutan Hari Air Sedunia 2015
- 29 Bengkel Penulisan dan Penyediaan Modul Pengajaran tarik minat pensyarah penulis
- 30 Penyelidikan UMP menang anugerah ITEX
- 31 UMP jalin kerjasama dengan Bosch tawar biasiswa dan latihan industri
- 32 UMP jalin kerjasama dengan Universiti Kazakhstan
- 33 UMP meterai persefahaman dengan HTAA tingkat kecekapan perkhidmatan
- 34 Kolaborasi industri – akademia jalin hubungan baik
- 35 UMP, ECERDC bangun Medan Ikan Bakar dan Pusat Pemrosesan Hasil Laut
- 36 Program Empower ECER Mahkota bantu golongan belia kembangkan perniagaan
- 37 Kursus Masakan Empower Mahkota bantu belia dan ibu tunggal
- 38 Klik-Klik Lensa
- 40 UMP raih dua pingat Projek Kesukarelaan Terbaik VCORE
- 41 Peserta Latihan Kemahiran Empower ECER Iftar warga UMP
- 42 137 staf UMP terima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
- 43 UMP raikan bakal jemaah haji
- 44 UMP hasilkan lemang meriahkan Pesta Lemang besar-besaran
- 45 Majlis Hari Raya UMP Pekan meriah
- 46 Majlis Iftar pelajar antarabangsa meriah
- 47 Program Singgah Sahur erat hubungan dengan masyarakat
- 48 UMP sumbang Bubur Lambuk untuk komuniti
- 49 UMP kekalkan tradisi sedia juadah terbuka puasa dalam talam
- 50 Diari Ramadan untuk warga UMP
- 51 Penerbit UMP lancar 21 buku baharu
- 52 Penerbit UMP lancar buku Software Testing
- 53 Seminar Menjejak Personaliti tingkat penampilan staf
- 54 Persatuan Wanita UMP anjur Tazkirah Ramadan
- 55 Jom Makan Durian erat hubungan baik UMP dan Media
- 56 56 Pensyarah UMP kongsi kepakaran dalam penulisan
- 57 Lima strategi utama mantapkan UAE
- 58 Pelajar Pendidikan Khas (Autisme) melawat UMP
- 59 Konvoi Merdeka UMP semarakkan sambutan bulan kemerdekaan
- 60 UMP perkenal program MyGift sebagai saluran sumbangan endowmen universiti
- 61 12 beradik gembira terima sumbangan dalam Program Jejak Asnaf UMP
- 62 Kesukarelawan Pendidikan In-Smartive di Ho Chi Minh
- 63 Mahasiswa hulu bantuan kanak-kanak mangsa taufan Haiyan dan gelandangan di Filipina
- 64 Mahasiswa UMP berbakti di Pulau Tioman
- 65 In-Smartive suntik semangat jati diri pelajar SMK Bandar Tasik
- 66 Lebih 500 warga UMP berjalan 10,000 langkah
- 67 40 pelajar sertai Cabaran Ekspedisi Berkayak
- 68 Pelantikan baharu/Penyambungan jawatan giliran
- 69 Nasyrh Fahida – perintis pembukaan Pusat Koordinasi GST
- 70 Terbitan Terkini
- 72 Rencana/Artikel Pilihan
- 74 Rencana/Artikel Pilihan

PENAUNG

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim
daing@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Saiful Bahri Ahmad Bakarim
saifulbahri@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mohd. Raizalhilmy Mohd Rais
hilmy@ump.edu.my

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabita@ump.edu.my

Siti Aishah Ghani
sitaishah@ump.edu.my

Lily Azwati Ab. Latip
lily@ump.edu.my

Hazlina Faizal
haz@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Azman Md Diah
azmanm@ump.edu.my

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my



JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatuzalzin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

PENGEDARAN

Mohd Afendi Zamri
maffendi@ump.edu.my

Muhammad Kairus Ibrahim
kairus@ump.edu.my

Buletin *CREATE* diterbitkan tiga kali setahun. Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor.

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin *CREATE*. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Aras Bawah, Anjung Selatan
Kompleks Pentadbiran Utama
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: safriza@ump.edu.my

Salam 1 Malaysia dan Salam 1 UMP,

Bagi pembukaan *CREATE* kali ini, sidang editorial *CREATE* serta warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) ingin merakamkan ucapan tahniah dan selamat datang kepada seramai 2,274 pelajar baharu yang mendaftar bagi kemasukan sesi akademik 2015/2016 dan paling membanggakan apabila kemasukan kali ini mempunyai sejarah tersendiri kerana 72 peratus pelajar yang ditawarkan ini mempunyai kelayakan CGPA minimum 3.00 dan seramai 14 orang mempunyai CGPA 4.00 telah memilih UMP sebagai destinasi pengajian mereka.

Selain itu, seluruh warga UMP ingin melafazkan ucapan jutaan tahniah kepada Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim atas pelantikan semula sebagai Naib Canselor UMP bagi tempoh dua tahun lagi serta atas penganugerahan Anugerah Kepimpinan Pendidikan dalam Majlis Penganugerahan Kecemerlangan Pendidikan Asia Ke-6 di Singapura.

Memasuki pertengahan tahun ini, UMP tidak ketinggalan mengukir kegemilangan apabila bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sebagai tuan rumah dalam menganjurkan Jelajah Kementerian Pendidikan Tinggi bertemakan 'Soaring Upwards' bagi menerangkan tentang pencapaian dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) ataupun PPPM (PT) kepada golongan sasaran dan masyarakat setempat di Pahang. Dalam program yang dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh, beliau turut mengumumkan UMP antara lima Universiti Awam yang bakal menggunakan Sistem Bersepadu Purata Gred Nilai Kumulatif (ICGPA).

Selain itu, Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh menzahirkan rasa bangga dengan kejayaan UMP yang dapat menjalinkan kerjasama dengan pihak Jerman terutama dalam program Dwi-Ijazah UMP-Hska yang kini telah masuk tahu keempat sekali gus menjadikan UMP dikenali dalam kalangan pemain industri serta syarikat Jerman di Malaysia termasuklah Mercedes, Audi, BMW, Volkswagen, Porsche dan Ford serta pihak kedutaan Jerman di Malaysia.

Dalam setiap keluaran *CREATE* tidak pernah ketinggalan menyajikan begitu banyak kecemerlangan dan kemampuan yang telah dibuktikan oleh UMP sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. UMP buat kali keempat berjaya menganjurkan Persidangan Antarabangsa Kejuruteraan Perisian dan Sistem Komputer dengan kerjasama Universiti Sumatera Utara, Politeknik Negeri Medan dan Amik-Stikom Tunas Bangsa, Permatangsiantar Indonesia. Kejayaan UMP di peringkat antarabangsa juga terbukti dengan memorandum persefahaman (MoU) dengan Contraves Advanced Devices Sdn. Bhd. pada Persidangan Antarabangsa Mekanikal UMP. UMP juga berjaya memperluaskan bidang akademik dan penyelidikan apabila menjalinkan kerjasama strategik dengan Universiti Baishev Aktobe's (UBA), Kazakhstan.

Di peringkat kebangsaan pula, UMP dan Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan menandatangani MoU bagi membantu menambah baik penggunaan peralatan dan perkhidmatan di hospital berkenaan.

Selain itu, tidak lengkap ruangan ini sekiranya tidak merakamkan penghargaan buat ilmuwan dan mahasiswa UMP yang mana memainkan peranan penting menaikkan nama UMP di peringkat antarabangsa. Terbaharu, UMP meraih tujuh pingat emas, lapan pingat perak dan tiga pingat gangsa dalam Pameran Teknologi, Inovasi dan Reka Cipta Antarabangsa (ITEX) 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) yang melibatkan 1,008 pereka daripada 21 negara Asia. Selain itu, seorang mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dianugerahkan pingat emas dalam Pertandingan Thesis Sarjana Muda Terbaik, dan pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) memenangi Anugerah Emas Tesis Doktor Falsafah dalam Sambutan Hari Air Sedunia 2015.

Sebelum mengakhiri tinta edisi ini, saya, mewakili sidang editorial *CREATE* ingin mengucapkan syabas dan jutaan tahniah kepada Encik Abd Rahman Haji Safie yang selama ini banyak menyumbangkan idea dan tenaga sewaktu mengetuai Pejabat Naib Canselor (PNC) sekali gus sebagai Ketua Editor *CREATE*. Jasa dan pengorbanan beliau yang kini mengetuai Jabatan Pendaftar UMP tidak akan dilupakan. Tidak lupa juga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk menerajui *CREATE* bagi edisi kali ini dan seterusnya, insya-Allah.

Semoga warga UMP baik pihak pengurusan mahupun mahasiswa bersama-sama berganding bahu bagi menaikkan nama UMP. Pelantikan semula Naib Canselor adalah sesuatu yang amat bermakna buat warga UMP sejajar dengan perkembangan UMP yang berada di fasa keempat dalam perkembangan strategik untuk terus menjana kegemilangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sesungguhnya penerimaan Anugerah Kepimpinan Pendidikan kepada Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, juga merupakan satu pengiktirafan kepada UMP dalam melonjakkan imej UMP sebagai sebuah Universiti Awam yang tersohor di persada dunia sesuai dengan visi UMP bagi menjadi universiti teknologi bertaraf dunia.

Saiful Bahri Ahmad Bakarim



Pahang destinasi pertama Jelajah KPT 'Soaring Upwards'

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai tuan rumah menganjurkan Jelajah Kementerian Pendidikan Tinggi bertemakan 'Soaring Upwards' bagi menerangkan tentang pencapaian dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) ataupun PPPM (PT) kepada golongan sasaran dan masyarakat setempat di negeri Pahang.

PPPM (PT) sedang dibangunkan dengan memastikan pelan ini sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah) yang telah dilancarkan pada bulan September 2013. PPPM (PT) juga berasaskan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang telah dilancarkan pada tahun 2007 dan telah disemak semula pada bulan Mac 2013.

Oleh sebab strategi serta inisiatif PPPM (PT) akan memberi kesan ke atas pemegang taruh yang ramai iaitu pelajar semasa dan akan datang, ibu-bapa, majikan, institusi pengajian tinggi (awam dan swasta), pensyarah, penyelidik, dan industri yang sedang melabur di Malaysia, kementerian telah mendapatkan maklum balas dari semua pemegang taruh semasa PPPM (PT) sedang dibangunkan.

Program jelajah pada kali ini menampilkan

lima ahli panel yang terdiri daripada Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, ahli Lembaga Pengarah UMP yang juga mewakili industri, Syed Mohamad Hamzah al-Junid Syed Abdul Rahman, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Dato' Rosdi Ismail, Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar UMP (MPP), Mohd. Syafiq Ali dan Abdul Syukor Razak yang merupakan pensyarah UMP yang juga alumni Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) yang membincangkan tentang peranan universiti, sekolah, industri, alumni dan masyarakat dalam melonjakkan sistem pendidikan negara.

Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh berkata, sistem pendidikan tinggi di Malaysia telah mencatatkan kejayaan yang cemerlang dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

"Akses telah menunjukkan peningkatan yang ketara, dengan kadar enrolmen sebanyak 48 peratus pada tahun 2012. Angka ini mewakili peningkatan sebanyak 70 peratus dalam jangka masa sepuluh tahun kebelakangan ini, iaitu enam kali ganda peningkatan enrolmen pelajar sarjana muda dan sepuluh kali ganda peningkatan enrolmen pelajar program sarjana dan kedoktoran sejak tahun 1990.

"Lima universiti di Malaysia telah

diletakkan dalam kelompok 100 terbaik dalam Asia, dan satu universiti dalam kelompok 200 terbaik seluruh dunia seperti yang dilaporkan dalam 'QS World University Rankings in 2014'.

"Begitu juga dengan jumlah artikel penyelidikan yang telah diterbitkan oleh universiti di Malaysia telah meningkat lebih dari tiga kali ganda antara tahun 2007 dan 2012, kadar peningkatan yang paling tinggi di seluruh dunia.

"Di samping itu, jumlah paten yang telah di failkan oleh universiti di Malaysia telah meningkat sebanyak 11 peratus setahun dalam jangka masa yang sama, meletakkan Malaysia di tangga ke-28 di dunia dalam kategori jumlah paten yang difail sepanjang jangka masa tersebut," katanya.

Namun demikian, menurut beliau walaupun terdapat banyak kejayaan yang memberangsangkan, masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu di atasi. Antaranya majikan melaporkan graduan masih kurang dapat menguasai kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran berkomunikasi iaitu keperluan penting untuk menjadi kompetitif di abad ke 21.

Selain itu, tahap kolaborasi antara akademik dan industri masih belum mencapai tahap yang mantap atau tahap keberhasilan seperti yang telah dirangka, lebih-lebih lagi dari segi penyelidikan dan pembangunan.



Sepuluh lonjakan diperkenalkan dalam mentransformasikan Sistem Pendidikan Tinggi Malaysia iaitu empat lonjakan pertama adalah berkait dengan pemegang taruh utama dalam sistem pendidikan tinggi (pelajar, pembelajaran sepanjang hayat, pegawai akademik, penyelidik dan kepemimpinan) yang mana, secara bersama, membolehkan sistem mencapai prestasi yang ideal untuk menghasilkan graduan yang mendapat pendidikan kelas pertama, serta mempunyai sifat dan nilai yang murni untuk menyumbang kepada masyarakat dan ekonomi Malaysia. Enam lonjakan yang selebihnya pula adalah bergantung kepada kejayaan pelaksanaan empat lonjakan yang pertama.

Justeru, sepuluh lonjakan diperkenalkan dalam mentransformasikan Sistem Pendidikan Tinggi Malaysia iaitu empat lonjakan pertama adalah berkait dengan pemegang taruh utama dalam sistem pendidikan tinggi (pelajar, pembelajaran sepanjang hayat, pegawai akademik, penyelidik dan kepemimpinan) yang mana, secara bersama, membolehkan sistem mencapai prestasi yang ideal untuk menghasilkan graduan yang mendapat pendidikan kelas pertama, serta mempunyai sifat dan nilai yang murni untuk menyumbang kepada masyarakat dan ekonomi Malaysia. Enam lonjakan yang selebihnya pula adalah bergantung kepada kejayaan pelaksanaan

empat lonjakan yang pertama. Beliau turut mengumumkan lima institusi pengajian tinggi bakal menggunakan Sistem Bersepadu Purata Gred Nilai Kumulatif (ICGPA). Selain Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) tiga lagi adalah Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP). Seramai 2,000 tetamu hadir dalam program yang berlangsung di Hotel Zenith Kuantan pada 8 Ogos 2015 yang lalu dan siri jelajah ini bakal diteruskan di beberapa negeri dan bandaraya termasuk Johor, Melaka, Kedah, Kuala Lumpur, Sabah, Kelantan, Sarawak, dan Perak.



Menteri Pendidikan Tinggi bangga dengan program Kejuruteraan Jerman UMP

Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh berbangga dengan keupayaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang dapat menjalinkan kerjasama dengan pihak Jerman terutamanya dalam melaksanakan program Dwi-Ijazah UMP-HsKA yang kini masuk tahun keempat.

Sehingga kini, seramai 74 orang pelajar telah mengikuti program Mekatronik dan seramai 61 orang bagi pengajian program automotif. Program kejuruteraan ini juga sentiasa ditambah nilai melalui proses penanda aras secara berterusan menggunakan model bertaraf dunia seperti program kerjasama dengan Karlsruhe University of Applied Science (HsKA) Jerman.

Dato' Seri Idris berkata, UMP berjaya mendapat kepercayaan daripada pihak institusi Jerman khususnya, HsKA Jerman bagi menjalinkan hubungan kerjasama akademik dalam program kejuruteraan bertaraf dunia.

"Hubungan kerjasama ini adalah sesuatu yang membanggakan

pihak kementerian dan merupakan keistimewaan universiti ini berbanding lain-lain universiti. Dalam pada itu UMP juga mempunyai modul terbaik dan dipilih bagi pelaksanaan program Sistem Bersepadu Purata Gred Nilai Kumulatif (ICGPA) yang bakal dijalankan tidak lama lagi," katanya dalam pertemuan rasmi Menteri Pendidikan Tinggi bersama pengurusan universiti yang berlangsung di Pejabat Menteri di Putrajaya pada 18 Ogos 2015 yang lalu.

Tambah beliau, UMP dikenali dalam kalangan pemain industri serta syarikat Jerman di Malaysia termasuklah Mercedes, Audi, BMW, VolksWagen, Porsche, dan Ford serta pihak kedutaan Jerman di Malaysia.

Selain itu, UMP turut dikenali dan aktif dalam melaksanakan program kesukarelawanan melibatkan komuniti setempat. Ianya dapat memupuk semangat suka membantu dan menambah nilai terhadap pelajar UMP apabila menamatkan pengajian nanti.

Hadir dalam pertemuan ini, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff, Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie, serta barisan pengurusan tertinggi UMP yang lain. Hadir sama Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Profesor Dato' Dr. Asma Ismail dan Ketua Setiausaha KPT, Datuk Seri Ir. Dr. Zaini Ujang.

Dalam pertemuan ini juga turut membincangkan tentang pembangunan kampus UMP Pekan, pencapaian semasa universiti serta pencapaian Pelan Strategik UMP 2011-2015.

Turut dibincangkan Perancangan Pelan Strategik UMP yang akan diselarikan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) PPPMPT dengan bertemakan 'Soaring Upwards'.



UMP tuan rumah Pertandingan Debat Diraja Antara IPT

Pasukan debat Universiti Malaya (UM) mengekalkan kejuaraan apabila menjuarai kategori Bahasa Melayu Utama dalam Pertandingan Debat Diraja 2015.

UM dibarisi Kiahatina Othman, Ahmad Azri Abdullah dan Adam Daniel Go. Mereka merupakan penuntut jurusan undang-undang menewaskan pasukan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam pertandingan akhir yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang pada 12 Mei 2015 yang lalu.

Dalam pertandingan akhir itu, UM yang bertindak sebagai barisan pembangkang dalam debat bertajuk 'Kuasa Sebenar Barat adalah Media' turut menyapu gelaran Pendebat Terbaik menerusi pendebat ketiganya Adam Daniel Goh.

Majlis pengurnian hadiah telah disempurnakan oleh adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Yang Mulia Lt. Kol. Tengku Dato' Sri Kamarulzaman Al Haj Ibni Almarhum Sultan Sir Abu Bakar. Hadir sama, Yang Mulia Tengku Dato' Nor Asikin Almarhum Sultan Sir Abu Bakar.

Turut hadir dalam majlis penutup, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) merangkap Pengerusi Majlis Debat Universiti Malaysia, Profesor Datuk Dr. Mizan Hitam, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP, Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pemangku Pendaftar UMP, Abd Rahman Haji Safie.

Menurut Naib Canselor UMP, UMP amat berbesar hati diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah dalam penganjuran Pertandingan Debat Diraja Antara IPT pada tahun ini melangkaui 20 tahun penganjurannya.

"Pada hari ini, seramai 552 pendebat dari 138 pasukan yang mewakili 23 Universiti Awam (UA) seluruh Malaysia hadir ke UMP bagi berentap dalam pertandingan ini. Gelanggang debat di kampus dapat dikembangkan lebih jauh lagi, bukan sekadar untuk dipertandingkan."

"Pertandingan sebegini sewajarnya

berupaya menampilkan aspek keserjanaan pengisian (*substance*), jauh mengatasi aspek bentuk atau upacara semata-mata. Keserjanaan pengisian menuntut para pendebat untuk berani mengemukakan hujah yang bernas berdasarkan fakta yang jelas," katanya

Manakala bagi kategori bahasa Inggeris Utama pula johan telah dimenangi oleh UIAM dan naib johan telah dimenangi oleh UiTM.

Pertandingan Debat Diraja ini dibahagikan kepada empat kategori iaitu kategori bahasa Melayu Utama, bahasa Inggeris Utama, bahasa Melayu Muda dan bahasa Inggeris Muda.

Hadiah bagi pemenang kategori Utama dan Muda yang meraih johan membawa pulang trofi dan wang tunai sebanyak RM 5000 manakala naib johan membawa pulang RM 3000. Bagi Pendebat Terbaik pula membawa pulang RM 500 bagi setiap kategori.

Lebih 2,000 orang hadir menyaksikan debat akhir yang berlangsung dalam suasana yang cukup meriah dengan sorakan daripada penyokong kedua-dua belah pihak.

Emeritus Profesor Dr. Robin W.King dalam Syarahan Kejuruteraan Teknologi

Bidang kerjaya sebagai jurutera dan teknologis kini mula mendapat perhatian dan umum mengetahui jurutera banyak menggunakan pengetahuan saintifik, mereka bentuk dan membina alat-alatan teknikal serta sistem. Manakala teknologis pula banyak berkait rapat dengan menyelaras bahan, tenaga manusia dan jentera dalam bagaimana membangunkan sesuatu projek yang berkualiti.

Justeru, dalam merungkai pemahaman ini Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menganjurkan Syarahan Umum Antarabangsa yang disampaikan pembeda antarabangsa, Emeritus Profesor Dr. Robin W.King dalam mengupas tajuk bidang kejuruteraan teknologi dan bagaimana bentuk pekerjaan dan kerangka pengajian dalam bidang ini.

Profesor Dr. Robin merupakan pengerusi badan pengiktirafan Sydney Accord dan bekas pengerusi badan pengiktirafan jurutera Australia yang bertanggungjawab terhadap pembangunan standard yang digunakan dalam menentukan kelayakan terhadap jurutera yang bertauliah dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Hadir memperkenalkan pembeda dalam syarahan antarabangsa adalah Pemangku Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Wan Azhar Wan

Yusoff yang hadir mewakili Naib Canselor UMP.

Beliau berkata, tajuk yang disampaikan penceramah adalah bertepatan dalam merealisasikan hasrat kerajaan dalam memperkukuh rangka Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Malaysia.

“Kerajaan memperuntukkan penubuhan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) sebagai sebuah badan dalam menyediakan latihan dan silibus pengajaran untuk membolehkan 30,000 ahli teknologi dan juruteknik yang sedia ada di seluruh negara untuk diiktiraf sebagai profesional.

“Perkembangan ini sangat dinantikan UMP bersama rakan-rakan dari Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN) melibatkan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) untuk menyelesaikan akreditasi dan pengiktirafan isu-isu yang berkaitan dengan program-program Teknologi Kejuruteraan,” katanya dalam Syarahan Umum Antarabangsa pada 2 Jun 2015 yang lalu di Dewan Kompleks Sukan, UMP Kampus Gambang.

Tambah beliau, kerajaan juga meletakkan sebagai agenda yang jelas dalam rangka kerja Pelan Induk Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025 dan Rancangan Malaysia ke-11 yang telah dilancarkan dan dibentangkan oleh Perdana Menteri pada 7 April dan 21 Mei

2015 lalu.

Malah dalam menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi, dijangkakan seramai 400,000 graduan teknologi kejuruteraan bakal dilahirkan menjelang tahun 2020 nanti.

Selain itu katanya, UMP memperkenalkan Siri Syarahan Antarabangsa sebagai suatu program yang terancang bertujuan untuk menyalurkan dan menyebarkan ilmu kepada masyarakat. Secara tidak langsung ia juga merupakan sumbangan universiti secara terus kepada masyarakat dalam usaha mengeratkan hubungan dua hala antara universiti dan masyarakat.

Melalui program ini, UMP berusaha mengenengahkan dan menyalurkan pengetahuan serta penemuan tokoh-tokoh terkemuka dari dalam dan luar negara kepada masyarakat.

Siri Syarahan Umum ini juga merupakan satu forum yang mengupas dan membincangkan masalah-masalah serta isu-isu masyarakat agar penyelesaian dapat dipertimbangkan bersama.

Lebih 500 tetamu hadir dalam majlis yang juga dihadiri Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Dr. Shahrin Sahib@Sahibuddin, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTHM, Profesor Dr. Hashim Saim dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff.





UMP terima 2,274 pelajar baharu



Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima seramai 2,274 pelajar baharu yang mendaftar pada 30 Ogos 2015 yang lalu.

Pendaftaran tersebut berlangsung serentak di dua kampus iaitu di UMP Pekan dan Gambang bagi kemasukan sesi akademik 2015/2016.

Lebih membanggakan sebanyak 72 peratus pelajar yang ditawarkan ini mempunyai kelayakan CGPA minimum 3.00 malahan terdapat seramai 14 orang dalam kalangan pelajar mempunyai CGPA 4.00 memilih UMP sebagai destinasi pengajian mereka.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato Dr. Daing Nasir Ibrahim, pada kemasukan pelajar sesi akademik ini, UMP menawarkan program baharu iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan dengan kepujian dengan kerjasama universiti Jerman iaitu Reutlingen University (RU).

“Pada tahun ini juga program dwi-ijazah bertaraf antarabangsa melibatkan kerjasama dengan pihak institusi pengajian

di Jerman, Hochschule Karlsruhe, University of Applied Sciences Jerman (HsKA) ini turut menerima banyak permohonan.

Hanya seramai 60 pelajar berjaya ditawarkan tempat untuk mengikuti ijazah sarjana muda bagi Kejuruteraan Automotif dan program ijazah sarjana muda Kejuruteraan Mekatronik,” katanya semasa bertemu dengan pelajar dan ibu bapa pada hari pendaftaran pelajar di Kompleks Sukan UMP.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato’ Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie.

UMP juga menerima seramai 28 pelajar antarabangsa yang bakal mengikuti pengajian sarjana muda melibatkan empat buah negara termasuk pelajar dari Yemen, China, Sudan dan Somalia.

Menurut Nuraishah Basri, 19 yang berasal dari Sungai Pau, Sik Kedah beliau berbangga dapat mengikuti pengajian Kejuruteraan Elektrik di UMP namun terasa agak sedih

kerana terpaksa berjauhan dari keluarga.

Beliau yang merupakan anak keempat daripada 11 beradik berbangga dengan usaha UMP yang banyak membantu sehingga beliau berjaya mendaftar hari ini memandangkan bapanya hanya bekerja sebagai penoreh getah manakala ibunya menjual nasi lemak di kampung.

Begitu juga bagi pelajar Abdul Muiz Said, 19 dari Kelantan yang akan mengikuti program Pengurusan Industri. Beliau berhasrat untuk mencapai kejayaan cemerlang untuk membalas segala pengorbanan keluarganya yang bersusah payah sehingga membolehkannya melangkah ke menara gading ini

Minggu Induksi Siswa (MINDS) yang berlangsung selama seminggu itu melibatkan semua pelajar baharu bagi membiasakan diri dengan kehidupan di dalam kampus.

Antara program yang diadakan adalah taklimat akademik, program Bicara Merdeka, Amanat Naib Canselor serta program khidmat komuniti bersama masyarakat.



Profesor Dato' Dr. Daing Nasir dilantik semula NC UMP

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dilantik semula sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk tempoh dua tahun berkuat kuasa 16 Mei 2015 sehingga 15 Mei 2017.

Beliau buat pertama kalinya dilantik sebagai Naib Canselor UMP adalah pada 16 Mei 2008. Pelantikan semula ini dibuat oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 12 (1) Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Bagi Dato' Dr. Daing Nasir, UMP kini berada di ambang fasa keempat dalam perkembangan strategiknya untuk terus menjana kegemilangan.

Katanya, sebagai menyahut cabaran berani berbeza dalam memaknakan autonomi yang diperkenalkan dalam Amanat Tahunan UMP baru-baru ini, enam inisiatif diperkenalkan untuk UMP terus mencapai kegemilangan iaitu melonjakkan e-pembelajaran, budaya keusahawanan bersepadu, mempergiat komersialisasi, meningkatkan kesejahteraan kampus, mengurus prestasi dan memupuk kepimpinan holistik dalam mencipta kelainan.

Dalam memastikan modal insan di UMP ini mempunyai pemikiran global dengan mentaliti kelas pertama, pembudayaan kecemerlangan dalam kalangan warga kerja dan pelajar adalah menjadi keutamaan Profesor Dato' Dr. Daing.

Tambah beliau, warga universiti ini dipacu untuk berbudaya kerja cemerlang dengan berfokuskan strategi (*strategy-focused*), berasaskan nilai (*value-based*) dan berpandukan prestasi (*KPI-driven*). Semua elemen ini perlu ada dalam diri setiap warga UMP kerana ia bakal menjadi penentu kejayaan sesebuah organisasi agar dapat beroperasi dengan cemerlang dan berkesan.

"Elemen-elemen ini turut mencerminkan budaya organisasi, jika budaya organisasi baik, maka secara langsung ia dapat meningkatkan mutu kerja yang sekali gus akan menyumbang kepada kejayaan organisasi.

"Budaya kerja yang hendak dibentuk perlulah menggambarkan komitmen pihak pengurusan dalam meningkatkan kualiti dan produktiviti," katanya.

Beliau pernah dilantik sebagai Profesor Tamu Universiti Hebei di China dan di College of Industrial Management, King Fahd University of Petroleum and Mineral sekitar tahun 2008 hingga 2010.

Pelantikan ini adalah berdasarkan latar belakang akademik dan kepakaran beliau yang cemerlang dalam mengukuhkan agenda pengantarabangsaan pengajian tinggi negara dengan beberapa universiti di luar negara.

Sumbangannya dalam bidang pendidikan tidak lagi disangkal apabila dilantik sebagai Pengerusi Projek Agenda Kritikal (*Critical Agenda Project-CAP*) Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia: *Top Business School* (TBS) sejak dua tahun lalu sehingga kini. Pelantikan ini adalah sebagai usaha untuk membantu meningkatkan kualiti dan menaikkan imej pengajian tinggi negara.

Beliau juga aktif dalam menerbitkan jurnal dan pembentangan kertas kerja di peringkat nasional dan antarabangsa. Malahan Profesor Dato' Dr. Daing Mohd Nasir juga aktif menjalankan penyelidikan dan konsultansi dan berpengalaman luas dalam kepimpinan apabila dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah Usains Holding, beberapa anak syarikat di bawahnya dan Kulim Technology Management Sdn. Bhd.

Buku hasil sudut pandang beliau sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang membicarakan terhadap

cabaran pengurusan sebuah institusi pengajian tinggi bertajuk 'Universiti: Watak, Budaya dan Citra' pernah dinobatkan pemenang Anugerah Buku Negara 2013 bagi kategori Anugerah Industri Buku Umum Terbaik (Pentadbiran) yang diterbitkan Penerbit UMP.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, 60 yang berkelulusan dalam bidang perakaunan dari Universiti of Dundee pernah dilantik sebagai Pengarah Pusat Pengurusan Ter maju di Universiti Sains Malaysia (USM) dan menjadi Dekan di Pusat Pengajian Pengurusan, USM selama sepuluh tahun.

Mempunyai latar belakang dalam bidang Pengurusan, Perakaunan, Tadbir Urus dan *Research Methodology*, anak kelahiran Johor Bahru ini pernah dinobatkan menerima anugerah *Dean-of-the-Year Award* di Persidangan *Academy for Global Business Advancement* (AGBA), USA pada tahun 2004 dan anugerah *AGBA Distinguished Dean Award* pada tahun 2006.

Lebih membanggakan kepimpinan beliau dalam mempergiat bidang penerbitan membolehkan UMP diiktiraf universiti terbaik dalam kalangan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Asia yang mencatatkan perkembangan peningkatan tertinggi bagi penghasilan penerbitan dan kerjasama serantau bagi bidang kejuruteraan seperti yang dicatat dalam laporan bertajuk '*Higher Education in Asia: Expanding Out, Expanding Up*' terbitan pihak United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) untuk melihat pertumbuhan pengajian siswazah dan penyelidikan universiti di rantau ini.

Hasratnya menjadikan UMP sebagai sebuah institut pengajian tinggi bertaraf global berlandaskan daya saing kepakaran teknologi dan kejuruteraan selain menjadikan universiti ini sebagai universiti teknologi pilihan utama menjelang 2020 nanti.



Naib Canselor UMP terima Anugerah Kepimpinan Pendidikan

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menerima Anugerah Kepimpinan Pendidikan dalam Majlis Penganugerahan Kecemerlangan Pendidikan Asia Ke-6 yang berlangsung pada 12 Ogos 2015 yang lalu di Pan Pacific, Marina Square, Singapura.

Majlis anjuran World Education Congress, CMO Asia dan Majlis CMO sebagai rakan kongsi strategik manakala Stars of the Industry Group sebagai rakan kongsi penyelidikan itu mengiktiraf institusi dan individu yang melepasi beberapa tahap kecemerlangan dan menjadi contoh sebagai *role model* dan kepimpinan teladan.

Selain itu, anugerah tersebut mengiktiraf individu yang membina institusi mereka melalui kepimpinan, inovasi, antara muka akademik industri serta objektif utama melahirkan pemimpin masa depan.

Anugerah CMO Asia ini merupakan satu anugerah berprestij yang memberi penghargaan dan diperakui oleh Kongres Pendidikan Dunia.

Terdapat lebih 41 buah negara yang terlibat dalam CMO Asia ini termasuklah Malaysia. Anugerah Kecemerlangan Pendidikan ini merupakan salah satu daripada kategori anugerah peringkat Asia, selain 50 kategori lain seperti Anugerah Kecemerlangan dalam sektor Perbankan Islam, Perkhidmatan Halal, Pemasaran, Perhotelan, Perkhidmatan Kesihatan, Galian, Fesyen dan sebagainya.

Pemilihan Naib Canselor ini adalah berdasarkan sumbangan beliau dalam industri pendidikan serta kepimpinan selama ini di peringkat nasional dan antarabangsa.

Ianya juga merupakan satu pengiktirafan kepada UMP dalam melonjakkan imej UMP sebagai sebuah Universiti Awam (UA) tersohor di persada dunia sesuai dengan visi UMP untuk menjadi universiti teknologi bertaraf dunia.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir sebelum ini pernah menerima anugerah *AGBA Life-Time Achievement Award* sempena *The 7th Academy for Global Business Advancement (AGBA) World Congress* anjuran *Academy for*

Global Business Advancement (AGBA), USA dan Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2010.





FTeK berjaya anjur persidangan ETIC

Berita dan foto oleh: MOHD AKMAL AZHAR

Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menganjurkan persidangan *Engineering Technology International Conference (ETIC 2015)* buat julung-julung kalinya di Hotel Wina Holiday Villa, Kuta, Bali, Indonesia pada 24 Ogos 2015 yang lalu.

Persidangan itu adalah anjuran bersama dengan Fakulti Teknologi Kejuruteraan tiga universiti teknikal lain iaitu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Persidangan yang bertemakan '*Toward Understanding Engineering Technology for Global Industries*' itu juga dihadiri hampir 100 peserta yang terdiri daripada ahli industri dan akademik dari dalam serta luar negara.

Antara negara-negara yang terlibat dalam menyertai persidangan ini adalah peserta dari Malaysia, Amerika Syarikat, Ukraine, Perancis dan juga Indonesia.

Majlis pembukaan persidangan dirasmikan oleh Penasihat Akademik UMP Advanced Education (UAE), Profesor Dr. Abdullah Ibrahim. Turut hadir adalah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan) UniMAP, Profesor Dr. Abdul Hamid Adom, Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) UTHM, Profesor Madya Dr. Ishak Baba dan Dekan FTK UTeM, Professor Madya Mohd Rahimi Yusoff.

Tiga peserta dinobatkan sebagai kertas pembentangan terbaik iaitu Mohd Faizal Ismail, Dr. Saiful Anuar Che Ghani dan Dr. Noor Azizah Sidek.

Pengerusi ETIC 2015 yang juga merupakan Timbalan Dekan Penyelidikan FTeK, Dr. Hadi Manap berkata, persidangan yang berlangsung selama dua hari itu dianjurkan bagi menyediakan platform untuk para penyelidik dan jurutera teknologis untuk berkumpul dan berkongsi penemuan-penemuan terkini dalam bidang yang berkaitan.

"Persidangan ini juga dapat memberi dan menyebarkan

pengetahuan, kepentingan dan kaedah dalam bidang pendidikan dan pembangunan teknologi serta kejuruteraan disamping dapat mengukuh dan menjalankan kerjasama antara ahli akademik dan industri dalam bidang Teknologi Kejuruteraan," katanya.

Beliau berharap agar persidangan ETIC 2015 yang dianjurkan pada kali ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang dengan jumlah peserta yang lebih ramai serta dapat menyediakan platform yang lebih luas supaya ahli akademik dan industri dapat berkumpul dan menjalankan kerjasama yang lebih rapat terutama dalam bidang Teknologi Kejuruteraan.





UMP tuan rumah dua Persidangan Antarabangsa Sistem Komputer

Oleh: NGAHZAIFA AB. GHANI

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Persidangan Antarabangsa Kejuruteraan Perisian dan Sistem Komputer (ICSECS 2015) kali ke-4 bertemakan 'Virtuous Software Solutions for Big Data' yang diadakan serentak dengan Persidangan Antarabangsa Sains Komputer dan Pengurusan Maklumat (ICoCSIM) 2015 yang bertemakan 'Inovasi Semasa Teknologi Maklumat untuk Kehidupan yang Lebih Baik'.

Persidangan tiga hari yang bermula pada 25 Ogos 2015 yang lalu di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan itu adalah anjuran bersama Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP) dengan kerjasama Universiti Sumatera Utara, Politeknik Negeri Medan dan Amik-Stikom Tunas Bangsa, Permatangsiantar Indonesia.

Menurut Timbalan Dekan Pengajian Siswazah dan Penyelidikan, Dr. Mazlina Abdul Majid yang merupakan pengerusi bersama penganjuran program itu, persidangan ini memberi peluang kepada golongan akademik dan industri berkaitan kejuruteraan perisian dan sistem komputer untuk bertemu serta membincangkan hala tuju pembangunan bidang ini pada masa depan.

"Pembentangan ucapama disampaikan Profesor Dr Rajkumar Buyya dari University of Melbourne, Australia, dengan tajuk *Market-Oriented Clouds and Big Data Applications*.

Ucapama kedua pula oleh Profesor Dr. Kamal Zuhairi Zamli dari UMP yang berkongsi idea tentang tajuk *Exploiting Nature Inspired Algorithms for Combinatorial Interaction Testing*.

Begitu juga dengan persembahan menarik Profesor Dr. Jurg Gutknecht yang berjaya menarik perhatian peserta dengan perkongsian pengalaman berkaitan tajuk 'Medical IT: The Next Megatrend?'.

Turut berlangsung majlis makan malam meraihan para peserta yang dihadiri Dekan FSKPP, Profesor Dr. Jasni Mohamad Zain, Pengerusi Yayasan Amik Tunas Bangsa Permatangsiantar, H.M.A Ridwan Syahputra dan Dekan Fakultas Ilmu Komputer & Teknologi Informasi, Universiti Sumatera Utara, Profesor Dr. Muhammad Zarlis.

Peserta juga berpeluang melawat beberapa destinasi tarikan di Kuantan termasuk Sungai Lembing, Muzium Galian dan Pusat Tenun Pahang sempena penganjuran persidangan pada kali ini.





Persidangan Antarabangsa Mekanikal UMP perkasa bidang kejuruteraan automotif

Penganjuran *International Conference on Mechanical Engineering Research* (ICMER 2015) yang dijalankan serentak dengan *Advanced Innovation & Engineering Exhibition* (AiNEX) serta *Asia Joint-Symposium* berjaya mengumpulkan lebih 200 pakar akademik dan industri dari dalam dan luar negara bagi membincangkan hala tuju penyelidikan dalam bidang mekanikal dan automotif.

Majlis dirasmikan Timbalan Menteri Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohammad Diah di Hotel Zenith, Kuantan pada 18 Ogos 2015 yang lalu.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff, Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Profesor Madya Dr. Rizalman Mamat dan Pengarah Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC), Profesor Madya Dr. Abdul Adam Abdullah.

Menurut Datuk Dr. Abu Bakar, penyelidik bertanggungjawab dalam memastikan penyelidikan dapat dikomersialkan selain berteknologi tinggi.

“UMP telah berjaya mencapai satu tahap yang membanggakan terutamanya dalam peningkatan akademik dan penyelidikan serta penerbitan ilmiah yang berimpak tinggi

mampu merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi) di peringkat dalam dan luar negara,” katanya.

Tambah beliau, persidangan ini juga merupakan *platform* terbaik bagi jalinan strategik terhadap kerjasama penyelidikan dengan industri mahupun universiti lain termasuk dari luar negara.

Pihaknya juga menyediakan geran penyelidikan seperti Tabung Sains (*ScienceFund*) bagi penghasilan produk penyelidikan (baharu) mahupun pengetahuan lanjutan selain daripada Tabung Tekno (*Techofund*) bagi perkembangan teknologi inovasi.

Hadir sama membentang ucap tama termasuklah perkongsian pengalaman daripada tokoh terkemuka, Dato’ Sri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir yang merupakan pengerusi CMS Consortium Sdn. Bhd., Brainy Bunch Islamic Montessori, Minsyam Sdn. Bhd. serta Pengarah Eksekutif Bioalpha Holdings Berhad.

Pihak lain yang hadir adalah Dato’ Mohamad Lebai Juri yang berkongsi kepakaran tentang teknologi nuklear untuk kelestarian pembangunan, Profesor Dr. Tadashi Ariga dan Profesor Ir. Dr. Mohd.

Jailani Mohd. Nor.

Dalam majlis yang sama turut berlangsung acara menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UMP dengan Contraves Advanced Devices Sdn. Bhd. yang diwakili oleh Naib Presiden Aerospace & Defence, Burhanuddin Noordin Ali dan Takashi Saeki dari Yanmar Kota Kinabalu R&D Center Sdn. Bhd. bagi menjalinkan kerjasama akademik dalam bidang penyelidikan. Hadir mewakili UMP adalah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff.

Turut berlangsung program *Advanced Innovation & Engineering Exhibition* (AiNEX) dan *Asia Joint-Symposium* anjuran Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC) memabitkan kerjasama universiti terkemuka Iwate University Japan, Dalian University of Technology China, Hanbat National University, South Korea.

Pengunjung yang hadir juga berpeluang melawat 100 *booth* pameran penyelidikan yang terdiri daripada hasil penyelidikan dalam kalangan pelajar sekolah dan institusi pendidikan tinggi antaranya Universiti Malaya (UM), Universiti Utara Malaysia (UUM), dan Kolej Antarabangsa Automotif Malaysia (ICAM).



Penerbit dan FKM anjur Bengkel Penilaian Jurnal Scopus UMP

Berita dan foto oleh: SHALFARINA SHAHRIMAN

Sebanyak 100 kertas artikel berjaya dinilai oleh editorial, *International Journal of Automotive and Mechanical Engineering (IJAME)* dan *Journal of Mechanical Engineering and Sciences (JMES)* dalam Bengkel Penilaian Jurnal SCOPUS Universiti Malaysia Pahang (UMP), di Suria Cherating Beach Resort, Kuantan pada 11 sehingga 13 Ogos 2015 yang lalu.

Bengkel tiga hari itu adalah anjuran bersama Penerbit UMP, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK).

Menurut Editor IJAME, Engr. Dr. Muhamad Mat Noor, lebih 1,000 kertas artikel diterima oleh pihaknya sejak IJAME dan JMES diterbitkan pada 2009 dan 2011.

"Jumlah permintaan untuk diterbitkan dalam kedua jurnal itu meningkat dengan mendadak terutamanya selepas diindeks oleh SCOPUS.

"Sehingga kini, sebanyak 233 daripada 650 kertas artikel diterbitkan dalam IJAME dan 149 daripada 380 kertas artikel diterbitkan dalam JMES.

"Kita amat memerlukan penilai dalaman dan luaran yang berkualiti untuk menilai artikel yang dihantar kepada IJAME dan JMES setiap hari," katanya.

Bengkel itu turut disertai oleh editorial IJAME dan JMES iaitu Profesor Dr. Mustafizur Rahman, Engr. Dr Muhamad Mat Noor, Engr.

Dr. Kumaran Kadirgama, Profesor Madya Dr. Rizalman Mamat, Profesor Dato' Dr. Rosli Abu Bakar, Engr. Dr. Devarajan Ramasamy, Dr. Ftwi Yohaness Hagos, Hasrulazmi Hanafi, dan Md Mehdi Hassan.

Sementara itu, Pengarah Penerbit UMP, Profesor Madya Dr. Mohd Ghani Awang berkata, aktiviti terbabit akan menjadi acara dwi-tahunan antara Penerbit UMP dan FKM berikutan lambakan kerja-kerja penilaian artikel yang perlu dilaksanakan oleh sidang editor IJAME dan JMES.

Katanya, pihaknya bersedia untuk membantu editorial IJAME dan JMES dari segi teknikal untuk melancarkan proses penerbitan.



Wacana NC bentang laporan interim pencapaian universiti

Pelan strategik ini akan mencapai objektif terutamanya dalam melahirkan graduan berketerampilan melalui penawaran program Kejuruteraan dan Teknologi yang kompetitif dan menjadi peneraju dalam menyediakan kepakaran serta perkhidmatan terhadap keperluan industri dan masyarakat.

Seluruh warga kerja Universiti Malaysia Pahang (UMP) berhimpun bagi mendengar Wacana Naib Canselor UMP bertajuk, Hari Ini dan Masa Hadapan yang disampaikan oleh Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Dalam ucapannya, beliau menyampaikan Laporan Interim Pencapaian Pelan Strategik UMP dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2011-2015 sehingga 30 Jun 2015 bagi melihat sejauh mana pencapaian dan kejayaan universiti dalam memastikan ianya seiring dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) [PPPMPT].

"Tahun 2015 yang berbaki empat bulan sahaja lagi menandakan penghujung fasa ketiga pertumbuhan UMP sebelum bermulanya fasa keempat bagi pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020 ke arah menjana kecemerlangan universiti," katanya.

Dalam pada itu, Profesor Dato' Dr. Daing berbangga dengan pencapaian staf akademik dalam bidang penerbitan jurnal berimpak tinggi. Berdasarkan laporan MyRA (2012-2014) yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, pada tahun 2014 bilangan penerbitan di dalam jurnal berindeks per staf akademik

bagi UMP berada di kedudukan ketujuh (0.7) mata sitasi berbanding dengan 20 Universiti Awam (UA) lain.

Namun demikian, berdasarkan laporan yang sama bagi tahun tersebut menunjukkan bilangan sitasi per staf akademik bagi UMP (2.4) berada pada kedudukan keenam iaitu di bawah lima universiti penyelidikan iaitu Universiti Malaya (9.8), Universiti Putra Malaysia (8.5), Universiti Sains Malaysia (8.3), dan Universiti Teknologi Malaysia (5.2) yang merupakan petanda besar bahawa UMP mampu bersaing dengan lain-lain universiti dengan sokongan warga penyelidik.

Beliau percaya pelan strategik ini akan mencapai objektif terutamanya dalam melahirkan graduan berketerampilan melalui penawaran program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif dan menjadi peneraju dalam menyediakan kepakaran serta perkhidmatan terhadap keperluan industri dan masyarakat.

Sementara itu, dalam masa yang sama UMP hari ini menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat universiti dalam suasana yang cukup meriah di hadapan Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang.

Katanya, majlis ini juga dapat mengeratkan hubungan antara warga universiti dengan kemeriahan sambutan Hari Raya Aidil Fitri di samping terus berusaha memacu kecemerlangan universiti.

Sebanyak 28 gerai disediakan mengikut jabatan yang menyediakan pelbagai juadah istimewa seperti menu nasi beriani kambing yang disediakan oleh Fakulti Kejuruteraan Teknologi, sup dan roti disediakan oleh Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH), sebanyak 5,000 satay disediakan oleh Makmal Berpusat dan menu Mee Rebus disediakan oleh Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK). Lain-lain menu yang disediakan termasuklah nasi impit, lontong, laksa penang, cendol, air batu campur serta beraneka air dan kuih muih.

Hadir sama Timbalan Naib Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin dan Timbalan Naib (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff, serta Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie.



Kolokium P&P kongsi kepakaran lahirkan graduan seimbang dan holistik

Oleh: JULIANA MOHD. ALI

Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC) Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Kolokium Pengajaran & Pembelajaran bertemakan *Towards Producing Holistic, Entrepreneurial and Balanced Graduates* bertempat di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 18 Ogos 2015 yang lalu.

Program sehari itu dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus yang turut dihadiri Pengarah CAIC, Profesor Dr. Mohd Ridzuan Nordin.

Menurut Profesor Dato' Dr. Rosli, warga pendidik tidak boleh terus kekal dalam zon selesa malah perlu sentiasa memperbaiki diri dengan meningkatkan pengetahuan mereka, meningkatkan kaedah penyampaian mereka dan bersikap *up-to-date* dengan teknologi terkini sejajar dengan matlamat kerajaan untuk melahirkan kualiti IPT dan sistem pendidikan tinggi yang cemerlang.

"Tujuan sistem pendidikan tinggi adalah untuk memastikan generasi muda Malaysia dapat berkembang secara holistik, mempunyai nilai-nilai murni, ilmu, dan kemahiran yang diperlukan untuk meraih kejayaan dalam dunia yang penuh dengan cabaran dan persaingan.

"Kerajaan sedang dalam usaha membangunkan generasi pemimpin masa hadapan yang mampu melonjakkan Malaysia

ke tahap yang lebih tinggi melalui pembaharuan sistem pendidikan tinggi Malaysia yang diperkenalkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) ataupun PPPM (PT). Pelan ini telah menggariskan 10 lonjakan yang akan mendorong kecemerlangan berterusan dalam sistem pendidikan tinggi," kata Dato' Dr. Rosli.

Menurutnya, pemilihan tema ini adalah bertepatan dengan penekanan oleh pihak kerajaan untuk menghasilkan graduan yang seimbang dan holistik dengan minda keusahawanan, melahirkan 'penjana pekerjaan' dan bukan sahaja 'pencari pekerjaan'.

Kolokium yang turut mendapat sokongan pihak Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia ini telah diserikan dengan pembentangan oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, Profesor Madya Dr. Jaafar Jantan yang juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Universiti.

Lebih menarik kolokium turut menampilkan salah seorang daripada empat orang pemenang Anugerah Akademik Universiti UMP iaitu Dr. Mohd Rusllim Mohamed. Beliau memberikan pencerahan berkaitan topik *Implementation of I-CGPA in UMP*.

Menurut Dr. Mohd Rusllim, sistem I-CGPA yang akan mula dilaksanakan di Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP) sebagai fakulti perintis pada sesi

akademik akan datang menekankan kepada dua elemen utama dalam melahirkan graduan holistik iaitu A-CGPA (*Academic*) dan C-CGPA (*Co-Curriculum/ Capability*).

"Melalui kaedah ini penilaian terhadap pelajar tidak hanya bersandarkan kepada pencapaian akademik semata tetapi meliputi beberapa aspek lain seperti kepimpinan, komunikasi, kerja kumpulan, dan sebagainya," ujar beliau.

Turut membentangkan kertas kerja, pensyarah kanan di FSKPP, Wan Muhammad Syahrir Wan Hussin. Beliau yang merupakan Pemenang Anugerah Pengajaran Cemerlang 2013 (Kategori Sains Gunaan) berkongsi tentang topik *Engaging with Students in Learning Process*.

Baginya, salah satu masalah utama dalam pengajaran dan pembelajaran adalah bagaimana untuk melibatkan diri dengan pelajar dalam proses pembelajaran. Antara masalah yang timbul kerana pensyarah tidak tahu apa yang pelajar mahu semasa kuliah dan pelajar sendiri tidak dapat menyesuaikan diri dengan gaya pengajaran yang dijalankan oleh pensyarah.

Begitu juga dengan pemenang Anugerah Pengajaran Cemerlang 2014 (Sains Sosial), Dr. Nik Aloesnita Nik Mohd Alwi dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) telah mengupas dengan menarik topik pembentangan *Enhancing Students Soft Skills Through Active Learning*.

Tujuan sistem pendidikan tinggi adalah untuk memastikan generasi muda Malaysia dapat berkembang secara holistik, mempunyai nilai-nilai murni, ilmu, dan kemahiran yang diperlukan untuk meraih kejayaan dalam dunia yang penuh dengan cabaran dan persaingan.



Dalam sesi ini, beliau berkongsi antara cara terbaik yang boleh diadaptasi oleh pendidik dalam membantu pelajar mencapai kemahiran soft skills juga membincangkan sejauh mana sebahagian dari sifat-sifat dan kemahiran pelajar dapat dirangsang dalam pengajaran dan pembelajaran formal. Manakala bagi seorang pensyarah yang pakar dalam bidang Sains Komputer dan pemenang Anugerah Pengajaran Cemerlang 2014 (Kategori Sains Gunaan), Dr. Mohamed Ariff Ameen telah mengupas dan membentangkan tajuk berkaitan *Learning Diversity and Big Data*.

Turut berlangsung forum yang terdiri daripada Pengarah Pusat Keusahawanan, Profesor Dr. Noor Azlinna Azizan, Ketua Jabatan *Soft Skills*, Dr. Fatmawati Latada, Pengarah Pusat Islam & Pembangunan Insan, Dr. Mahyuddin Ismail serta Pengarah Pusat Ko-Kurikulum, Ramle Abid. Sesi tersebut dikelola oleh Timbalan Pengarah CAIC, Dr. Adzhar Kamaludin.

Lebih 200 orang yang terdiri daripada staf akademik UMP serta beberapa tenaga akademik daripada institusi yang mempunyai jalinan dan kolaborasi dengan UMP seperti Kolej Matrikulasi Pahang, Kolej Matrikulasi Teknikal Pahang, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTm) Kuantan, Politeknik Muadzam Shah dan lain-lain hadir dalam menjayakan program tersebut.





Profesor Kamal bincang kaedah pengujian perisian dan kaitan dengan fenomena alam semula jadi

Penggunaan perisian teknologi maklumat dan komunikasi pada hari ini berkembang pesat seiring dan berhubung kait dengan kehidupan seharian masyarakat Malaysia.

Malahan pada masa kini juga pengkajian berinspirasi fenomena alam semula jadi telah mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik.

Siri Syarahan Umum Profesor Universiti Malaysia Pahang (UMP) kali ini menampilkan Profesor Dr. Kamal Zuhairi Zamli dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP) dalam mengupas isu dengan lebih mendalam terhadap penyelidikan pengujian perisian.

Beliau membincangkan kaedah penjaan ujian bagi pengujian perisian dengan mengaitkannya dengan fenomena alam semula jadi yang terdiri daripada kelakuan haiwan, rangkaian sosial dan interaksi serta fitrah alam. Fenomena ini sungguh menakutkan dan menarik kerana dapat diguna pakai dalam menyelesaikan masalah-masalah dalam bidang pengkomputeran.

“Kini penyelidik mula menguna istilah *Nature Inspired Computing* (NIC) yang diilhamkan daripada fenomena alam semula jadi. Syarahan umum ini membincangkan NIC sebagai suatu kaedah penyelesaian yang berpotensi (dalam bentuk algoritma carian berinspirasi fenomena alam semula jadi) untuk menangani masalah pemilihan kes-kes ujian untuk pengujian perisian,” katanya yang menyampaikan syarahan profesor di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 28 Mei 2015 yang lalu.

Jelasnya, pengujian perisian boleh dianggap sebagai asas kepada kualiti dan

kebolehpercayaan untuk sesebuah perisian.

“Sebagai contoh, perisian yang mengawal sistem beg udara kereta. Jika masa tindak balas yang diperlukan untuk beg udara adalah 10 mili-saat, tetapi masa tindak balas yang sebenar adalah 10 saat, kemalangan nyawa dapat berlaku akibat daripada tindak balas yang perlahan dan tidak mengikut spesifikasi,” ujar beliau lagi.

Dengan kepakaran penyelidikan yang dimilikinya, ditambah pula dengan tanggungjawab tambahan beliau sebagai Dekan Penyelidikan di Jabatan Penyelidikan & Inovasi, beliau adalah tokoh akademik yang mampu memberikan pencerahan berhubung disiplin ini kepada masyarakat sekitar.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Rompin dan Sekolah Kebangsaan Maran, kemudia melanjutkan pelajaran peringkat menengah di Sekolah Menengah Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan. Pada tahun 1987, beliau ditawarkan biasiswa PETRONAS di bawah program American Top University bagi meneruskan ijazah dalam bidang Kejuruteraan Elektrik (Kejuruteraan Komputer) dari Worcester Polytechnic Institute, USA.

Dekan FSKPP, Profesor Dr. Jasni Mohamad Zain dalam memperkenalkan pembeda berkata, Profesor Dr. Kamal telah menulis lebih daripada 350 kertas kerja dalam jurnal dan persidangan di seluruh dunia dalam bidang pengujian perisian (*t-cara*) dan pengoptimuman algoritma.

Pengujian perisian begitu sinonim dengan beliau sehinggakan carian Google ‘Kamal Zamli’ secara automatik memadankan ‘*Software Testing*’ kepada nama beliau.

Katanya, selain itu beliau banyak terlibat dalam memberi ucapan, syarahan dan tutorial dalam bidang pengujian (*t-cara*) di persidangan kebangsaan dan antarabangsa. Beliau pernah mendapat tempat ke-2 dalam Anugerah Q-Merit yang dianjurkan oleh Lembaga Pengujian Perisian Malaysia (MSTB) pada tahun 2011 kerana sumbangan beliau dalam bidang pengujian perisian di Malaysia.

Dalam arena antarabangsa, beliau telah berjaya menerima geran antarabangsa dari Agilent Technologies Foundation, Amerika Syarikat berjumlah USD 15,000 pada tahun 2008 dan Long Term Comprehensive National Plan dari Arab Saudi bagi Sains, Teknologi dan Inovasi yang berjumlah 30,000 riyal pada tahun 2014.

Beliau juga pernah menerima tajaan AUNSEED-Net/Jica untuk *Short-Term Visit* di Universitas Gadjah Mada, Indonesia pada tahun 2011. Beliau juga dilantik sebagai penasihat industri bagi program Ijazah Kejuruteraan Perisian, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan penilai akademik luaran kejuruteraan perisian bagi Universiti Selangor (UNISEL) dan Kejuruteraan Komputer bagi Universiti Teknologi MARA (UITM). Beliau turut berkhidmat sebagai juruaudit MQA dalam bidang kejuruteraan perisian.

Majlis syarahan turut berlangsung sempena pelancaran buku hasil penulisan beliau bertajuk *Combinatorial T-Way Testing*. Lebih 300 tetamu hadir dalam majlis yang turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dr. Wan Azhar Wan Yusoff dan Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie.



PBMSK anjur

Persidangan Zakat

dalam Pembangunan Ekonomi Peringkat Kebangsaan 2015

Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Persidangan Zakat dalam Pembangunan Ekonomi Peringkat Kebangsaan 2015 bertemakan Zakat Pemacu Ekonomi Ummah pada 1 Jun 2015 yang lalu di Hotel MS Garden, Kuantan.

Perkongsian melibatkan pakar dalam sesi ucapnama, forum dan pembentangan 35 kertas kerja membicarakan tentang mekanisme penyelesaian kepada masalah kelemahan ekonomi umat Islam dan perjalanan, pelaksanaan dan amalan sistem ekonomi Islam khususnya zakat di Malaysia. Perkongsian ini juga berjaya membincangkan kaedah yang sistematik dan praktikal bagi memperkasa pelaksanaan sistem zakat di Malaysia dalam aspek penerimaan dan pengagihan zakat.

Menurut Pemangku Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Wan Azhar Wan Yusoff yang hadir mewakili Naib Canselor UMP berkata, bagi mencapai keseimbangan tersebut, pastinya hal-ehwal tadbir urus, kutipan dan agihan zakat memerlukan satu kerangka dan hala tuju yang terarah, dengan dimudahcara oleh dasar yang bersesuaian oleh pemerintah dan undang-undang yang khusus untuk dikuatkuasakan.

“Perubahan masa, peredaran zaman dan perkembangan teknologi telah banyak mentransformasi gaya hidup dan corak pemikiran kita. Maka dewasa ini, masyarakat kita lebih kritis sifatnya dalam menilai

pelbagai perkara di hadapan mereka, dan soal tadbir urus serta fungsi ekonomi zakat sentiasa mendapat perhatian.

“Oleh yang demikian, institusi zakat di negara ini sentiasa tercabar untuk mengekalkan kewibawaan, khususnya dalam aspek sistem penyampaian perkhidmatan bagi mengekalkan keyakinan masyarakat secara berterusan tanpa sebarang keraguan,” katanya.

Selain itu, katanya institusi zakat bukan satu tugas yang mudah, kerana pentadbiran institusi zakat itu sendiri melibatkan pengurusan sumbangan dana awam dalam jumlah yang amat besar. Oleh sebab itulah, bagi mengupaya zakat sebagai instrumen pembangunan ekonomi ummah, aspek tadbir urus korporat institusi ini perlu sentiasa diberikan perhatian yang serius secara strategik oleh pihak berkuasa agama Islam di setiap negeri.

Tambah beliau, dalam konteks tersebut, mekanisme tadbir urus zakat di setiap negeri yang beroperasi berteraskan model kawalan penuh Majlis Agama Islam Negeri ataupun model kawalan penuh institusi zakat yang khusus atau model kawalan bersama Majlis Agama Islam Negeri dan Institusi Zakat perlu mendakap konsep akauntibiliti kewangan yang profesional menurut etika Islam dan standard antarabangsa.

“Dalam hubungan tersebut, UMP sentiasa komited untuk terus bekerjasama dengan pihak berkuasa agama Islam di negeri Pahang dan juga negeri-negeri yang lain

bagi mengembangkan penyelidikan ilmiah berkaitan zakat dari pelbagai perspektif dan disiplin berasaskan realiti semasa dengan solusi yang praktikal.

“Bagi tujuan ini, UMP memiliki kepakaran dan modal insan dalam kalangan akademia di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan dan juga Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) yang berminat untuk mendalami kajian-kajian yang berkaitan dan sekaligus berupaya memberi nilai tambah kepada pemeraksanaan institusi zakat sebagai tunjang ekonomi umat Islam.

Institusi zakat di negara ini sentiasa tercabar untuk mengekalkan kewibawaan, khususnya dalam aspek sistem penyampaian perkhidmatan bagi mengekalkan keyakinan masyarakat secara berterusan tanpa sebarang keraguan.



“Pada masa ini, PBMSK dengan kerjasama Pusat Kutipan Zakat Negeri Pahang telah menjalankan penyelidikan mengenai Had Al-Kifayah iaitu garis kecukupan untuk perbelanjaan isi rumah di negeri Pahang. Penyelidikan ini mengambil masa hampir setahun dalam menentukan kayu aras terhadap kutipan dan pengagihan zakat dengan lebih tepat,” jelas beliau lagi.

Dengan kerjasama kakitangan Pusat Kutipan Zakat, seramai 1,500 responden daripada seluruh negeri Pahang, meliputi pelbagai jenis latar belakang dan demografi, telah dipilih untuk terlibat dalam penyelidikan ini yang diketuai Profesor Madya Dr. Hasan Ahmad dan Dr. Mansor Sulaiman.

Kajian itu membabitkan latar belakang sebenar isi rumah di negeri Pahang, termasuk pendapatan dan juga perbelanjaan. Data yang diperoleh dipadankan dengan senarai barangan asas keperluan berdasarkan syariat dan juga piawaian COICOP UN, seterusnya menghasilkan sistem pengiraan yang paling tepat untuk menggambarkan jumlah sebenar yang diperlukan oleh isi rumah untuk hidup di luar garis kemiskinan.

Sistem Pereka Kalkulator Had al-Kifayah yang turut dikenali dengan KifayaCalc 1.0, ini unik kerana ianya meliputi responden yang pelbagai yang bukan hanya melibatkan golongan miskin tegar sahaja, justeru gambaran sebenar kos kehidupan dapat dihasilkan.

Lebih 200 peserta hadir dalam persidangan yang turut dihadiri Mufti Negeri

Pahang, Sahibus Samahah Dato’ Sri Haji Abdul Rahman Haji Osman, Mufti Negeri Kelantan, Sahubus Samahah, Dato’ Haji Mohammad Shukri Mohamad dan Timbalan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Turut hadir Dekan PBMSK, Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Pengarah Persidangan, Dr. Mansor Sulaiman.





Hari Industri dan Pameran Kerjaya berasaskan sektor memanfaatkan pelajar UMP



Sebagai usaha meningkatkan pembangunan modal insan dan kebolehpasaran graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) menganjurkan Hari Industri dan Pameran Kerjaya Berasaskan Sektor (SFCF) yang berlangsung selama dua hari mulai 23 sehingga 24 Mei 2015 yang lalu di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang.

Kolaborasi kedua-dua penganjur melibatkan universiti dan TalentCorp ini adalah bagi menyediakan kumpulan modal insan yang kukuh dan mampan yang boleh dimanfaatkan oleh pihak industri bagi memenuhi keperluan ekonomi yang semakin kompetitif.

Dalam majlis ini menyaksikan Penolong Pengarah Kanan Bahagian Jaringan Industri Kementerian Pendidikan Malaysia,

Subramaniam a/l Krishnasamy hadir merasmikan program.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff, Pengurus Malaysian Talent Development, Nurul Azwa Hussein dan Pengarah Bahagian Jaringan dan Industri dan Masyarakat (BJIM), Profesor Dr. Zulkefli Yaakob.

Menurut Profesor Dr. Mashitah, karnival berfokuskan bidang kejuruteraan ini sangat memberi manfaat kepada pelajar terutamanya dalam kalangan pelajar tahun tiga dan tahun akhir untuk melihat peluang prospek kerjaya dalam bidang yang dipelajari, penempatan latihan industri dan peluang mendapatkan pekerjaan.

“Sebagai salah satu Universiti Awam (UA), UMP juga sentiasa memastikan bentuk modul pembelajaran dan pengajaran

terutamanya kurikulum dan kokurikulum sentiasa menepati kehendak industri agar pelajar kompeten serta berdaya saing.

“Banyak maklumat yang diperoleh daripada wakil industri yang hadir menyertai karnival ini selain temu duga spontan yang banyak membantu pelajar meningkatkan keyakinan diri yang akan diguna kelak,” katanya.

Tambah beliau lagi, sepanjang program berlangsung, pelajar dapat menghadiri temu duga terbuka, perkongsian kerjaya dan menyaksikan pameran industri membabitkan 35 industri berfokuskan kejuruteraan.

Malah, UMP turut mengadakan Hari Industri sejak sebulan lalu bagi mengadakan perbincangan dengan industri dan berkongsi kepakaran daripada pihak industri sendiri dalam melatih pelajar membuat

persediaan sebelum melangkah dalam bidang pekerjaan.

Tambah beliau, SFCF 2015 adalah amat tepat pada masanya, kerana ia menangani kebimbangan kerajaan semasa ke atas pembangunan bakat, siswazah dan kecekapan pelajar, isu-isu yang memerlukan perhatian serius pihak kementerian dan universiti.

UMP menyambut baik hubungan strategik dengan pihak TalentCorp yang merupakan suatu platform dalam merapatkan hubungan industri dan universiti malahan yang boleh dimanfaatkan.

Hampir 3,000 pelajar hadir untuk bertemu dan berinteraksi dengan Ketua Pegawai Eksekutif dan wakil-wakil pengurusan sumber manusia daripada syarikat-syarikat yang menyertai karnival kali ini dalam sesi *Coffee Talk*, *Celebrity Talk* dan temu duga terbuka.



UMP menjadi tanda aras terbaik pelaksanaan program OBE

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima kunjungan dua Universiti Awam (UA) iaitu Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam yang hadir untuk berkongsi kepakaran dalam pelaksanaan program *Outcome-Based Education* (OBE) di universiti ini pada 26 Jun 2015 yang lalu.

Kunjungan UMP diketuai Timbalan Pengarah Pusat Perancangan dan

Pembangunan Akademik (PPPA), Profesor Madya Dr. Wan Muhamad Amir Wan Ahmad dan Ketua Pasukan OBE UMT, Profesor Madya Dr. Noor Maizura Mohamad Noor bersama 19 delegasi lain.

Menurut Pengarah Pusat Inovasi dan Daya Saing Akademik (CAIC), Dr. Mohd. Ridzuan Nordin, kunjungan delegasi ini diselaraskan oleh Unit Jaminan Kualiti Akademik (UJKA) dalam usaha menjaga kepentingan terhadap peningkatan kualiti akademik dalam universiti.

“Hasil dari lawatan ini, UMT berminat dengan model dan sistem yang dibangunkan hasil kerjasama melibatkan UJKA, CAIC serta Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK). Pelaksanaan OBE di universiti ini dimulakan pada semester 1 sesi 2015/2016 dan diperkukuhkan pada semester 2 sesi 2015/2016,” katanya.

Tambah beliau, pihak UMT

juga tertarik dengan sistem *Course Outcome/Program Outcome* (COPO) yang diintegrasikan ini. Selain itu, perkongsian ini pastinya dapat memperkasakan kualiti akademik terutamanya dalam kalangan universiti awam.

Begitu juga dengan kunjungan yang diterima dari UiTM baru-baru ini memabitkan Fakulti Kejuruteraan Awam (FKJA) dengan kerjasama Institute Quality & Knowledge Advancement (InQKA), Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) dan Pejabat Teknologi Maklumat UiTM (Infotech).

Dalam lawatan ini, delegasi diketuai Profesor Dr. Azme Ibrahim, Pengarah Pembangunan Akademik, Profesor Nor Aziah Alias, Pengarah Infotech, Profesor Madya Mohd Zaki Abdullah serta staf dari Fakulti Kejuruteraan Awam, Unit Pengurusan Kualiti dan Pusat Sistem Maklumat dan Konfigurasi.



Pencapaian UMP dalam P&P diiktiraf

Berita dan Foto oleh: JULIANA MOHD. ALI

Universiti Malaysia Pahang (UMP) meraih satu pingat emas dan dua pingat gangsa dalam *Innovative Practices In Higher Education Expo 2015 (I-PHEX)* yang berlangsung di Dewan Besar Tan Sri Ainuddin, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur pada 6 Ogos 2015 yang lalu.

Penganjuran kali kedua selepas diperkenalkan pada tahun lalu di peringkat antarabangsa ini menyaksikan program anjuran bersama oleh Pusat Pendidikan Kejuruteraan (CEE), UTM, PETROSAINS dan Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi, International Federation of Engineering Education Societies (IFEES), Society for Engineering Education Malaysia (SEEM) dan the Institute of Engineers Malaysia (IEM).

Pingat emas telah dimenangi oleh pensyarah kanan dari Fakulti Kejuruteraan

Elektrik & Elektronik (FKEE), Dr. Mohd Rusllim Mohamed melalui inovasi pengajaran dan pembelajaran (P&P) bertajuk *Implementation of Integrated Student Capability System (IMS Academic) for all Academic Programs at Universiti Malaysia Pahang towards Integrated CGPA.*

Manakala pingat gangsa diraih oleh pensyarah kanan dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Dr. Adzhar Kamaludin dan pensyarah kanan dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Dr. Nik Aloesnita Nik Mohd Alwi melalui inovasi masing-masing iaitu *Student Engagement through Integration of Flipped Classroom and Problem Based Learning Approaches for Class of Repeat Students* dan *Computer-mediated intercultural communication through the window of English as a Lingua Franca.*

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus berkata, ekspo ini mengiktiraf seterusnya memberi ganjaran kepada usah-usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan yang lebih tinggi.

"Bagi penganjuran kali ini, sebanyak sepuluh penyertaan yang dihantar oleh UMP telah diterima oleh pihak penganjur meliputi pelbagai kategori yang dipertandingkan antaranya inovasi kurikulum, inovatif penilaian, inovatif pelajar menggunakan pendekatan pembelajaran SCL, program khas sokongan akademik, pendidikan untuk pembangunan berterusan dan kelbagaian pembelajaran.

Katanya, penyertaan dalam kalangan pensyarah ini dilihat bukan sahaja merupakan

satu peluang untuk mempromosikan amalan inovatif berkait rapat dengan P&P di peringkat antarabangsa malahan ianya juga merupakan satu platform yang boleh dimanfaatkan oleh staf akademik UMP kepada amalan inovatif P&P daripada institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara yang turut serta," katanya.

Selain itu, penyertaan ini turut mempromosikan amalan inovatif yang berkait rapat dengan pengajaran dan pembelajaran di UMP serta berkongsi amalan inovatif daripada institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara yang lain.





UMP, UTM anjur pertandingan *Three Minutes Thesis* 2015

Oleh: PROFESOR MADYA IR. DR. AHMAD ZIAD SULAIMAN

Institut Pengajian Siswazah (IPS) Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui bersama Sekolah Pengajian Siswazah (SPS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menganjurkan pertandingan *Malaysia 3 Minutes Thesis* (3MT) yang berlangsung di Anjung Menara Razak, Kampus Bandar UTM Kuala Lumpur pada 12 Mei 2015 yang lalu.

Pertandingan tersebut merupakan program kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan Majlis Dekan-dekan Pengajian Siswazah (MDPS) Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Program sehari itu bertujuan meningkatkan kemahiran berkomunikasi

dalam kalangan pelajar siswazah pengajian peringkat kedoktoran (PhD) menerusi pembentangan projek penyelidikan yang sedang dijalankan dalam tempoh singkat dengan gaya penyampaian yang mudah difahami.

Seramai 69 pelajar siswazah menyertai pertandingan yang melibatkan pelbagai bidang pengajian iaitu bidang Kejuruteraan, Sains & Teknologi serta Sains Sosial.

Pertandingan ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan II, Yang Berhormat P. Kamalanathan A/K P. Panchanathan. Turut hadir Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTM, Profesor Dr Rose Alinda Alias.

Dato' Dr Daing Nasir dalam ucapannya berkata, pertandingan ini merupakan satu bentuk latihan akademik yang baik yang dapat membangunkan kemahiran akademik, kemahiran pembentangan dan komunikasi penyelidikan serta pada masa yang sama, menyokong kepada pembangunan keupayaan pelajar dalam penyelidikan, terutamanya dalam menjelaskan perspektif akademik mereka dengan cara yang lebih santai dengan gaya bahasa yang sesuai kepada bukan penonton yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai penyelidikan itu.

"Pertandingan ini juga satu usaha mengenal pasti bakat dan kesediaan para pelajar siswazah UMP untuk bersaing ke peringkat antarabangsa dengan mengetengahkan hasil kajian penyelidikan yang dijalankan mereka demi manfaat semua. Selain itu, pertandingan ini juga secara tidak langsung merupakan satu strategi penjenamaan universiti ke peringkat antarabangsa," katanya.

Sementara itu, Dekan IPS, Profesor Dr.

Abdullah Embong berkata, pertandingan ini sememangnya merupakan satu inisiatif MDPS amnya dan IPS khususnya dalam memupuk budaya kreativiti dan memasyarakatkan hasil penyelidikan untuk dikongsikan dengan masyarakat umum selain meningkatkan motivasi dan kemahiran berkomunikasi para pelajar.

Beliau yang hadir mewakili Naib Canselor UMP pada sebelah petang turut menyampaikan hadiah dan cenderahati kepada pemenang mengharap agar aktiviti seperti ini dapat dijayakan dengan lebih baik oleh UMP pada masa hadapan.

Manakala bagi Timbalan Dekan IPS yang bertindak selaku pengarah bersama penganjuran 3MT UTM-UMP, Profesor Madya Ir. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman, pertandingan ini merupakan aktiviti yang dirancang awal oleh MDPS dan bagi IPS UMP ianya adalah di bawah KPI pembangunan profesional pelajar.

"Penganjuran ini merupakan sebagai usaha pihaknya dalam mengenal pasti bakat dan kesediaan pelajar siswazah UMP untuk bersaing ke peringkat global yang mana seorang peserta terbaik dalam kalangan enam orang wakil UMP akan dihantar menyertai *Trans-Tasman 3-Minutes Thesis Competition* yang akan berlangsung di University of Queensland, Brisbane Australia yang akan diadakan pada 2 Oktober 2015 nanti.

"Pemilihan pelajar ini adalah dalam kalangan mereka yang merupakan peserta terbaik yang terpilih melalui pertandingan 3MT peringkat UMP yang diadakan di UMP pada 27 April 2015 yang lalu," ujar beliau.

Majlis menyaksikan pertandingan keseluruhannya dimenangi oleh UTM. Bagi penganjuran kali ini, UTM telah dipilih sebagai penganjur utama pertandingan manakala UMP bertindak sebagai penganjur bersama.



Weerana a/p Eh Kan menang Anugerah Emas Thesis dalam Sambutan Hari Air Sedunia 2015

Berita dan foto oleh: RUZINAH ISHA



Sambutan Hari Air Sedunia 2015 peringkat kebangsaan anjuran UNESCO-IHP Malaysia bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan UNESCO Humid Tropics Center Kuala Lumpur telah diadakan di Auditorium JPS Ampang pada 12 Mei 2015 yang lalu.

Bertemakan 'Air dan Pembangunan Mampan', sambutan ini telah dirasmikan oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Yang Berhormat Datuk Seri G. Palanivel.

Turut hadir Ketua Pengarah JPS Malaysia, Dato' Ir. Zainor Rahim Ibrahim yang juga merangkap Pengerusi UNESCO-IHP Malaysia.

Bersempena dengan majlis ini, pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Weerana a/p Eh Kan dianugerahkan pingat emas dalam Pertandingan Thesis Sarjana Muda Terbaik.

Thesis yang bertajuk '*Hybrid Photocatalyst for Seawater Purification*' seliaan Dr. Ruzinah Isha adalah mengenai penghasilan air bersih dari air laut.

Berbanding teknologi komersial, kelebihan penyelidikan ini adalah penggunaan mangkin yang dihasilkan dari bahan buangan kelapa sawit dan proses yang mesra alam dengan menggunakan cahaya ultra ungu.

Weerana memenangi hadiah wang tunai RM600 berserta plak dan sijil.

"Air merupakan antara keperluan asas kehidupan. Air laut yang banyak dan sangat berpotensi digunakan untuk menghasilkan air bersih dan bermaafat kepada nelayan, bot, pelantar minyak dan kawasan pulau," ujar beliau.

Lebih manis lagi, pendarah dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Dr. Nurul Nadrah Aqilah Tukimat turut memenangi Anugerah Emas Tesis Doktor Falsafah.

Dr. Nurul Nadrah memenangi hadiah wang tunai RM 1,000, plak dan sijil. Manakala, pemenang Anugerah Emas Tesis Peringkat Sarjana pula dimenangi oleh Siti Nor Farhana Zakaria dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Anugerah Khas Sumber Air pula dimenangi oleh AJK Tagal Sg. Moroli, Kampung Luanti Baru, Ranau, Sabah yang membawa pulang RM 30,000, plak dan sijil.

Majlis juga diserikan dengan persembahan Koir Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).



Bengkel Penulisan dan Penyediaan Modul Pengajaran tarik minat pensyarah menulis

Berita dan foto oleh: SHALFARINA SHAHRIMAN



Seramai 30 pensyarah dari pelbagai fakulti di Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Bengkel Penulisan dan Penyediaan Modul Pengajaran anjuran Penerbit UMP pada 24 Ogos 2015 yang lalu.

Bengkel yang diadakan di Auditorium Perpustakaan UMP Kampus Gambang itu memberi pendedahan kepada pensyarah tentang teknik penulisan dan proses penerbitan mengikut gaya Penerbit UMP.

Pengarahnya, Profesor Madya Dr. Mohd Ghani Awang berkata, bengkel itu juga

diadakan sebagai salah satu usaha Penerbit untuk mengeluarkan lebih banyak modul pengajaran bagi sesi tahun ini dan depan.


“Menerusi bengkel ini, kita dapat menyalurkan pengetahuan tentang cara penulisan modul yang lebih berkesan untuk disampaikan kepada pelajar dengan menggunakan kaedah Format Ghani.

“Di samping itu, kita juga turut menerangkan proses penerbitan mengikut piawaian Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) supaya buku dan modul yang

dikeluarkan berjaya memenangi pertandingan yang dianjurkan badan terbabit,” katanya.

Sementara itu, guru bahasa Jepun, Mohd Iszuani Mohd Hassan dari Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK) berkata, penganjuran bengkel seumpama ini merupakan langkah yang baik berikutan dapat menyebarkan maklumat secara sama rata kepada semua pensyarah di fakulti.

“Bengkel ini banyak membantu saya dalam merancang penerbitan modul bahasa Jepun pada tahun depan,” ujar beliau.



Penyelidikan UMP menang anugerah **ITEX**



Universiti Malaysia Pahang (UMP) meraih tujuh pingat emas, lapan pingat perak dan tiga pingat gangsa dalam Pameran Teknologi, Inovasi dan Reka Cipta Antarabangsa (ITEX) 2015 yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 23 Mei 2015 yang lalu.

Pingat emas universiti disumbangkan oleh Dr. Nina Suhaity Azmi dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FIST) yang memenangi produk penyelidikan bertajuk '*GLAMEquinn: Serum To Strengthen Hair and Prevent Hair Loss*'.

Menerusi penyelidikan ini beliau telah menemui serum untuk rambut gugur yang boleh juga menguatkan gentian rambut, mengekalkan kesihatan dan kecantikan rambut yang diekstrak daripada spesis ikan pari yang tidak dimakan.

Pingat emas turut disumbangkan penyelidik Dr. Ramaraju Ramgopal Varma dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTek) dengan hasil produk '*Nano Coolants In Automobile Radiator dan Green Energy Storage Supercapacitor From Biowaste*' oleh Dr. Chong Kwok Feng dari FSTI.

Pingat emas lain dimenangi menerusi produk '*AR Science For Kids (ARKIDS)*' hasil penyelidikan Noraniza Samat dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP).

Pingat emas turut disumbangkan penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Kimia

& Sumber Asli (FKKSA), Profesor Madya Dr. Abdurahman Hamid Nour dengan hasil produk '*The Potentials Of Water-In-Diesel (W/D) Emulsions As A Future Fuel*' dan hasil penyelidikan Profesor Madya Dr. Md. Maksudur Rahman Khan menerusi produk '*Wastewater To Battery Material*'.

Seterusnya turut meraih pingat emas iaitu Dr. Doh Shu Ing dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) menerusi produk '*CHAR-ISS-Potential Cement Replacement In Concrete*'.

Manakala bagi pingat perak pula dimenangi Profesor Madya Dr. Saiful Nizam Tajuddin menerusi hasil penyelidikan '*ELIMINIT: Combating Nitrite in Edible Bird's Nest*' dari FIST.

Tiga pingat perak lagi diraih penyelidik dari FKKSA iaitu Profesor Madya Dr. Hayder A. Abdul Bari menerusi penyelidikan '*Shark Skin for Enhancing the Flow of Ships and Submarines*', Profesor Madya Dr. Arun Gupta menerusi '*Development of Bioplastic Using Polypropylene and Starch*' dan Mohd Najib Razali menerusi penyelidikan '*Recovery of Base Oil From Waste Slop Oil (WSO): Innovative Solution for Marine and Heavy Industries*'.

Penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) juga berjaya meraih dua pingat perak yang diraih oleh Dr. Saiful Anwar Che Ghani menerusi produk '*Internally Cooled Cutting for Sustainable*

Machining' dan Zulkifli Ahmad@Manap menerusi produk '*Smart Monitoring and Rehabilitation System for Stroke Patient*'.

Begitu juga produk '*Intelligent Classification System of Ammonia in Water*' menerusi penyelidik Dr. Muhammad Sharfi Najib dari FKEE dan produk '*Trans B App for Youth Sustainability Rural Livelihood*'. Penyelidiknya Imaduddin Abidin dari PBMSK yang turut memenangi pingat perak.

Pingat gangsa pula dimenangi melalui produk '*Bio-Polymer Ligands Used as a Reducing Agent for Preparing Gold Nanoparticles*' dari hasil penyelidikan Profesor Madya Dr. Md. Lutfor Rahman manakala Dr. Hazrulrizawati Abd Hamid pula menerusi produk '*Production of Aroma Compounds by Degradation of Carotene From Crude Palm Oil And Oil Palm Wastes*' dan Dr. Mohd Fairusham Ghazali melalui produk '*LeDectSys-Leak Detection System*'.

ITEX 2015 merupakan anjuran Pertubuhan RekaCipta dan Rekaan Malaysia (MINDS) kali ke-26 ini telah disertai lebih 1,000 produk penyelidikan dari pelbagai agensi dalam dan luar negara.

Penyertaan ini melibatkan sebanyak 1,008 pereka daripada 21 negara Asia mengambil bahagian dan berdasarkan pecahan terdiri daripada 70 peratus pereka tempatan manakala 30 peratus pula adalah pereka antarabangsa.



UMP jalin kerjasama dengan Bosch tawar biasiswa dan latihan industri

Syarikat Bosch (Malaysia) yang merupakan pengeluar global teknologi dan perkhidmatan mengumumkan kerjasama dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi menawarkan biasiswa dan latihan industri dalam bidang mekatronik dan automotif dalam melahirkan pelajar yang berkemahiran dan mempunyai nilai tambah.

“UMP adalah salah satu Universiti Awam (UA) yang memfokuskan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi. Dengan perkongsian strategik ini, kami berhasrat untuk mengiktiraf dan membangunkan individu muda berbakat, mengukuhkan pengetahuan kejuruteraan melalui bengkel dan pengalaman latihan (*on-the-job*) dengan perspektif global melalui program latihan industri dengan syarikat kami,” kata Pengarah Urusan Bosch di Malaysia, Simon Song.

Justeru, Bosch akan menganugerahkan dua biasiswa pada satu masa untuk pelajar

terpilih yang mengikuti pengajian dalam bidang Kejuruteraan Mekatronik dan Automotif serta menjalani program dwijjazah dengan Karlsruhe University of Applied Science (HsKA) Jerman.

Dalam menjalani latihan industri, Song menekankan bahawa pelajar akan menjalani penempatan latihan industri selama enam bulan di pusat penyelidikan dan pembangunan di Bosch Car Multimedia dan Bosch Power Tools yang terletak di Pulau Pinang. Pelajar akan dibimbing dan diberi peluang untuk bekerja bersama pakar-pakar dalam bidang pilihan mereka.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, perkongsian itu adalah contoh program yang meningkatkan kualiti taraf pendidikan bagi tenaga kerja tempatan.

“Kerjasama dengan pemain industri global seperti Bosch ini membolehkan pelajar kita menerokai kemajuan teknologi terutamanya dalam bidang teknologi kejuruteraan Automotif

dan Mekatronik ini,” katanya.

Bosch kini mempunyai lebih daripada 2,100 syarikat-syarikat bersekutu di Malaysia, yang terletak di Pulau Pinang, Shah Alam dan Petaling Jaya. Bosch menjangkakan pertumbuhan perniagaan yang kukuh pada tahun-tahun akan datang selari dengan peningkatan dalam sumber manusia yang berkaitan.

“Dengan perkembangan yang berterusan Bosch di Malaysia, kami memerlukan profesional berkualiti tinggi bagi menyokong dan memacu pertumbuhan perniagaan. Kami berharap melalui kerjasama ini akan dapat membangun dan memupuk bakat untuk kesan positif dalam jangkamasa yang panjang di Malaysia,” tambah Song.

Dalam majlis itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim menandatangani MoU bagi pihak universiti, manakala Bosch Malaysia diwakili oleh Pengarah Urusan Teknikal Bosch Car Multimedia Pulau Pinang, Mergili Lothar dan Pengarah Urusan Bosch Power Tools

Pulau Pinang, Lars Kabatnik dengan disaksikan oleh Duta Besar Jerman ke Malaysia, HE Mr. Holger Michael, Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar Negeri Pahang, Dato’ Ir. Haji Mohd Soffi Tan Sri Abd. Razak, Pengarah Urusan Bosch di Malaysia, Simon Song dan Pemangku Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Wan Azhar Wan Yusof.

Program tersebut berlangsung sempena ‘Hari Jerman’ yang dianjurkan oleh pihak Kedutaan Jerman dan UMP pada 13 Mei 2015 yang lalu di Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang.

Pameran ini mendapat sambutan menggalakkan daripada pihak industri Jerman di Malaysia termasuklah pihak Volkswagen, Siemens, Airbus, BASF, BMW dan Rohde & Schwarz.

Lebih 500 pelajar hadir mendengar ceramah kerjaya dan meneroka peluang industri serta mendapatkan peluang kerjaya dengan syarikat Jerman yang beroperasi di Malaysia.



UMP jalin kerjasama dengan Universiti Kazakhstan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperluaskan bidang akademik dan penyelidikan universiti ini apabila menjalinkan kerjasama strategik dengan Universiti Baishev Aktobe's (UBA), Kazakhstan pada 18 Mei 2015 yang lalu UMP Pekan.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, tumpuan kerjasama dengan UBA adalah melibatkan pertukaran pelajar, latihan, bidang penyelidikan dan pertukaran staf terutamanya dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE).

"Kerjasama membabitkan kedua-dua

universiti ini akan memantapkan lagi dalam hubungan dua hala. Antara bentuk kerjasama yang telah dikenal pasti adalah penganjuran bersama seminar, pembangunan kajian kes dan program latihan praktikal untuk pelajar dan staf.

"Kerjasama ini dilihat sebagai satu peluang yang baik untuk berkongsi kepakaran dengan institusi yang berpengalaman seperti UBA.

"Selain itu kerjasama ini juga mampu memperkasakan program kejuruteraan serta membuka ruang yang luas untuk kerjasama strategik antara kedua-dua belah pihak," katanya.

Beliau juga turut memuji inisiatif FKEE dalam menggerakkan usaha menjalinkan hubungan kerjasama dengan beberapa

rakan dari industri tertentu untuk menjadi pemangkin dalam pembangunan industri dan menghasilkan produk penyelidikan.

Dalam majlis itu menyaksikan UMP diwakili Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Dr. Mohd Yuhyi Mohd Tazza menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) manakala pihak UBA diwakili Presiden UBA, Profesor Bekezhen Akhan.

Turut berlangsung Memorandum Perjanjian (MoA) antara UMP dengan universiti ini menerusi penyelidikan pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) UMP, Dr. Mahyuddin Ismail.

Hadir sama Dekan FKEE, Profesor Madya Dr. Kamarul Hawari Ghazali dan Timbalan Presiden UBA, Profesor Madya Serik Akhanov.





UMP meterai persefahaman dengan HTAA tingkat kecekapan perkhidmatan

Dengan menggunakan konsep 'Kaizen' bagi menambah kualiti kerja dan perkhidmatan di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) berjaya menghasilkan beberapa projek penyelidikan yang sedang dan akan dibangunkan bersama pihak HTAA.

Justeru, pada 6 Mei 2015 yang lalu telah berlangsung Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMP dan HTAA bagi membantu menambahbaik terhadap penggunaan peralatan dan perkhidmatan di hospital berkenaan.

Hadir menandatangani MoU adalah Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Dekan FKEE, Profesor Madya Dr. Kamarul Hawari Ghazali manakala pihak HTAA diwakili Timbalan Pengarah Perubatan HTAA, Dr. Lutfi Ahmad Yassin dan Pakar Perunding dan Ketua Jabatan Patologi, Dr. Azlina Abd. Rahman.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir berkata, antara usaha yang sedang dijalankan adalah membangunkan sistem dan peralatan *E-Nose* bagi mengesan kadar bau *clorofom* atau *formalin* daripada bahan pengawet untuk pemeriksaan organ dalaman di Makmal Jabatan Patologi HTAA.

"Kajian yang diketuai Dr. Muhammad Sharfi Najib ini membantu staf di Jabatan Patologi untuk mengesan kadar tinggi atau rendah bahan kimia yang digunakan agar tidak memberi kesan terhadap kualiti udara di makmal yang boleh mengundang bahaya kepada petugas," katanya.

Ujar Dato' Dr. Daing, penyelidik UMP juga

bakal menjalankan lima kajian iaitu *auto stop blood* bagi memudahkan pengumpulan darah semasa kempen derma darah, membangunkan robot bagi penghantaran sampel dan dokumen antara jabatan.

Lain-lain adalah *auto temperature control* untuk peti sejuk bagi menyimpan sampel dan *temperature or PH level auto detector* untuk kolam rehabilitasi.

Beliau berbangga dengan kumpulan penyelidik ini yang berjaya menggunakan kepakaran mereka dalam usaha membantu masyarakat sekitarnya.

Usaha ini dilihat agar kewujudan universiti ini dapat dirasai dan suaranya didengari malahan mengharap agar usaha penyelidik UMP ini mampu menghasilkan lebih banyak penyelidikan yang boleh dimanfaatkan bersama masyarakat.

Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim turut menghargai kerjasama dan kepercayaan pihak HTAA dalam memberi peluang kepada penyelidik UMP berkongsi kepakaran bagi menambah baik permasalahan yang mereka hadapi.

Selain itu juga, jalinan kerjasama yang dirangka ini merupakan satu manifestasi kepada peningkatan kualiti akademik UMP dalam berkongsi kepakaran bersama masyarakat setempat dengan lapangan penyelidikan yang tidak terhad tetapi begitu luas.

Penyelidikan ini membabitkan Timbalan Dekan Akademik FKEE, Profesor Madya Dr. Hamzah Ahmad, Ketua Teknikal FKEE, Dr. Mohd Syafie Najib, Ketua Program FKEE, Dr. Saifuddin Ghazali, dan pensyarah FKEE, Dr. Mohd Ghazali Daud.





Kolaborasi industri – academia jalin hubungan baik

Dalam usaha menjalinkan hubungan baik dengan pengamal industri di negeri ini, Jabatan Jaringan Industri dan Kemasyarakatan (JJIM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan *Forum Industry Academia Collaborative (IACF) 2015* yang berlangsung di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 6 Ogos 2015 yang lalu.

Seramai 26 wakil industri terlibat antaranya adalah BASF Petronas, Cargill Palm Products Sdn. Bhd., Hicom Automotive Manufacturers (M) Sdn. Bhd. dan Vacuumschmelze (M) Sdn. Bhd. memberikan penanda aras yang positif dalam mendapatkan semangat kolaborasi di antara pihak UMP dengan pihak industri.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, IACF 2015 merupakan sambungan daripada CEO *Roundtable Meeting*

yang diadakan pada tahun lepas.

“Universiti akan terus berperanan dalam membina hubungan baik dan mempergiatkan program termasuk berkongsi kepakaran dalam usaha menangani masalah industri.

“UMP mempunyai tenaga kepakaran dalam kalangan ahli akademik yang boleh dimanfaatkan pihak industri terutamanya dalam menawarkan khidmat nasihat, kursus pendek, latihan, dan menjalankan penyelidikan bersama.

“Selain itu, kedudukan UMP terutamanya di Pekan merupakan lokasi yang strategik kerana berhampiran dengan kawasan hub perindustrian automotif membabitkan nama besar dalam industri automotif negara seperti DRB Hicom, Mercedes Benz, Suzuki, Volkswagen, Isuzu dan DRB-HICOM Defence Technologies Sdn. Bhd. (DEFTECH),” ujar beliau.

Forum tersebut juga turut membincangkan mengenai program PhD Industri yang ditawarkan oleh UMP kepada tenaga kerja dalam industri untuk menyambung pengajian dalam bidang yang mereka ceburi.

Sementara itu, Pengarah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir

Termaju (CARIFF), Profesor Madya Dr, Hayder A. Abdul Bari turut memberikan pencerahan mengenai kajian penyelidikan dan kemudahan yang terdapat di universiti ini bagi membantu pihak industri.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Pengarah JJIM, Profesor Dr. Zulkefli Yaacob dan Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie.



UMP, ECERDC bangun Medan Ikan Bakar dan Pusat Pemprosesan Hasil Laut

Oleh: ZAINAL HAJI BAHARI

Program empower ECER Mahkota yang diusahakan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama UMP Advanced Education (UAE) terus berkembang dan maju ke hadapan apabila terus mendapat kepercayaan daripada Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dalam membangunkan satu pembinaan Kompleks Medan Ikan Bakar dan Pusat Pemprosesan Hasil Laut di Kuala Pahang.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, ECERDC telah melantik UMP selaku *Project Management Consultant* (PMC) bagi menjayakan projek yang julung kali menggunakan model pengurusan projek sebegini.

"Selaku PMC yang dilantik, ECERDC telah memberikan tanggungjawab sepenuhnya dari segi penyediaan konsep dan reka bentuk termasuk mendapatkan kelulusan pembinaan, sehinggalah menyelia pembinaan di tapak binaan ini.

"Setelah siap nanti, kompleks ini akan diusahakan oleh para peserta lepasan program latihan kemahiran dan keusahawan yang telah dilatih pihak UAE," katanya yang hadir menyaksikan sendiri pembangunan di kawasan ini pada 26 Ogos 2015 yang lalu.

Menurutnya, kerja pembinaan kompleks yang dibangunkan di atas tanah berkeluasan 6.998 ekar ini bermula sejak bulan Mac tahun ini dan dijangka siap pada Januari tahun hadapan.

Kompleks yang menelan belanja RM7.7 juta itu akan menempatkan empat buah unit pusat pemprosesan hasil laut, empat unit restoran serta dilengkapi dengan kemudahan lain seperti surau, wakaf, tandas, tempat letak kenderaan, pusat jualan, dan taman permainan.

Kompleks ini juga dibangunkan dengan menggunakan kepakaran pensyarah UMP di bawah Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) yang diketuai oleh Engr. Noram Irwan Ramli serta dibantu tenaga pensyarah seperti Dr. Mohamad Idris Ali dan beberapa staf universiti yang lain.

Ujar Dato' Dr. Daing lagi, pihak universiti amat berbangga dengan

usaha serta komitmen yang ditunjukkan oleh semua pihak di dalam memastikan program empower ECER Mahkota serta pembangunan kompleks ikan bakar berjalan mengikut jadual.

Katanya, hasil lawatan baru-baru ini oleh Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan ECER (ECERDC), Datuk Seri Jebasingam Issace John, pihak ECERDC berpuashati dengan kemajuan projek yang dilaksanakan dan kemajuan projek setakat ini mencapai 67 peratus malahan mendahului daripada apa yang dijadualkan.

Sementara itu, menurut Pengurus Projek empower ECER Mahkota, Zainal Haji Bahari, projek ini dijangka dapat membantu meningkatkan pendapatan peserta di samping merencanakan lagi aktiviti ekonomi di kawasan tersebut.

"Selain itu, pihaknya akan mengadakan sesi pemilihan peserta tidak lama lagi dan dijangka kompleks ini akan mula beroperasi sepenuhnya pada bulan Mac tahun hadapan," tambah beliau.





Program Empower ECER Mahkota bantu golongan belia kembangkan perniagaan

Oleh: ZAINAL HAJI BAHARI

Enam peserta daripada lepasan Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan *empower* ECER Mahkota kini mampu tersenyum dan menarik nafas lega apabila mereka berjaya melepasi saringan temu duga dan terpilih untuk memulakan perniagaan di Kompleks Serambi Pekan yang dibangunkan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).

Bangunan kompleks yang menelan belanja kira-kira RM 12 juta meliputi kawasan seluas lebih 21,000 kaki persegi ini dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Najib Tun Razak dalam satu majlis perasmian yang diadakan pada 23 Mei 2015 yang lalu di Pekan, Pahang.

Kompleks ini diwujudkan bertujuan untuk menyediakan platform bagi usahawan industri kecil dan sederhana mempamerkan dan menjual produk tempatan.

Ini selaras dengan dasar kerajaan untuk mempertingkatkan taraf pendapatan usahawan kecil dan sederhana sekaligus mampu membentuk ekonomi yang kukuh bagi pendapatan negara.

Menurut Pengurus Projek ECER UMP, Zainal Haji Bahari, mereka yang terpilih merupakan peserta yang telah menamatkan program kulineri, jahitan dan rekaan fesyen serta membaiki telefon bimbit. Mereka dilatih oleh pihak UMP melalui UMP Advanced Education (UAE) dan Persatuan Wanita UMP (Matahari) dalam Program Latihan kemahiran dan Keusahawanan yang dibiayai pihak ECERDC.

"Program Empower ECER Mahkota yang dimulakan sejak tiga tahun lalu banyak menghasilkan usahawan kecil dan sederhana serta berjaya meningkatkan taraf hidup mereka. Melalui program yang ditawarkan oleh pihak ECERDC, seramai 215 peserta telah dilatih untuk menguasai kemahiran mengikut bidang yang mereka minati. Peserta

kemahiran ini dibimbing menjadi usahawan kecil dan sederhana yang berjaya," katanya.

Tambah beliau, sokongan dari segi material dan moral sentiasa disuntik oleh pihak ECERDC dan UMP bagi memastikan para peserta berada di landasan yang tepat dan sentiasa bersemangat untuk menjadi usahawan yang berjaya.

Antara peserta yang mendapat bantuan ialah Julizawati Idris, pemilik Juliza Collection yang merupakan peserta yang menerima *push cart* sumbangan Empower ECER Mahkota bagi menjalankan perniagaan tempahan dan jualan pakaian. Begitu juga dengan pengusaha Fieza Collection, Roshapiza Ngah merupakan peserta dalam program jahitan dan rekaan.

Musarizal Mistafa dan Mohamad Juhari Mohamad Said pula berjaya menerima kiosk jualan bagi perniagaan membaiki telefon bimbit. Manakala Mohd. Amirul Ashraf Mohd. Yuddin pula merupakan peserta lepasan program kulineri yang menjalankan perniagaan menjual produk makanan sejuk beku dengan nama kedai Zai Frozen Food Enterprise.

Beliau sangat teruja dan menghargai bantuan UMP dan Empower ECER Mahkota atas peluang yang diberikan dalam usaha membantu meningkatkan pendapatan ke tahap yang lebih baik daripada sebelum ini. Malahan, beliau dapat mengubah taraf hidup dan menikmati kehidupan yang lebih selesa bersama keluarga.



Kursus Masakan Empower Mahkota bantu belia dan ibu tunggal

Seramai 25 peserta yang merupakan kumpulan ketiga sejak diperkenalkan dua tahun lalu menyertai Kursus Masakan Menu 1 Malaysia Program Empower Mahkota anjuran Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 22 Ogos 2015 yang lalu di Kolej Komuniti, Kuantan.

Pengurus projek UMP-ECER, Zainal Haji Bahari dari UMP Advanced Education (UAE) berkata, sehingga kini Program Empower Mahkota berjaya melahirkan seramai 50 peserta kursus masakan yang terlatih

dan terbaharu membabitkan 25 peserta dalam kalangan belia dan ibu tunggal berpendapatan rendah sekitar Kuantan dan pekan.

“Sehingga kini, hampir 80 peratus peserta kursus masakan telah memulakan perniagaan.

“Program Empower Mahkota ini merupakan pendekatan yang dilakukan ECER bersama UMP dalam usaha membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat di negeri Pahang melalui pelaksanaan program kemahiran seperti kursus masakan ini.

“Bagi kursus masakan ini, peserta didedahkan dengan dengan modul latihan kemahiran dan keusahawanan. Dari segi menu masakan peserta akan mempelajari pelbagai menu antaranya masakan Melayu, Cina, India, masakan Barat, dan masakan Pahang,” katanya.

Tambah beliau lagi, peserta juga akan mempelajari sanitasi dan kebersihan, tatacara penyediaan makanan serta penyusunan peralatan makanan di atas meja.

“Selain itu mereka turut didedahkan dengan asas keusahawanan dan teknologi maklumat termasuk menggunakan media sosial seperti Facebook dan blog. Tambah beliau, kursus yang mengambil masa

enam bulan ini memberi penekanan lebih terhadap pembangunan dan bimbingan keusahawanan supaya peserta dengan mensasarkan peningkatan dalam pendapatan pada masa depan.

“Kursus ini dijalankan pada hujung minggu bagi memudahkan peserta untuk menghadiri kursus tersebut. Malahan, peserta diberi peluang melihat demonstrasi masakan serta mencuba sendiri teknik penyediaan agar peserta lebih yakin untuk menyediakan hidangan sendiri,” katanya.

Menurut salah seorang peserta yang pernah mengikuti program ini, Roliza Hamaludin, 39, beliau melahirkan rasa bersyukur apabila terpilih untuk menyertai kursus masakan ini.

Kini, Roliza yang merupakan ibu tunggal yang membesarkan empat orang anak mula membuka perniagaan makanan secara kecil-kecilan di kawasan rumahnya.

Begitu juga rakannya bagi Mohd Amirul Ashraf Mohd Yuddin, 24, yang kini telah berpeluang membuka peniagaan makanan di Kompleks Serambi Pekan.

Beliau yang sejak awal berminat dalam perniagaan makanan amat berterima kasih dengan pihak UMP dan ECER yang menjadikan impiannya menjadi kenyataan.



SELFIE.... Menteri Pendidikan tinggi sempat berselfie sempena Program Jelajah Kementerian Pendidikan Tinggi.



RASMI.... Naib Canselor merasmikan MBA Lounge.



BUBUR LAMBUK... Pelajar bergotong-royong sempena Program Bubur Lambuk Komuniti di Kuantan.



BERBUKA PUASA.... Pelajar antarabangsa yang hadir pada Majlis Berbuka Puasa Pejabat Antarabangsa UMP.



SUM
mer



MELAYAN.... Naib Canselor mengisi makanan untuk pelajar ketika Jamuan Hari Raya Peringkat UMP.



KEMPEN.... Naib Canselor merasmikan Kempen Gaya Hidup Sihat Peringkat UMP.



PERBARISAN.... Kontijen UMP yang turut serta dalam Perbarisan Hari Kemerdekaan Peringkat Negeri Pahang di Kuantan.



MBANGAN.... Peserta konvoi Jom Singgah Sahur menyampaikan sumbangan di Balai Polis Kuantan.

Klik-Klik Lensa



UMP raih dua pingat Projek Kesukarelaan Terbaik VSCORE

Oleh: MOHD. RAIZALHILMY MOHD. RAIS DAN AZLINA ABD. MUBIN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya meraih dua pingat bagi projek kesukarelaan terbaik pada Seminar Perkongsian Projek Kesukarelaan dan Program Tanggungjawab Sosial Universiti 2015 (VSCORE) yang berlangsung pada di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Kangar, Perlis pada 22 Ogos 2015 yang lalu.

Projek UMP-Cambodia: *We Love We Care* berjaya meraih pingat emas manakala Projek Pengurusan Benjana Banjir UMP pula meraih pingat perak dalam pertandingan sempena penganjuran Seminar VSCORE melibatkan kerjasama Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI) dengan Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (POTENSI) UniMAP.

Dalam pertandingan ini sebanyak 13 projek dipersembahkan dan diadili oleh tiga panel yang berpengalaman iaitu Penerbit BersamaMU TV3, Hajjah Mazlin Nordin, Editor Utusan Malaysia, Wahid Hashim dan Mohd Nazim Mohd Noor dari Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs).

Menurut Pemangku Presiden, Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas UMP (PPTI), Mohd. Raizalhilmy Mohd. Rais, program yang julung kali diadakan itu bertujuan untuk berkongsi amalan terbaik projek-projek

kesukarelaan yang pernah dianjurkan oleh semua Universiti Awam (UA) dan beberapa pihak korporat, NGO dan agensi kerajaan serta mewujudkan kerjasama pintar dalam menguruskan program tanggungjawab sosial.

Beliau yang juga merupakan Timbalan Presiden MASTI menjelaskan UA banyak memainkan peranan khususnya dalam aspek menggerakkan modal insan sebagai sukarelawan dan keperluan logistik dalam melaksanakan tanggungjawab sosial di peringkat universiti masing-masing.

“Ia termasuklah dalam menyokong usaha universiti dalam menggiatkan program *My Community* UMP yang dapat memberi impak terhadap masyarakat.

“Projek UMP-Cambodia: *We Love We Care* merupakan program yang mula dilaksanakan sejak tiga tahun lalu merupakan program misi kemanusiaan universiti ini yang dijalankan di Kemboja sebanyak tiga siri.

“Sebanyak 13 projek pembangunan dilaksanakan secara bersiri merangkumi pembinaan tandas madrasah, mengecat bangunan masjid, pembinaan jalan, ruang memasak, ruang makan, dan sebagainya. Manakala tumpuan modul pembangunan setiap siri



menumpukan kepada modul pendidikan, modul kesihatan dan modul pembangunan fizikal,” katanya yang menjelaskan projek ini pernah terpilih bagi pembentangan semasa dalam Persidangan dan Expo NAFSA Annual Conference & Expo di Amerika Syarikat pada tahun lalu. Pada kali ini pembentangan disampaikan Azlina Abd. Mubin, Halizan Mahmood dan Mohd Ferdaus Musa dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA).

Selain itu, Projek Perkongsian Pengurusan Benjana Banjir UMP pula turut dikongsi bersama peserta seminar mengenai pengalaman UMP menguruskan bencana banjir yang melanda Pantai Timur khususnya di Pahang pada tahun 2013 dan 2014 merangkumi aspek pengurusan sukarelawan, pengurusan kebajikan, pengurusan sumbangan dan penyelarasan maklumat mangsa banjir.

Dalam pada itu turut berlangsung program kesukarelaan di Dun Simpang Empat, Perlis. Antara aktiviti yang dijalankan adalah perlawanan Amal Bola Sepak Persahabatan dan Bola Jaring bersama Artis, Pertandingan Mewarna Kreatif KEMAS, penyampaian sumbangan dari rumah ke rumah, Kembara Jalur Gemilang, sesi pemeriksaan

kesihatan serta membina dan membaiki rumah daif yang terpilih.

Program yang diadakan bersempena sambutan kemerdekaan ke-58 itu juga turut diserikan dengan keberangkatan DYTU Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis merangkap Canselor UniMAP serta Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Muda Puan Perlis merangkap Pro-Canselor UniMAP.

Hadir sama Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Profesor Dr. Kamarudin Hussin, Mufti Perlis, Sahibus Samahah Profesor Madya Dato’ Dr. Mohd Asri Zainul Abidin, Presiden MASTI, Azri Hohad serta wakil-wakil pentadbir UA.

Lebih bermakna lagi apabila DYTU Raja Muda Perlis turut bersama-sama dengan 50 petugas MAIPs dan warga MASTI dalam Program Kayuhan Merdeka dengan jarak perjalanan hampir 15 kilometer manakala Raja Muda Puan Perlis pula berkenan berarak sejauh 3.7 kilometer bersama kira-kira 500 orang terdiri daripada ahli MASTI dan pelajar UniMAP serta berkenan menyampaikan sumbangan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) kepada 10 orang asnaf dari daerah Simpang Empat.



Peserta Latihan Kemahiran **Empower ECER** Iftar bersama warga UMP



Hampir 100 orang peserta latihan Empower ECER hadir dalam Majlis Iftar yang dianjurkan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) bertempat di Kompleks Perkhidmatan Siswa UMP Pekan pada 7 Julai 2015 yang lalu.

Majlis diserikan dengan kehadiran, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus.

Hadir sama Pengurus Besar ECERDC Negeri Pahang, Mazlan Sharudin dan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Indera Shahbandar, Roslan Haji Ali.

Menurut Profesor Dato' Dr. Rosli, program ini bertujuan untuk meraikan peserta dan berbuka puasa bersama peserta Empower Mahkota.

"Selain itu juga menerusi program ini dapat mengeratkan lagi silaturahim antara satu sama lain.

"UMP berbangga dengan usaha kerjasa ini dan sehingga kini Empower ECER di negeri Pahang telah mempunyai seramai 20,699 peserta latihan akademik dan 6,835 peserta latihan kemahiran keusahawanan yang telah

dan sedang mengikuti program di bawah empower ECER yang dijalankan pihak UMP Advanced Education (UAE) bersama Persatuan Wanita (Matahari).

Seorang peserta, Ruhaiza Razali yang merupakan peserta Kelas Masakan 1 Malaysia menghargai jemputan ke program ini.

Katanya, di sini kami dapat berjumpa antara satu sama lain sejak tamat kelas Masakan pada awal tahun lalu memandangkan masing-masing sibuk dengan perniagaan masing-masing.

Begitu juga menurut rakannya, Zarina Embong pula, pengalaman makan dalam talam ini mengingatkannya kenangan masa kecil dahulu tatkala makan bersama adik-beradik lain.

Sebagai menyemarakkan Ramadan, program Iftar itu juga turut dijalankan di UMP Kampus Gambang melibatkan penyertaan dalam kalangan pelajar sekolah daerah Kuantan pada 9 Julai 2015 dan disusuli dengan program Iftar Peserta Empower ECER bersama Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob yang diadakan di Pejabat Pendidikan Daerah Bera pada 13 Julai 2015 yang lalu.



137 staf UMP terima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Seramai 137 staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dalam Majlis Hari Kualiti dan Inovasi 2015 yang berlangsung di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 6 Julai 2015 yang lalu.

Hadir menyampaikan anugerah adalah Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie.

Dalam ucapannya beliau berkata, Hari Kualiti dan Inovasi ini merupakan medan pengiktirafan terhadap kecemerlangan warga kerja universiti ini dalam pelbagai lapangan dan kejayaan mereka ini bakal menginspirasi rakan-rakan sekerja untuk turut cemerlang dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

"UMP akan terus berevolusi secara dinamik dengan dipacu oleh warga kerja berkualiti yang menghayati budaya perkhidmatan cemerlang. Malahan ia merupakan satu cabaran bagi sebuah organisasi yang sedang berkembang seperti UMP ini dan tumpuan besar akan terus diberikan untuk menggembelng mereka sebagai kumpulan penjawat awam yang berprestasi tinggi," katanya.

Menyedari hakikat tersebut, beliau berkata tumpuan yang serius perlu diberikan kepada aspek pemeliharaan kualiti perkhidmatan secara istiqamah bagi menjamin keutuhan sistem penyampaian yang bukan sekadar

memuaskan, tetapi berupaya melangkaui ekspektasi pelanggan dan pemegang taruh universiti ini.

Tambah Dato' Dr. Daing Nasir, untuk mencapai tahap tersebut, inovasi merupakan pemangkin yang membolehkan penambahbaikan terhadap kualiti kerja dan perkhidmatan dilakukan secara berterusan. Hal ini merupakan satu aspek kritikal dalam konteks kelestarian sesuatu organisasi, apatah lagi bagi sebuah Universiti Awam dan Badan Berkanun Persekutuan.

Ujarnya, dengan tema 'Mencabar Kelaziman, Mengukuh Inovasi' yang mendasari sambutan Hari Kualiti & Inovasi 2015 ini sebenarnya mencabar warganya untuk mendakap perspektif yang lebih global dalam citra pengurusan dan berupaya menampilkan perbezaan dalam acuan tersendiri yang menjadikan UMP sebuah universiti yang unik.

Jelas beliau, apa yang diperlukan kini ialah disiplin sebagai elemen terpenting untuk memacu dan seterusnya melestarikan agenda kualiti, inovasi sebagai katalis kecemerlangan universiti ini.

"Disiplin yang disemat kukuh dalam diri para penjawat di UMP secara logiknya akan mendorong mereka untuk bertindak secara positif ke arah aktiviti-aktiviti yang menambah nilai kepada prestasi organisasi," katanya.

Anugerah lain yang turut disampaikan pada majlis tersebut adalah Anugerah Sukan, Hadiah Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK), Hadiah Persekitaran Berkualiti (Amalan 5 S), Hadiah ICT (K-Portal) dan Hadiah Penerbitan.

Hadiah bagi Kumpulan Inovasi dan Kreatif

tempat pertama dimenangi Kumpulan ZIP dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), tempat kedua Kumpulan E-Man dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dan tempat ketiga adalah Civer Tech dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA).

Manakala untuk Hadiah Persekitaran Berkualiti (5S) bagi kategori Jabatan Terbaik (Pentadbiran) pula dimenangi Perpustakaan (Gambang) diikuti Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) dan Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM).

Pemenang bagi kategori makmal pula Makmal Berpusat diikuti Makmal FKASA dan Makmal FSKKP. Manakala pemenang bagi kategori pengurusan pula ialah Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PPKPK), tempat kedua Pusat Kesihatan Pelajar (Gambang) dan tempat ketiga Perpustakaan (Pekan). Sementara itu, Hadiah ICT (K-Portal) dimenangi Perpustakaan bagi kategori pentadbiran manakala bagi kategori akademik dimenangi Institut Pengajian Siswazah (IPS).

Bagi Hadiah Penerbitan bagi Karya Asli Terbaik pula dimenangi Dekan IPS, Profesor Dr. Abdullah Embong dan Anugerah Sukan bagi atlet terbaik dimenangi oleh Abu Sufian Mokhtar dari Pusat Sukan.

Turut berlangsung pelancaran buku-buku baharu terbitan Penerbit UMP dan Tazkirah Ramadan yang disampaikan Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Dr. Mahyuddin Ismail yang membicarakan tentang tajuk 'Insan Berkualiti Pencetus Inovasi'.



UMP raikan bakal jemaah haji

Universiti Malaysia Pahang (UMP) meraikan sembilan staf universiti mengerjakan rukun Islam kelima menunaikan haji ke tanah suci Mekah pada tahun ini dalam majlis anjuran Jabatan Pendaftar yang berlangsung di Dewan Bankuet Canseleri UMP Kampus Gambang pada 19 Ogos 2015 yang lalu.

Mereka yang menjadi tetamu Allah adalah Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim serta isteri, Datin Hajah Fazia Ali, Sabarehan Haji Ismail dari Jabatan Pendaftar, Zahrizan Zakaria dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) serta Abdullah Fairuzullah Ahmad Tajuddin dari Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK).

Lain-lain adalah Ahmad Ibrahim dari Pusat Bahasa Moden & Sains

Kemanusiaan (PBMSK), Datin Hajah Mazita Mokhtar dari Fakulti Pengurusan Industri (FIM), Dr. Mohd Rashid Ab Hamid, Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) serta Dr. Eman N. Ali dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA).

Dalam majlis itu, Pemangku Pendaftar UMP, Abd. Rahman Haji Safie menyampaikan sumbangan wang tunai sebanyak RM400 sumbangan Badan Kebajikan Staf Universiti (BKSU).

Menurut Abd. Rahman, ibadah haji sememangnya menerbitkan rasa keinsafan dalam kalangan umat Islam dan dapat memperkukuhkan lagi keimanan.

"Saya mendoakan supaya tu-tuan dan puan-puan dapat berada dalam keadaan sihat untuk berangkat pergi dan pulang serta diberkati

dengan haji mabrur," katanya.

Beliau juga menasihatkan agar bakal haji sentiasa menjaga kesihatan dan keselamatan diri juga dapat menyempurnakan rukun haji dengan sebaik-baiknya agar mendapat haji yang mabrur selain turut serta mendoakan kesejahteraan UMP.

Sabarehan Haji Ismail, 52, menghargai usaha universiti dalam menganjurkan majlis khas seperti ini. Beliau amat bersyukur dan tidak menyangka pada tahun ini terpilih menjadi tetamu Allah bersama suami dan mengharapkan dipermudahkan segala urusan sepanjang di sana nanti.

Pada masa yang sama, universiti turut meraikan kenaikan pangkat staf akademik iaitu pensyarah FSKKP, Profesor Madya Dr. Cheng Chin Kui yang dilantik menjawat jawatan Profesor Madya Gred DS54.



UMP hasilkan lemang meriahkan Pesta Lemang besar-besaran

Penyertaan 58 orang staf dan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam pertandingan membakar lemang sempena Pesta Lemang Parlimen Pekan di Taman Tasik Sultan Abu Bakar Pekan pada 1 Ogos 2015 yang lalu mendapat perhatian ramai apabila pasukan tersebut turut disertai 18 pelajar antarabangsa.

Program bermula dengan kerja-kerja pembersihan buluh dan daun lereh sebagai persiapan sebelum mengisi pulut dan membakar lemang.

Pertandingan membabitkan sebanyak 33 pasukan yang terdiri daripada 20 peserta setiap pasukan melibatkan penyertaan daripada persatuan belia sekitar Pekan, Persatuan Isteri-isteri Polis Pekan, Pemuda Chini dan Persatuan Belia Tembeling.

Menurut staf Keselamatan, Mohamad Najid Haji Saat yang mengetuai program tersebut, seramai tujuh orang staf Keselamatan

membantu dalam menjayakan program selain daripada penglibatan staf Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) dan Pejabat Naib Canselor (PNC) serta pelajar UMP.

“Setiap pasukan dikehendaki membakar sebanyak 100 lemang untuk dimasak dengan sempurna manakala pihak urus setia menyediakan segala keperluan memasak termasuk menyediakan bahan dan peralatan,” katanya.

Bagi Midhun Harilal, 27 tahun yang berasal dari India kini menuntut dalam bidang kedoktoran *Advance Material* berkata, penyertaan kami dalam pesta sebegini sedikit sebanyak memberi pendedahan budaya dan pengalaman yang bermakna kepada kami.

Katanya, cara membuat lemang membuatkan kami kagum kerana memerlukan sifat sabar yang tinggi. Midhun bersama-sama rakan antarabangsa dapat berkenalan dan bekerjasama dengan pelajar tempatan yang amat membantu sepanjang penyertaan mereka ketika Pesta Lemang berlangsung.

Pesta berakhir kira-kira jam 11 malam dengan kemenangan diraih Pejabat Perdana Menteri dengan menghasilkan tiga lemang berbeza iaitu lemang biasa, lemang pulut hitam, dan lemang jagung.

Program dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Hari Raya Aidil Fitri Parlimen Pekan, Dato’ Abu Bakar Harun yang juga merupakan Exco Kerajaan Negeri Pahang.

Program Membakar Lemang Besar-besaran Peringkat Negeri Pahang ini diadakan bersempena dengan Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri Parlimen Pekan.





Majlis Hari Raya UMP Pekan meriah

Oleh: AHMAD HILMY AGIR

Kemeriahan jelas terpancar pada setiap wajah staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang telah bertungkus-lumus bergotong-royong menyediakan juadah sempena sambutan hari raya gabungan bagi setiap jabatan yang berlangsung di UMP Kampus Pekan pada 31 Julai 2015 yang lalu.

Sebanyak 20 lot gerai menyediakan pelbagai juadah istimewa dalam majlis yang berlangsung mulai jam 10.00 pagi bertempat di Aras 1, Pusat Aktiviti Pelajar Kampus Pekan. Kunjungan staf dan jemputan luar yang terdiri daripada komuniti setempat turut memeriahkan majlis.

Majlis dimulakan dengan bacaan tahlil dan doa selamat bersama semua-sama staf yang diketuai Pembantu Hal Ehwal Islam, Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Ustaz Shahrul Nizam Mad Ahir.

Menurut Timbalan Pendaftar, Zainuddin Mat Husin, sambutan dijalankan secara sederhana namun meriah apatah lagi tatkala seluruh warga masih merasai kehilangan staf UMP, Jurutera Awam Kanan dari Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta (JPPH), alahyarham Hamidi Sudin yang banyak berjasa kepada universiti terutamanya dalam pembangunan kampus Pekan.

“Program turut menyokong usaha universiti dengan mengekalkan Kempen Tanpa Polisterin yang telah diamalkan di kampus ini dengan membudayakan kampus hijau yang mendapat sokongan baik daripada pihak pengusaha kafetaria dan staf,” katanya.

Selain itu, program ini menjadi sebagai platform UMP Pekan untuk mengeratkan silaturahim dan hubungan kemasyarakatan dengan komuniti luar kampus.

Pada masa yang sama turut diadakan Tabung Kutipan Derma Ikhlas hasil sumbangan orang ramai untuk disumbangkan kepada keluarga alahyarham.

Seramai 350 staf dan pihak luar hadir membabitkan pegawai dari agensi luar termasuk Bank Rakyat Pekan, Polis Daerah Pekan, Pusat Zakat, penghulu serta masyarakat setempat.





Majlis Iftar pelajar antarabangsa meriah

Seramai 200 pelajar antarabangsa dari pelbagai negara yang menuntut di Universiti Malaysia Pahang (UMP) berpeluang menikmati juadah berbuka puasa dalam Majlis Iftar Ramadan yang dianjurkan Pejabat Antarabangsa pada 1 Julai 2015 yang lalu.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat suci al-Quran oleh pelajar jurusan Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia iaitu Abdul Majid yang memperdengarkan bacaan Surah al-Baqarah ayat 182-187.

Dalam majlis ini, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus hadir bermesra dan bersama-sama berbuka puasa dengan pelajar termasuk dari negara Algeria, Yaman dan Iraq.

Hadir sama Pengarah Pejabat Antarabangsa, Profesor Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim.

Dalam ucapannya Dato' Rosli berkata, cabaran berpuasa di bulan Ramadan tatkala berjauhan dari keluarga dan negara tercinta merupakan pengalaman yang tidak akan dilupakan sepanjang hidup sepanjang bergelar mahasiswa. Beliau turut berkongsi pengalaman menjadi mahasiswa ketika menuntut di Amerika Syarikat.

"Majlis sebegini wajar diteruskan untuk membentuk hubungan silaturahim yang erat dalam kalangan pelajar antarabangsa yang dari pelbagai negara. Malahan ia dapat menjalinkan hubungan yang baik antara mahasiswa dari pelbagai negara termasuk mahasiswa yang bukan muslim untuk sama-sama merasai suasana Iftar di dalam kampus," katanya.

Bagi pelajar antarabangsa, Jamila, 28 dari Nigeria, Ramadan tahun ini merupakan pengalaman pertama berpuasa jauh di perantauan dan keluarga. Beliau kini menuntut dalam program Sarjana Sains Kejuruteraan Perisian.

Manakala bagi pelajar program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Muhammad Abdulqawi, 23 dari Yaman melahirkan rasa seronok berada di UMP yang dianggap sebagai rumah kedua dan seolah-olah berada di negara sendiri.



Program Singgah Sahur erat hubungan dengan masyarakat

Seramai 200 orang dalam kalangan staf dan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama Gabungan Kelab Kereta negeri Pahang menganjurkan Program Jom Singgah Sahur UMP pada 10 Julai 2015 yang lalu.

Program ini mendapat kerjasama daripada Waja Performance Club of Malaysia, Auto Speed Owners Club (ASoC), Exora Owners Club Malaysia (EOCM) dan My Alza Owners Club Malaysia dan Persatuan Wanita UMP (Matahari).

Majlis pelepasan konvoi disempurnakan Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie di perkarangan Dataran Canseleri UMP Kampus Gambang yang melibatkan 50 kereta

jenis Alza, 37 kereta Waja, 30 Exora dan 30 motosikal.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, tujuan program diadakan adalah bagi merapatkan hubungan antara pelajar dengan orang luar serta memasyarakatkan kampus.

"Program juga memfokuskan petugas yang bekerja pada waktu malam terutamanya dalam kalangan penjawat awam dan agensi kerajaan yang menjaga keamanan dan keselamatan berkonsepkan singgah bermesra dan menyerahkan sumbangan juadah bersahur kepada mereka," katanya.

Beliau hadir bersahur bersama isteri, Datin Fazia Ali untuk bertemu dengan anak-anak yatim dari Rumah Anak Yatim dan Miskin Nur Iman Sungai Soi.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Komunikasi dan Multimedia Negeri Pahang, Dato' Shahaniza Shamsuddin.

Tambah beliau lagi, program yang melibatkan pelajar dan staf UMP serta komuniti setempat ini dapat merapatkan hubungan di antara peserta dan masyarakat luar serta memahami kehidupan bermasyarakat dan memupuk nilai-nilai murni peserta.

"Selain itu, peserta turut cuba menyelami suasana bersahur pihak beruniform seperti pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia, Bomba,

Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), RELA dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang bertugas menjaga keselamatan dan ketenteraman awam terutamanya pada waktu malam hari," katanya.

Sementara itu, penyelar program, Badrul Naim Abidin berkata, program ini memberi peluang kepada peserta konvoi untuk makan sahur bersama-sama serta memupuk kesedaran para peserta betapa pentingnya kasih sayang untuk dirasai oleh anak-anak yatim dan miskin ini.

Penyertaan kali ini turut disertai pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Tun Abdul Razak Pekan seramai 40 orang yang hadir memeriahkan program.

Konvoi dibahagikan kepada tiga laluan melibatkan lokasi Maahad Tahfiz Muhammadiyah Bukit Rangin, Anak Yatim Amal Hembusan Kasih Taman Guru, Jabatan Penjara Penor, Anak Yatim MABIQ dan Permatar Camar.

Laluan kedua adalah Balai Polis Gambang, SMA Seri Mahkota, Balai Polis Gambang, Balai Bomba Taman tas dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia manakala laluan ketiga adalah Tol Lebuhraya Pantai Timur, Balai Bomba, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan, Balai Bomba Bukit Ubi, Rumah Anak Yatim D'nasti dan berakhir di Rumah Anak Yatim dan Miskin Nur Iman Sungai Soi.





UMP sumbang Bubur Lambuk untuk komuniti

Buat julung kalinya, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) dan Pejabat Jawatankuasa Dakwah dan Islamiyah dan Tugas-tugas Khas negeri Pahang mengadakan Program Bubur Lambuk Komuniti dengan mengagihkan 3,000 bekas bubur lambuk kepada umat Islam di sekitar bandar Kuantan pada 1 Julai 2015 yang lalu.

Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) UMP, Dr. Mahyuddin Ismail berkata, program ini bertujuan untuk menyediakan juadah bubur lambuk khususnya kepada yang berada di sekitar Kuantan.

Mengulas penyediaan bubur lambuk, beliau menjelaskan sebanyak 50 kg beras digunakan bagi menyediakan 10 periuk bubur lambuk yang dimasak secara bergotong-royong di Masjid Negeri Sultan Ahmad 1, Kuantan.

“Lebih menarik lagi apabila penyediaan bubur lambuk ini menggunakan resipi istimewa daripada Adabi Consumer Industries Sdn. Bhd. (Adabi). Selain itu, seramai 160 pelajar UMP yang turut dalam aktiviti sukarelawan dalam aktiviti menyang, memasak, membungkus dan mengedar bubur lambuk,” katanya.

Ujar beliau, aktiviti menyang bermula pada malam Selasa dan penyediaan kesemua bubur lambuk ini bermula pada pukul 8 pagi dan selesai dibungkus kira-kira pukul dua petang.

Tambahnya lagi, pengagihan bubur lambuk tersebut bermula seawal jam 4.00 petang. Antara lokasi pengedaran seperti di padang berhadapan Masjid Negeri Sultan Ahmad 1 yang menjadi tumpuan warga bandar ini sebagai lokasi terbuka puasa beramai-ramai penduduk sekitar bandar ini.

Selain itu juga, bubur lambuk tersebut turut dihantar ke Jabatan-jabatan kerajaan yang berhampiran dan pengguna jalan raya. Dalam program ini, ADUN Panching, Dato’ Mohd. Zaili Haji Besar dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Profesor Dato’Dr. Yuserrie Zainuddin yang turut sama hadir menyampaikan sumbangan bubur lambuk.

Seorang pengunjung Melati Mustafa, 45, yang menerima sumbangan berkata, beliau amat berterima kasih atas sumbangan bubur ini.

Beliau bersyukur diberi kesempatan mengambil bubur lambuk ini untuk juadah berbuka puasa memandangkan sebelum ini apabila sampai di sini bubur lambuk sudah habis.

Tambahnya lagi, program tersebut lebih meriah dengan penglibatan pelajar-pelajar dan sukarelawan UMP yang turut menjayakan program ini.





UMP kekalkan tradisi sedia juadah berbuka puasa dalam talam

Universiti Malaysia Pahang (UMP) masih mengekalkan tradisinya di bulan Ramadan dengan menyediakan juadah berbuka puasa secara percuma menggunakan talam kepada warganya yang berbuka puasa di masjid UMP di Gambang dan Pekan.

Seperti kebiasaan juga juadah tersebut akan dihidangkan di dalam talam untuk hidangan antara lima hingga enam orang dan konsep bertalam ini adalah diambil dari sunnah Rasulullah SAW yang banyak memberi manfaat dan merapatkan silaturrahim antara satu sama lain.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang turut meluahkan masa berbuka puasa di Masjid UMP pada 29 Jun 2015 yang lalu berkata, tradisi ini terus dikekalkan di universiti ini yang secara tidak

langsung dapat merapatkan ukhwah antara warganya.

"Segala perbelanjaan adalah hasil sumbangan staf secara tunai mahupun melalui potongan gaji dalam kalangan staf universiti yang berhasrat bersedekah dalam memanfaatkan bulan yang penuh keberkatan.

"Selain itu, sumbangan turut diterima daripada pihak luar termasuk individu dan pihak korporat yang menyumbang untuk Tabung Ramadan," katanya.

Tambah beliau, UMP turut memperkenalkan program *MyGift* sebagai satu usaha mengumpul sumbangan daripada mana-mana pihak bagi menyalurkan sumbangan endowmen bagi tujuan tajaan pelajaran, penyediaan kemudahan prasarana kepada pelajar mahupun membudayakan semangat membantu bagi golongan yang memerlukan.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, sembilan jenis endowmen atau tabungan yang dilaksanakan adalah Endowmen Kursi, Endowmen Biasiswa Pelajar, Endowmen Makmal/Kemudahan, Tabung Ramadan, Tabung Masjid, Tabung Bencana, Tabung Wakaf, Tabung Komuniti, dan Tabung Tidak Patuh Syariah.

Beliau mengharapkan sumbangan ini akan memberi manfaat di samping mendapat keberkatan dari-Nya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Dr. Mahyudin Ismail berkata, pada tahun ini juga PIMPIN memperkenalkan tawaran sumbangan berbuka puasa dengan kadar tajaan RM 20 bagi satu talam.

Tajaan ini boleh disalurkan kepada PIMPIN atau melalui perbankan internet dengan melayari portal *MyGift* yang baharu diperkenalkan di laman sesawang universiti ini.

Ujar beliau lagi, sepanjang bulan Ramadan ini juga segala persiapan disediakan secara bergotong-royong mengikut jabatan dalam universiti.

Pelbagai menu menarik dihidangkan pada setiap hari antaranya Nasi Minyak, Nasi Arab dan Gulai Kawah. Selain itu juga, melalui kaedah makan bertalam ini juga mampu mempercepatkan proses pembersihan.

Manakala pelajar antarabangsa dari Pakistan, Mohd Khan, 30 yang merupakan siswazah Doktor Falsafah Bioteknologi berkata, ini merupakan tahun keempat beliau menyertai program berbuka puasa secara beramai-ramai.

"Saya dan rakan-rakan tidak akan melepaskan peluang untuk berbuka puasa dan bersama-sama mengerjakan solat tarawih di Masjid UMP setiap kali menjelangnya bulan Ramadan," katanya.



Diari Ramadan untuk warga UMP

Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperkenalkan beberapa inisiatif menyemarakkan kedatangan bulan Ramadan al-Mubarak yang bakal menjelang esok dengan mengedarkan buku Diari Ramadan dan poster waktu berbuka puasa kepada semua staf UMP.

Menurut Pengarah PIMPIN, Dr. Mahyuddin Ismail, pemberian Diari Ramadan kepada staf universiti adalah sebagai menambah ilmu dan keberkatan menjelang tibanya bulan Ramadan.

“Selain iftar dan bertadarus mereka boleh menambahkan keberkatan berpuasa dengan memperbanyakkan amalan dengan bermuhasabah.

“Dalam Buku Diari Ramadan ini, terdapat dua bahagian iaitu yang pertama menceritakan mengenai keagungan ramadan, ulang kaji bab puasa yang merangkumi niat berbuka puasa, solat terawih, azam ramadan dan ciri-ciri orang yang bertakwa.

“Manakala bagi bahagian kedua pula memuatkan mengenai Tazkirah dan Muhasabah, pada bahagian ini terdapat 30 tazkirah yang dimuatkan antaranya hidayah menuju jalan Allah, sedekah, memelihara pancaindera, tipu daya syaitan dan bermacam-macam lagi,” katanya.

Selain itu, diari ini turut menyediakan

senarai semak waktu untuk bersolat dan mengerjakan amalan sunat untuk diri sendiri.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim berbangga dengan inisiatif yang diperkenalkan ini dan mengharapkan diari ini akan menjadi panduan kepada warga UMP untuk sentiasa bersungguh-sungguh dalam menjalankan kewajipan ibadah puasa dan mengharapkan ibadah puasa diterima Allah SWT.

Sementara itu, Pembantu Tadbir, Unit Perundangan UMP, Nurul Syakinah Abdullah, 24 berkata, beliau amat berterima kasih kepada universiti atas pemberian diari ini, dapatlah dijadikan panduan dan rujukan sepanjang sebulan di bulan Ramadan kali ini.

Manakala rakannya dari Jabatan Pendaftar, Ami Nurul Faiz Haji Ami Rudin turut memuji usaha universiti yang amat murni sekali melalui penyebaran maklumat menerusi Diari Ramadan ini.

Katanya secara tidak langsung ia dapat mengingatkan kita yang terlalu sibuk dengan kerja seharian.

Selain Diari Ramadan ini, PIMPIN turut menganjurkan Festival Ramadan sepanjang bulan Ramadan seperti Tarawih, Tadarus al-Quran, Jejak Asnaf Fakir Miskin, Bubur Lambuk Komuniti, Diskusi Rahsia Keajaiban al-Quran, Iftar bersama penduduk kampung, dan lain-lain lagi.

Jun / Julai 2015M		Masa Solat	
HARI	WAKTU	WAKTU	WAKTU
ISHAH JAMAT	1*	18.00	5.27
TV POMPIN	2	19.00	5.27
JEJAK ASNAF FAKIR MISKIN	3	20.00	5.27
MALIS KHATAM AL-QURAN	4	21.00	5.27
SARAWIH	5	22.00	5.28
	6	23.00	5.28
	7	24.00	5.28
	8	25.00	5.28
	9	26.00	5.29
	10	27.00	5.29
	11	28.00	5.29
	12	29.00	5.29
	13	30.00	5.30
	14	1.00	5.30
	15	2.00	5.30
	16	3.00	5.30
	17	4.00	5.30
	18	5.00	5.30
	19	6.00	5.30
	20	7.00	5.30
	21	8.00	5.32
	22	9.00	5.32
	23	10.00	5.32
	24	11.00	5.32
	25	12.00	5.33
	26	13.00	5.33
	27	14.00	5.33
	28	15.00	5.33
	29**	16.00	5.34

Penerbit UMP lancar 21 buku baharu

Berita dan foto oleh: SHALFARINA SHAHRIMAN

Sebanyak 21 buku terbitan Penerbit Universiti Malaysia Pahang (PUMP) dari pelbagai fakulti dan Pusat Tanggungjawab (PTI) dilancarkan ketika Majlis Hari Kualiti dan Inovasi 2015 di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 6 Julai 2015 yang lalu.

Pelancaran buku berkenaan menghimpunkan semua kategori bidang yang ditulis oleh pensyarah dan staf UMP sepanjang tahun ini berdasarkan kepakaran masing-masing.

Pengarah Penerbit, Profesor Madya Dr. Mohd Ghani Awang berkata, pelancaran itu adalah kali kedua diadakan sebagai tanda menghargai usaha yang dilakukan penulis dalam menggiatkan hasil penerbitan UMP.

Pelancaran buku terbitan terkini itu dirasmikan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus dan Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie.

Dato' Dr. Daing Nasir turut merakamkan ucapan terima kasih kepada fakulti yang banyak menyumbangkan karya dan manuskrip untuk diterbitkan, antaranya Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Fakulti Pengurusan Industri (FIM), Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Eletronik (FKEE) serta Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FIST).

"Kerjasama staf bukan akademik juga dilihat amat baik pada tahun ini apabila menghasilkan buku berjudul Majlis Konvokesyen UMP: Sejarah dan Pengurusan yang ditulis staf Bahagian Pengurusan Akademik (BPA)," katanya.

Mohd Ghani berkata, selain itu, pihaknya juga mengucapkan tahniah kepada penulis buku Sistem Pangkalan Data, Profesor Dr. Abdullah Embong di atas kejayaan memenangi buku terbaik dan jawatankuasa *International Journal of Automotive and Mechanical Engineering* (IJAME) dan *Journal of Mechanical Engineering and Sciences* (JMES) kerana pengindeksan SCOPUS pada tahun lalu.





Penerbit UMP lancar buku *Software Testing*

Oleh: SHALFARINA SHAHRIMAN

Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan buku tulisan Dekan Penyelidikan, Jabatan Penyelidikan dan Inovasi pada Siri Syarahan Umum Profesor di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 28 Mei 2015 yang lalu.

Penerbitan buku penyelidikan Profesor Dr. Kamal Zuhairi Zamli, pensyarah dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP) bertajuk '*Combinatorial T-Way Testing*' itu merupakan hasil kerjasama strategik antara pensyarah dengan pihak Penerbit dalam menerbitkan buku yang berkualiti kepada masyarakat.

"Buku ini terhasil daripada usaha sama penyelidikan antara UMP dengan Universiti Umm al-Qura yang dibiayai menerusi geran Pelan Jangka Masa Panjang untuk Sains, Teknologi dan Inovasi (LT-NPSTI), Arab Saudi.

"Buku ini memfokuskan kepada ujian interaksi (*T-way Testing*) sebagai satu strategi untuk menguji sampel secara lebih bersistematik berdasarkan kekuatan interaksi," katanya.

Sementara itu, Pengarah Penerbit UMP, Profesor Madya Dr. Mohd Ghani Awang berkata, buku setebal 74 halaman itu boleh didapati di Pejabat Penerbit dengan harga RM34.20 senaskhah.

Katanya, buku itu juga turut sesuai digunakan oleh pelajar dan pensyarah Sains Komputer serta warga industri pengkomputeran sebagai bahan rujukan penting.





Seminar Menjejak Personaliti tingkat penampilan staf

Oleh: NORHAYATI ISMAIL

Seramai 68 orang peserta yang terdiri daripada staf Setiausaha Pejabat dan Pembantu Tadbir hadir dalam Seminar Menjejak Personaliti, Mencetus Inspirasi anjuran Persatuan Setiausaha Universiti Malaysia Pahang (SRIKANDI) dengan kerjasama Bahagian Latihan Pembangunan Kompetensi (BLPK) di Hotel Vistana Kuantan pada 22 Mei 2015 yang lalu.

Seminar itu diadakan bertujuan meningkatkan tahap kemahiran staf dan memperkasa personaliti serta imej diri agar lebih berkarisma dalam pekerjaan.

Dalam seminar tersebut turut menampilkan personaliti TV, Amin Idris yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Principal Trainer di Amin Idris Consultant.

Turut menyerikan lagi seminar ialah selebriti Muslimah, Nur Heliza Helmi yang lebih dikenali sebagai Heliza AF.

Menurut Presiden Persatuan SRIKANDI, Norliza Osman yang merupakan Setiausaha Pejabat di Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), antara topik yang dibincangkan ialah Kuasa Matlamat, Magnet Diri dan Personaliti Muslimah.

“Peserta turut didedahkan tentang tanggungjawab sebagai pekerja terhadap institusi dan majikan, inovasi dan fokus dalam matlamat kehidupan.

“Lebih menarik seminar turut membicarakan tentang gaya penampilan dalam pemilihan warna pakaian mengikut lokasi dan kesesuaian majlis yang dapat dimanfaatkan peserta,” katanya.

Begitu juga dengan slot Personaliti Muslimah yang disampaikan oleh Heliza juga banyak membantu peserta dalam berkongsi tentang tatacara pemakaian tudung mengikut syariat Islam serta mudah dipakai dalam masa lima saat.

Beliau juga turut berkongsi pengalaman tentang bidang kerjaya yang diceburinya serta menyampaikan motivasi dalam meningkatkan tahap keyakinan diri dan berjaya dalam bidang kerjaya yang dipilih.





Persatuan Wanita UMP anjur Tazkirah Ramadan

Lebih 100 ahli Persatuan Wanita UMP (Matahari) hadir dalam Program Tazkirah Ramadan yang dianjurkan sebagai mengimarahkan bulan Ramadan yang penuh keberkatan pada 8 Julai 2015 yang lalu.

Dalam program itu, pensyarah kanan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Dr. Anita Abdul Rani membicarakan tentang persiapan diri

dalam mengambil keberkatan pada sepuluh malam terakhir sebelum menjelangnya bulan Syawal.

Katanya, umat Islam perlu memperbanyakkan istighfar dan berselawat serta membaca al-Quran selain menunaikan solat sunat Tarawih dan solat sunat yang lain terutamanya dalam mengejar malam istimewa iaitu Malam Lailul Qadar.

“Amalan yang dilakukan sepanjang Ramadan ini diharapkan menjadi transformasi diri ke arah kebaikan dan diteruskan pada bulan-bulan berikutnya,” kata Ustazah Anita.

Sementara itu, dalam program yang sama turut berlangsung majlis serahan sumbangan kuih raya yang disampaikan Penasihat Matahari, Datin Fazia Ali yang turut dihadiri Presiden Persatuan Matahari, Profesor Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim.

Dalam ucapannya, Datin Fazia menyeru ahli Matahari agar dapat meluangkan masa dan bergiat aktif bersama-sama jawatankuasa yang lain dalam menyokong aktiviti persatuan terutamanya dalam menjalankan khidmat sosial.

“Sepanjang Ramadan ini, persatuan turut menjalankan aktiviti kesukarelawanan dengan bekerjasama menjayakan program universiti termasuk dengan Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN).

“Antaranya melibatkan aktiviti Jejak Asnaf dan Fakir Miskin serta Program Singgah Sahur yang akan diadakan pada minggu ini,” katanya.



Jom Makan Durian erat hubungan baik UMP dan Media

Program Mesra Media `Jom Makan Durian` anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang berlangsung pada 19 Ogos 2015 yang lalu disambut meriah dengan kehadiran lebih 30 pengamal media termasuk wartawan dan jurufoto media di negeri Pahang serta pengurusan universiti.

Hadir meraikan tetamu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie dan Ketua Pustakawan, Haji Ruslan Che Pee.

Turut hadir Pengerusi Yayasan Amik Tunas Bangsa Permatangsiantar, H.M.A. Ridwan Syahputra, Dekan Fakultas Ilmu Komputer & Teknologi Informasi, Universiti Sumatera Utara, Profesor Dr. Muhammad Zarlis.

Dalam program ini, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir mempengerusikan sidang media bagi berkongsi tentang perkembangan universiti

termasuk Laporan Interim Pencapaian Pelan Strategik UMP dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2011-2015.

Katanya, UMP akan meneruskan pelan strategik universiti yang seiring dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) [PPMPT] yang dilancarkan pada tahun ini.

"Pada masa yang sama beliau juga turut berkongsi kejayaan dengan pencapaian staf akademik. Berdasarkan Laporan MyRA (2012-2014) yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan Tinggi bagi 2014 bilangan penerbitan di dalam jurnal berindeks per staf akademik bagi UMP berada di kedudukan ketujuh (0.7) mata sitasi berbanding dengan 20 IPTA lain bilangan sitasi per staf akademik bagi UMP (2.4) berada pada kedudukan keenam iaitu di bawah lima universiti penyelidikan iaitu Universiti Malaya (9.8), Universiti Putra Malaysia (8.5), Universiti Sains Malaysia (8.3) dan Universiti Teknologi Malaysia (5.2) yang merupakan petanda besar bahawa UMP mampu bersaing dengan lain-lain universiti dengan sokongan warga penyelidiknyanya.

"Selain itu dari segi pembangunan di kampus Pekan, pada masa ini tiga bangunan melibatkan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK) Dewan Kuliah Utama telah siap dibina. Begitu juga dengan pembinaan Kompleks Pentadbiran Utama (KPU) telah siap dibina dan dijangkakan perpindahan staf secara berkala akan bermula pada September ini," katanya dalam Program Mesra Media `Jom Makan Durian` yang diadakan di UMP Pekan.

Selain durian, tetamu yang hadir dihidang dengan pelbagai jenis buah-buahan termasuk rambutan dan longan serta juadah istimewa.



56 Pensyarah UMP kongsi kepakaran dalam penulisan

Seramai 56 staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Bengkel Penulisan Rencana Kreatif anjuran Bahagian Komunikasi Korporat (BKK), Pejabat Naib Canselor (PNC) dengan kerjasama Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) pada 26 Ogos 2015 yang lalu.

Dalam program ini peserta berpeluang berkongsi pengalaman dengan Editor Bersekutu BH2 dan Majalah Mingguan, Azhar Abu Samad dari Media Prima dan wartawan Berita Harian Biro Kuantan, Amin Ridzuan Ishak.

Menurut Azhar, adalah penting bagi penulis untuk mengetahui jenis, corak dan bahasa rencana yang saling berhubung dan saling mempengaruhi. Jenis rencana akan mempengaruhi laras bahasa, corak rencana pula akan mempengaruhi gaya bahasa.

“Terdapat perbezaan dengan penulisan berita kerana kandungan berita lebih padat, melaporkan, objektif, peristiwa semasa, dan bebas daripada pandangan pengarang.

“Selain itu, jika laporan panjang dan terdapat analisis maklumat, maka berita itu dinamakan berita rencana ataupun rencana berita. Oleh sebab sifat laporan yang ringkas menyebabkan gaya penulisan rencana tidak bersifat ilmiah atau sekadar semi ilmiah serta tidak memerlukan

nota kaki atau rujukan. Walau bagaimanapun adalah tidak salah jika berbuat demikian,” katanya.

Ujar beliau lagi, sebagaimana esei, rencana juga mempunyai beberapa jenis penulisan iaitu rencana politik, analisis politik, sukan, rencana ekonomi, rencana sastera dan sebagainya. Daripada jenis tersebut dapat diperincikan kepada subjenis yang lebih khusus.

“Misalnya, dalam rencana sastera terdapat rencana kegiatan sastera, rencana kritikan sastera, rencana polemik sastera, rencana ulasan buku sastera, dan sebagainya. Malahan, penjenisan rencana juga dapat dikategori berdasarkan media penyiaran, seperti rencana akhbar, rencana majalah dan rencana blogger,” ujar beliau lagi.

Beliau yang mempunyai lebih 30 tahun dalam dunia penulisan akhbar memuji langkah UMP dalam mengetengahkan kepakaran pensyarah untuk sama-sama menyumbang hasil penulisan untuk dikongsikan dengan masyarakat.

Bengkel yang diadakan selama sehari itu bermatlamat untuk memberikan pendedahan kepada peserta bagaimana menulis rencana yang memberikan lebih impak dan manfaat kepada organisasi dan pembaca.

Selain itu penulis dapat membabitkan diri kedalam bidang penulisan dan dapat menghasilkan rencana untuk disiarkan ke dalam akhbar dan majalah. Pelbagai jenis rencana didedahkan kepada peserta bagi memberikan gambaran dan isu yang sesuai untuk ditulis.

Seorang peserta, Jamilah Bebe Mohamad yang merupakan guru bahasa berkata, bengkel sebegini membantu beliau untuk menulis rencana dengan lebih kreatif.

“Informasi yang tepat tanpa menjejaskan mana-mana pihak serta mengelakkan sensitiviti amatlah perlu agar rencana yang dihasilkan berkualiti,” katanya.

Lima strategi utama mantapkan UAE

Berita dan foto oleh: ZAINAL HAJI BAHARI



Lima sinergi bagi strategi utama bakal dilaksanakan UMP Advanced Education (UAE) untuk terus mengorak langkah menjadi peneraju pembelajaran sepanjang hayat dalam menawarkan program separuh masa, program profesional dan eksekutif, keusahawanan, kemahiran vokasional, program komuniti serta pembangunan kompetensi yang berimpak tinggi.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif UAE, Mohamad Rozi Hassan, pihaknya akan memberi tumpuan dalam memperkukuh sistem latihan, akses dan pembangunan kompetensi serta memantapkan pendekatan kalaborasi strategik dengan pemegang taruh.

“Penjenamaan dan peningkatan imej UAE juga penting agar dikenali sebagai pusat pembangunan kompetensi dan menjadi agenda penting adalah memantapkan pengurusan dan pembangunan sumber manusia berprestasi tinggi,” katanya.

Tambah beliau, pihaknya juga akan memfokuskan terhadap mengupayakan pengurusan kewangan dan projek yang cekap dan berkesan dalam memastikan sinergi ini berterusan. Lima sinergi ini berjaya digarap dalam Bengkel Perancangan Strategik UAE melibatkan kehadiran barisan kepimpinan UAE pada 13 Jun 2015 yang lalu.

Pada masa yang sama turut berlangsung Mesyuarat Lembaga Pengarah UAE yang dipengerusikan oleh Dato’ Haji Ahmad Azmey Haji Abu Talib serta ahli-ahli lembaga pengarah melibatkan Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), Tuan Haji Ahmad Zakie Haji Ahmad Shariff.

Turut diadakan majlis makan malam bagi meraikan rakan kerjasama UAE membabitkan Vocational Education Training Academy (VETA), Suria College of Hospitality, Northern Business Academy, Kolej IVC, Pusat Latihan Kemahiran Pure Technics, Global Edu Training Centre dan Gemilang Motor Academy. Turut hadir rakan kerjasama lain iaitu Warisan Akademi Pendidikan (WAP), European Global Academy (EGA), Mutiara Biru Ehsan, PHM Education Group serta ANIM Group.





Pelajar Pendidikan Khas (Autisme) melawat UMP

Berita dan foto oleh: MUHAMMED FAWWAZ ABDUL RASID

Seramai 16 orang dalam kalangan guru dan pelajar Pendidikan Khas (Autisme) dari Sekolah Kebangsaan Serandu membuat lawatan sambil belajar ke Perpustakaan dan Kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP) Pekan pada 21 Mei 2015 yang lalu.

Lawatan yang bermula pada jam sembilan pagi itu bertujuan memberi pendedahan yang bersesuaian dengan membawa pelajar menyaksikan sendiri kemudahan makmal, peralatan-peralatan dan mesin yang terdapat di dalam makmal Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM).

Program yang turut mendapat kerjasama daripada sukarelawan pelajar dari Persatuan Pembimbing Rakan Siswa (PRS) Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang turut membantu dalam memastikan program berjalan dengan lancar.

Menurut Ketua Pustakawan, Haji Ruslan Che Pee, UMP menghargai inisiatif sekolah dalam menyalurkan informasi dan membantu dalam mendidik kanak-kanak Autisme ini.

“Pelajar diajar cara menggunakan kemudahan di Perpustakaan selain berjaya memupuk kesedaran dalam memupuk semangat rajin membaca dalam kalangan ini,” katanya. Bagi guru sekolah, Juita Md Sidin berkata, lawatan ini serba sedikit membuka mata pelajar terhadap perkembangan dan teknologi baharu yang ada pada masa ini.

Selain itu, mahasiswa yang hadir juga berpeluang mendekati pelajar ini dengan memberi kata semangat dan perangsang kepada pelajar agar mereka dapat mencapai kecemerlangan pada masa hadapan.





Konvoi Merdeka UMP semarakkan sambutan bulan kemerdekaan

Lebih 50 pemilik kenderaan Alza dan Proton Saga dari MyAlza Owner's Club dan Proton Saga BLM Owners' Club (PROSBLOC) menyertai Konvoi Merdeka sempena sambutan bulan kemerdekaan ke-58 peringkat Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 19 Ogos 2015 yang lalu.

Acara pelepasan peserta konvoi disempurnakan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim bertempat di Dataran Canseleri, UMP Kampus Gambang.

Konvoi memulakan perjalanan dari UMP Gambang menuju ke Taman Kerang Kuantan sambil mengibarkan jalur gemilang di sepanjang perjalanan sejauh 30 kilometer. Hadir sama Pemangku Pendaftar, Abd. Rahman Haji Safie dan Pengarah Sambutan Bulan

Kemerdekaan Peringkat UMP, Wan Abdul Rashid Wan Abdul Rahman.

Menurut Wan Abdul Rashid, acara ini adalah antara program yang telah dirancang dan sambutan pada tahun ini dijangka lebih menarik juga dapat disaksikan kibaran bendera jalur gemilang di bangunan dan premis universiti telahpun bermula sejak minggu lalu di sekitar kampus.

"Konvoi merdeka ini merupakan program kerjasama yang dijalankan membabitkan kelab kereta dalam menyemarakkan semangat bulan kemerdekaan selain merapatkan hubungan baik antara universiti dengan komuniti luar.

"Warga universiti juga berpeluang menyaksikan pertandingan kereta berhias dengan jalur gemilang bagi memeriahkan sambutan kemerdekaan. Pertandingan ini dinilai berdasarkan kreativiti, kekemasan dan keceriaan kereta tersebut," ujar beliau.

Turut berlangsung acara penyerahan bendera jalur gemilang yang disampaikan Profesor Dato' Dr. Daing Nasir kepada wakil jabatan dan pusat tanggungjawab universiti.

Sepanjang bulan kemerdekaan itu juga, UMP turut menganjurkan Pertandingan Menghias Pejabat dengan Jalur Gemilang, Kayuhan Merdeka dan Jejak Pahlawan Merdeka dengan kerjasama membabitkan RTM, Persatuan Veteran ATM Negeri Pahang, Majlis Agama Islam Adat Istiadat Melayu Pahang dan Jabatan Penerangan Negeri Pahang.

UMP perkenal program **MyGift** sebagai saluran sumbangan endowmen universiti



Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperkenalkan program *MyGift* sebagai satu usaha mengumpul sumbangan daripada mana-mana pihak bagi menyalurkan sumbangan endowmen bagi tujuan tajaan pelajaran, penyediaan kemudahan prasarana kepada pelajar mahupun membudayakan semangat membantu bagi golongan yang memerlukan.

Sembilan jenis endowmen atau tabungan yang dilaksanakan adalah Endowmen Kursi, Endowmen Biasiswa Pelajar, Endowmen Makmal/Kemudahan, Tabung Ramadan, Tabung Masjid, Tabung Bencana, Tabung Wakaf, Tabung Komuniti dan Tabung Tidak Patuh Syariah.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program *MyGift* ini diperkenalkan sebagai kemudahan kepada warga kampus dan alumni serta pihak luar terutamanya daripada industri mahupun syarikat untuk sama-sama menyumbang kepada tabung endowmen.

"Sebagai contoh Endowmen Kursi merupakan dana atau derma dari mana-mana pertubuhan atau yayasan sukarela untuk penubuhan Kursi Kecemerlangan di universiti seperti dalam menjalankan aktiviti seperti wacana ilmiah, akademik, penyelidikan, penerbitan dan perkongsian ilmu serta pembinaan kapasiti," katanya yang hadir menyaksikan portal *MyGift* yang boleh diakses orang ramai dalam laman sesawang UMP pada 22 Jun 2015 yang lalu di UMP Kampus Gambang.

Bagi universiti yang memiliki banyak dana boleh mengadakan pelbagai aktiviti di seluruh dunia seperti penyelidikan, membayar gaji profesor ternama dan menawarkan biasiswa kepada pelajar

cemerlang sehingga menjadikannya terkenal dan maju.

Begitu juga dengan Endowmen Biasiswa Pelajar diwujudkan bagi membantu para mahasiswa yang menghadapi masalah kewangan semasa pengajian di peringkat universiti.

Di samping itu juga, dana ini turut dapat menyokong para pelajar yang cemerlang dalam pelajaran untuk menyambung pelajaran yang lebih tinggi di UMP serta memberi peluang kepada para pelajar untuk mengikuti program-program keilmuan di luar negara yang memerlukan kos yang tinggi.

Tambah beliau, Endowmen Makmal ataupun Kemudahan pula diwujudkan bagi mengumpul dana daripada pihak industri yang berminat untuk menaja makmal atau aktiviti yang berkaitan di makmal-makmal tertentu.

Ujar beliau, syarikat-syarikat korporat yang berminat boleh memilih untuk menaja mana-mana makmal yang disenaraikan untuk ditaja bagi memacu penyelidikan di UMP. Makmal yang ditaja pula boleh dinamakan dengan nama individu atau syarikat korporat yang terlibat bagi menghargai peranan dan sumbangannya bergantung kepada jumlah peruntukan yang diberikan.

Sementara itu, seluruh warga universiti meliputi staf, mahasiswa, alumni, individu dan syarikat korporat yang berhasrat untuk menyumbang dalam Tabung Ramadan turut digalakkan yang dijalankan dalam bulan Ramadan untuk mengumpul dana sumbangan bagi menaja aktiviti terbuka puasa kepada pelajar-pelajar UMP yang kurang berkemampuan.

Tabung Masjid pula mengumpul pelbagai sumbangan dalam bentuk wang

ringgit ataupun peralatan bagi membantu pelbagai aktiviti dan pembangunan Masjid UMP serta lain-lain masjid yang memerlukan. Penderma mempunyai pilihan untuk menyumbang ke dalam tabung masjid UMP secara terus atau secara atas talian.

Lain-lain adalah Tabung Bencana untuk membantu mangsa-mangsa yang menghadapi bencana seperti bencana banjir, kebakaran atau kemusnahan harta benda disebabkan malapetaka; Tabung Wakaf yang ditujukan kepada individu atau syarikat korporat yang sudi menyumbangkan peralatan, kemudahan, kenderaan, dan tunai bagi tujuan wakaf.

UMP turut memperkenalkan Tabung Komuniti yang berperanan dalam memasyarakatkan universiti. Pelbagai program yang direka khusus untuk merapatkan jurang di antara masyarakat dan komuniti universiti. Ia juga untuk menyokong program-program yang melibatkan universiti, komuniti dan industri.

Manakala Tabung Sumbangan Tidak Patuh Syariah pula memberi kemudahan kepada orang ramai dalam menyalurkan sumbangan daripada hasil faedah yang diperolehi daripada wang simpanan yang dibuat oleh institusi Islam ataupun perniagaan ataupun badan kebajikan untuk masalah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas, dan seumpamanya.

UMP mengalu-alukan sumbangan daripada semua pihak termasuk warga UMP, pelajar, alumni dan individu serta badan-badan korporat sama ada di dalam mahu pun luar negara dalam menyokong pembedayaan menderma demi memakmurkan ilmu pendidikan di UMP ini.

12 beradik gembira terima sumbangan dalam Program Jejak Asnaf UMP



Program Jejak Asnaf Fakir Miskin anjuran Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Universiti Malaysia Pahang (UMP) baru-baru ini yang mendapat sokongan Persatuan Wanita UMP (Matahari) dan UMP Advanced Education (UAE) meninggalkan kenangan bermakna buat mahasiswa UMP yang menuntut di Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Nur Juaini Mohd Husni bersama keluarganya yang tinggal di rumah pangsa PPR Seri Alam, Kuala Lumpur.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, sepanjang Ramadan program ini berjaya menjejaki lebih 20 keluarga dari golongan asnaf yang fakir dan miskin yang tinggal terutamanya di sekitar Kuantan dan Pekan.

"Program ini juga memberi peluang dalam kalangan warga universiti untuk turun padang menghulurkan sumbangan keperluan asas seperti bantuan bekalan makanan, keperluan harian serta baju raya untuk mereka merasai kegembiraan menyambut hari raya," katanya yang hadir beramah mesra dengan keluarga Nor Juaini pada 11 Julai 2015 yang lalu.

Sementara itu, Presiden Persatuan Wanita UMP (Matahari), Profesor Dr. Mimi Sakinah Abd Munaim berkata, keluarga ini mempunyai 12 orang adik-beradik yang masih bersekolah pada usia empat tahun sehingga 19 tahun manakala ayahnya hanya berniaga kecil-kecilan bagi menyara keluarga.

Tambahnya, pihak persatuan juga mengambil inisiatif mengumpul dana untuk menyumbang barang kemudahan kegunaan keluarga ini termasuk mencerikan persekitaran rumah serta keperluan raya dan pakaian baharu.

Bagi Norliza Said, 43 tahun yang merupakan ibu kepada pelajar ini amat menghargai bantuan yang disumbangkan pihak universiti serta terharu dengan bantuan sebegini.

Manakala Nur Juaini pula berkata, pengorbanan UMP dalam membantu keluarganya ini tidak mungkin dilupakan. Beliau akan berusaha untuk meraih kejayaan agar dapat mengubah nasib keluarga saya pada suatu hari nanti.

Selain menerima barangan dan kelengkapan rumah, mereka

sekeluarga juga berpeluang menikmati juadah berbuka puasa bersama Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan isteri, Datin Fazia Ali di sebuah restoran terkenal di Kuala Lumpur.

Hadir sama Pengarah Pengarah PIMPIN, Dr. Mahyuddin Ismail dan Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTEK), Profesor Dr. Zularisam Ab. Wahid.





Kesukarelawan Pendidikan In-Smartive di Ho Chi Minh

Oleh: ASRAF AHMAD DAN NOOR AIN NADHIRAH ZAINUDIN, dan
Foto oleh: NOORSHA'ELINA SHAIFUL BAHARI, NOR HAFIZATUL
AIN MOHD YUSOFF, MOHAMED MARZUK ABDUL LATHIFF, DAN
MUHAMMAD REDZUAD RAS ABDUL RASK

Sukarelawan mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Kelab In-Smartive berjaya menjalankan program Kesukarelawan Pendidikan (*edu-volunteerism*) melalui Projek *Smart Reach Out* di bandar raya Ho Chi Minh selama seminggu mulai 23 Ogos 2015 yang lalu.

Program mendapat kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (SAffAd), Pejabat Naib Canselor (PNC) dan Bahagian CMLV & Oceania, Kementerian Luar Negeri Malaysia.

Dengan membawa tema 'We Care, We Serve', khidmat sukarelawan mahasiswa ini memberi fokus kepada tiga objektif utama iaitu khidmat pemudahcaraan modul bahasa Inggeris asas, pelebaran jaringan strategik kesukarelawan pendidikan UMP dan penyuburan patriotisme melalui refleksi sejarah.

Menurut Pengurus Projek, Koh Bee Fong, 22 yang juga mahasiswa tahun 2, Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), khidmat pemudahcaraan modul bahasa Inggeris asas diberikan kepada 30 penghuni rumah perlindungan milik SOS Children's Villages International di Quang Trung iaitu sebuah yayasan antarabangsa yang telah beroperasi di bandar raya ini sejak tahun 1991.

"Semua modul bahasa Inggeris asas iaitu *Myself* dan *My World* yang dimudahcaraan selama lima hari untuk para penerima manfaat tersebut telah terlebih dahulu disemak oleh guru-guru bahasa Inggeris yang berpengalaman dan disimulasikan untuk pelajar-pelajar bermasalah pembelajaran di SMK Tok Sira, Kuantan sebelum dibawa ke Vietnam," tambah Koh lagi.

Mengulas tentang pelaksanaan modul-modul ini, Naib Pengarah SOS Children's Villages International Ho Chi Minh City, Nguyen Van Phu menyatakan kesediaan pihaknya untuk terus bekerjasama dengan para sukarelawan UMP untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan 161 penghuni rumah perlindungan tersebut khususnya yang berusia antara tujuh sehingga 18 tahun.

Sepanjang misi, delegasi UMP yang diketuai Penasihat In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain berpeluang mengadakan pertemuan dua hala dengan Naib Pengarah *Christina Noble Children's Foundation* (CNCF), Son Thu Trinh bagi meneroka ruang kolaborasi strategik bagi penempatan sangkutan dan latihan sukarelawan UMP di fasiliti-fasiliti CNCF seluruh Vietnam mulai tahun 2016 dalam

penjagaan kesihatan kanak-kanak, pendidikan dan pembangunan komuniti.

Konsulat Jenderal Malaysia di Ho Chi Minh City, Sofian Akmal Abd Karim menyambut baik komitmen tinggi UMP untuk melebarkan jaringan strategik khidmat sukarelawan di sini melalui kolaborasi dengan organisasi-organisasi antarabangsa tersebut dalam konteks pengukuhan hubungan bilateral Malaysia-Vietnam.

Delegasi UMP telah berpeluang meninjau kesan Perang IndoChina dan Perang Vietnam di War Remnants Museum dan Chu Chi Tunnel sebagai muhasabah terhadap kepentingan keamanan dan persefahaman dalam kehidupan bernegara yang merdeka dan berdaulat.

Sementara itu, Presiden In-Smartive, Ahmad Zarif Ahmad Fauzi, 23, menyatakan komitmen pihaknya untuk terus mendukung aspirasi UMP untuk menjadi sebuah Universiti Komuniti melalui khidmat kesukarelawan pendidikan di peringkat tempatan dan global secara strategik, sistematik dan terarah.

Misi In-Smartive di Vietnam ini merupakan inisiatif mobiliti antarabangsa yang keempat setelah misi sama di Republik Indonesia, Republik Singapura dan KEMBOJA sebelum ini.



Mahasiswa hulu bantuan kanak-kanak mangsa taufan Haiyan dan gelandangan di Filipina



Oleh: AMIRA ALIA ZULKIFLI

Pengalaman 10 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama-sama pihak badan kebajikan *Mercy in Action* yang merupakan badan kebajikan swasta yang memfokuskan kanak-kanak dan komuniti setempat pastinya meninggalkan pengalaman yang penuh makna buat mereka yang berpeluang mengikuti Program Jelajah Komuniti ASEAN 2015: 'Komuniti Sosial & Budaya Filipina' anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) pada 22 Ogos 2015 yang lalu.

Menempuh perjalanan selama empat jam, para peserta bersama pegawai dari JHEPA, Zahiruddin Mohd Zain tiba di Lapangan Terbang Mactan-Cebu dengan disambut mesra Pengarah *Mercy in Action*, Emily Rosal sebelum menuju ke Spring Village iaitu kawasan penginapan yang terletak di Talisay City, Cebu.

Ketua Kumpulan, Siti Hajar Hassan, 22 dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) berkata, program ini memberi peluang bagi beliau dan rakan-rakan untuk menjalankan program kesukarelawanan bersama kanak-kanak di sana.

"Peserta berpeluang bertemu kanak-kanak gelandangan yang datang ke pusat yang dikenali sebagai *Drop-In Centre* untuk belajar dan mendapatkan bantuan makanan mahupun harian. Mereka juga dibawa melawat kawasan perkampungan masyarakat

miskin dan serba kekurangan yang pernah menjadi mangsa taufan Haiyan yang melanda Filipina pada tahun 2012," katanya.

Katanya, peluang mengadakan rondaan dan memberi makanan dan minuman kepada kanak-kanak gelandangan yang berada di sekitar bandar Talisay merupakan suatu pengalaman yang sungguh memberi kesan.

Pada ketika itu, peserta turut membantu pasukan *Mercy in Action* ini menjalankan tugas harian dengan menyediakan roti dan minuman Milo untuk diberikan kepada kanak-kanak gelandangan yang kelaparan dan kesejukan. Aktiviti yang dinamakan '*Night Patrol*' ini diadakan oleh pasukan *Mercy in Action* pada setiap hari Isnin dan berlanjutan sehingga jam sebelas malam.

Sementara itu, menurut peserta program, Amira Alia Zulkifli, 22, mereka mengajar kanak-kanak di Tapul Elementary School dan Tapul High School. Tapul ialah sebuah kawasan yang mana masyarakat Tapul tinggal di kawasan pergunungan dan merupakan salah sebuah kawasan yang menjadi lokasi projek pembinaan rumah oleh pasukan *Mercy in Action*.

Beliau dan rakan-rakan menaiki *jeepneys* (van terbuka) milik *Mercy in Action* untuk sampai di puncak Tapul yang mengambil masa selama lebih kurang dua jam dan terus berjalan kaki selama 20 minit untuk sampai di Tapul Elementary School dan Tapul High School.

Menceritakan pengalamannya, mereka diminta mengajar mata pelajaran Geografi dan juga menceritakan budaya Malaysia kepada pelajar di sana selain mengajar mata pelajaran bahasa Melayu, Mandarin dan Tamil.

"Malah, kami turut berkesempatan menjalankan aktiviti gotong-royong membersihkan rumah Chelo's House yang merupakan salah sebuah rumah perlindungan kanak-kanak lelaki yang dibina oleh *Mercy in Action* untuk menempatkan kanak-kanak lelaki yang menjadi mangsa penyeludupan kanak-kanak," ujar beliau.

Manakala menurut Pengurus Chelo's House, Brice, pada masa ini kanak-kanak lelaki ini ditempatkan di kawasan penempatan sementara dan dijangka bakal berpindah masuk ke Chelo's House tidak lama lagi.

Pengalaman yang ditimba oleh mahasiswa tahun akhir itu sangat berharga di samping dapat mengenali budaya, cara hidup dan sistem pendidikan di sesebuah negara itu.

Pengalaman menjadi sukarelawan di negara asing ternyata membuka minda dan mata peserta dalam mengenali budaya dan komuniti sosial sesebuah masyarakat setempat dan menjadikan peserta lebih bersyukur dan menghargai kemudahan di negara sendiri.

Mahasiswa UMP berbakti di Pulau Tioman

Pulau Tioman menjadi tumpuan pencinta alam dengan kejernihan air laut dan keindahan pulau yang terpilih antara 10 pulau tercantik dunia.

Dalam usaha menjalankan tanggungjawab sosialnya dan menyemai sikap prihatin terhadap hidupan laut serta terumbu karang, sejak tiga tahun lalu sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya melabuhkan tukun tiruan yang menjadi tumpuan sebagai habitat hidupan marin di Taman Laut Kampung Tekek di Pulau Tioman ini.

Pada 9 Mei 2015 yang lalu diadakan lawatan (*retreat*) bagi melihat sejauh mana keberkesanan tukun ini setelah dua tahun dilabuhkan.

Menurut ketua projek yang juga pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Dr. Gan Leong Ming, tukun tiruan ini berjaya menjadi tempat pembiakan hidupan laut pelbagai spesies ikan dan hidupan marin. Pihaknya mengadakan *retreat* ini untuk menilai sejauh mana pencapaian tukun tiruan tersebut dalam peningkatan populasi hidupan laut di taman laut tersebut.

Dalam masa yang sama turut berlangsung program motivasi membabitkan mahasiswa dari Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PERSIS) yang diadakan di Sekolah Kebangsaan Juara, Kampung Juara. Seramai 19 mahasiswa UMP menjalankan pelbagai aktiviti bersama dengan 32 orang pelajar sekolah berkenaan.

Bagi Presiden PERSIS, Hasanudin Ahmad dari Fakulti Pengurusan Industri (FPI) yang kini di tahun ke-2 berkata, program sebegini bertujuan untuk memantapkan motivasi pelajar supaya mereka sentiasa bersemangat.

"Pelbagai aktiviti dijalankan dengan modul yang berteraskan kesedaran sivik seperti Salah Siapa, Malu Bertanya Sesat Jalan, Pujian dan Adrenaline Rush.

Pelajar juga dihiburkan dengan tarian kecergasan yang mudah seperti *Pingu Dance* dan *Happy Day* bersama-sama fasilitator," katanya.

Turut hadir sama Guru Besar Sekolah Kebangsaan Juara, Abdul Karim Yunus.

Pelajar UMP juga berpeluang menyertai kejohanan SAS *International Eco Challenge* 2015 anjuran SAS Eco Challenge Sdn. Bhd. dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Malaysia, Lembaga Tindakan Pelancongan Pahang dan Berjaya Tioman Beach Resort & Spa.

Peserta dari UMP, Muhamad Shukry Md Yunus dari FKM berjaya menamatkan larian sejauh 17 km manakala Mohd Norhisyam Yupi@ Iskandar dari Fakulti Kejuruteraan Elektrikal & Elektronik (FKEE) menamatkan larian sejauh 20km.

Begitu juga dengan Muhammad Mohd Yusof dari FPI berjaya menamatkan keseluruhan larian sejauh 30km dan memperoleh tempat ke-22 daripada 175 peserta yang menyertai kejohanan.





In-Smartive suntik semangat jati diri pelajar SMK Bandar Tasik

Oleh: ASRAF AHMAD dan NOR 'AISYATUL SAKINAH BAHARUDIN

Seramai 21 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang bertindak sebagai fasilitator mengadakan program Kem Interaksi Pemimpin Muda (IN-TEAM) bersama Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Tasik Selatan Kuala Lumpur yang memabitkan 100 pelajar pada 17 Mei 2015 yang lalu.

Sepanjang tiga hari itu, para peserta yang terdiri dalam kalangan pemimpin muda unit beruniform Tingkatan 1 dan Tingkatan 2 diuji sahsiah dan jati diri mereka berteraskan konsep *One for All, All for One*.

Slot ringkas 'Oh Gambang, Oh Pekan' bersama pelajar Tingkatan 5 turut dijalankan untuk membantu mereka menetapkan laluan akademik pasca Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sekaligus memperkenalkan fakulti dan program yang ditawarkan oleh UMP.

Berucap semasa merasmikan penutup program, Yang di-Pertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Sophian Ramly berkata, penglibatan dua orang alumni sekolah berkenaan sebagai penggerak program ini meningkatkan lagi kesedaran pelajar mengenai kepentingan pembetulan sifat kepimpinan dan jati diri dalam diri mereka.

Menurutnya lagi, melalui program ini, para pelajar berupaya untuk berfungsi sebagai ejen transformasi sikap dan budaya di sekolah sekaligus mampu membina legasi

kepemimpinan yang akan menginspirasi pelajar lain.

Menurut Pengurus Projek yang juga merupakan pelajar Tahun Pertama Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dan alumni SMK Bandar Tasik Selatan, Muhamed Marzuk Abdul Latiff, 20, berkata, beliau berasa bertanggungjawab untuk memastikan kesinambungan legasi yang cemerlang diterjemahkan melalui inisiatif ini.

Sementara itu, penghulu program, Muhd Yunarasyid Muhd Amir Bakir, 14, melihat modul yang dijalankan seperti *The Burj*, *Salah Siapa* dan *Cermin Diri* mencabar beliau untuk berani mempertimbangkan keputusan dan berkomunikasi dengan berkesan. Antara modul lain yang turut dijalankan dalam program ini ialah *Warkah Buat Sang Pemimpin*, *Last Man Standing*, *Cheers War*, dan *Kau Boleh*.

Dalam majlis yang sama, Meor Muhammad Shabil Zam Zuri, 13, telah diumumkan sebagai Peserta Lelaki Terbaik manakala Nur Aliah Maisarah Mohd Hassan, 14, sebagai Peserta Perempuan Terbaik. Hadir sama Pengetua SMK Bandar Tasik Selatan, Hafsa Sharif, Naib Yang di-Pertua PIBG, Rusli Ismail dan Ketua Penyelidik, Pejabat Naib Canselor merangkap Penasihat In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain.





Lebih 500 warga UMP berjalan 10,000 langkah

Lebih 500 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang terdiri dari pelajar dan staf universiti menyertai Program Berjalan 10,000 dengan berjalan kaki dari bangunan Canseleri bergerak ke sekitar kampus sempena Kempen Gaya Hidup Sihat yang berlangsung di UMP Kampus Gambang.

Program dilancarkan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim bertempat di hadapan Dataran Canseleri pada 10 Jun 2015 yang lalu seawal jam lapan pagi.

Dalam ucapannya, beliau menyeru agar warga UMP mengamalkan budaya hidup sihat dan dinamik bagi meningkatkan kesejahteraan warga kampus. Beliau percaya orang yang sihat sudah tentu lebih efisien dan proaktif dalam melaksanakan tugas seharian.

"Tambahan pula, kita lihat di UMP hari ini dimonopoli dengan lebih golongan muda, jadi gunakan kempen ini sebagai *platform* untuk mengekalkan gaya hidup yang sihat," katanya.

Selain itu, Dato' Dr. Daing turut mengingatkan warga kampus tentang faktor-faktor risiko bagi penyakit-penyakit itu boleh bermula awal usia muda, namun demikian penyakit ini dapat dielakkan dengan mengamalkan tabiat makan yang sihat dan melakukan aktiviti fizikal secara tetap.

Ujar beliau lagi, pihak pengurusan UMP sentiasa menitikberatkan mengenai gaya hidup sihat untuk warganya. Selain itu juga melalui inisiatif terbaru, UMP telah

menubuhkan Program Bantuan dan Sokongan Staf (EAP) yang akan memberi perkhidmatan nasihat kepada staf UMP yang menghadapi kesulitan dalam urusan kerja, keluarga, kerjaya, dan kesihatan yang secara langsung memberi impak kepada kualiti.

Manakala menurut Timbalan Pendaftar Kanan Jabatan Pendaftar merangkap Pengarah Program, Wan Abdul Rashid Wan Abd Rahman pula berkata, program ini diadakan bagi menzahirkan amanat Naib Canselor tahun 2015 agar melahirkan budaya cemerlang melalui mengamalkan gaya hidup sihat.

Program kerjasama di antara Jabatan Pendaftar dengan Pusat Sukan UMP ini telah dijalankan serentak di UMP Gambang dan UMP Pekan. Pelbagai program yang telah diatitkan sepanjang kempen ini dijalankan setiap bulan antaranya seperti Zumba, Senamrobik, Berbasikal, Kempen Derma Darah, dan lain-lain lagi.

Program larian 10,000 langkah hari ini diketuai oleh Naib Canselor yang melalui persekitaran kampus yang dijalankan secara konsisten dapat memberi manfaat terhadap kesihatan, menyihatkan jantung, mengurangkan risiko penyakit jantung dengan merendahkan paras kolesterol dan mengawal tekanan darah dan mencegah risiko penyakit darah tinggi dan strok.

Selain itu, program ini dapat mengurangkan risiko penyakit diabetes, berjalan meningkatkan keupayaan badan untuk memproses gula dengan lebih baik dan

membantu melancarkan aliran darah.

Bagi Pengarah Pusat Bahasa Mandarin dan Kebudayaan Cina (MLCC), Chong Ah Kow yang turut sama menyertai program berkata, aktiviti sebegini sangat baik dijalankan di UMP kerana dapat memupuk warga UMP untuk melakukan senaman ringan malahan dapat memberi manfaat yang besar kepada individu.

Menurutnya, dengan mengamalkan berjalan kaki di awal pagi setiap hari sejak hampir 30 tahun dahulu, beliau sehingga kini amat bersyukur kerana dikurniakan kesihatan yang baik dan masih kekal sihat serta tidak menghadapi sebarang penyakit.

Hadir sama, Pemangku Pendaftar, Abd Rahman Haji Safie, Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab, Pengarah Pusat Inovasi dan Daya Saing Akademik (CAIC), Profesor Dr. Mohd. Ridzuan Nordin, Ketua Pusat Sukan, Mohd Aznorizamin Ismail dan Pengarah Pejabat Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan, Muhammad Hairynizam Muhd Taib.

Program disemarakkan dengan berlangsungnya Forum Bicara 'Pekerja Sihat, Persekitaran Selamat, Produktiviti Meningkatkan' yang menampilkan pensyarah PBMSK, Dr. Helmi Mat Said, Dr. Ahmad Ikhwani Shah Akhtar Ali dari Hospital Pakar PRK MUIP dan Timbalan Pendaftar UMP Pekan, Zainuddin Mat Hussin yang diadakan di UMP Pekan.



40 pelajar sertai Cabaran Ekspedisi Berkayak

Berita dan Foto oleh: NOR ADZIZI NAJIRUDDIN

Seramai 40 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Cabaran Ekspedisi Berkayak anjuran Pusat Sukan yang bermula dari Teluk Batik menuju ke Teluk Nipah, Pulau Pangkor pada 24 Mei 2015 yang lalu.

Aktiviti bermula dengan sesi taklimat mengenai langkah dan cara untuk belajar asas kayak serta teknik berkayak dengan betul. Kemudian diiringi dengan sesi memanaskan badan dan bersarapan pagi sebelum ekspedisi berlepas tepat jam sembilan pagi.

Pada hari pertama berkayak peserta berkayuh sambil melawat Kota Belanda yang mengambil masa selama satu jam dari Teluk Batik. Para peserta dapat menikmati keindahan hasil peninggalan kota sejarah yang dibina pada tahun 1670. Selepas melawat Kota Belanda, para peserta menyambung kayuhan semula ke Pasir Bongak yang mengambil masa selama satu jam 30 minit sebelum berhenti rehat dan menginap di Teluk Nipah.

Menurut Ketua Ekspedisi, Muhammad

Saiful Azreen Ismail, 23, dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta bagi merasai sendiri pengalaman berkayak yang cabarannya amat mencabar.

“Di samping itu juga, peserta turut berpeluang untuk melihat kesan sejarah dan keindahan semula jadi yang terdapat di sini.

“Perjalanan pergi menuju ke Teluk Nipah berjalan dengan lancar walaupun cuaca agak mendung berbanding dalam perjalanan balik keesokan harinya dengan cuaca yang panas terik sepanjang perjalanan.

Namun, semua peserta kelihatan amat bersemangat dengan kayuhan masing-masing sambil diiringi dua buah bot pengiring dan juga beberapa anggota teknikal program,” katanya.

Tambahnya lagi, kesemua peserta berkayak menggunakan jenis kayak *sit on top* untuk dua orang.

Selain itu, terdapat juga anggota teknikal yang akan bertindak sebagai penyelamat menyelamat sekiranya ada peserta kayak terbalik semasa dalam perjalanan.

Pada keesokannya, kesemua peserta bertolak balik ke Teluk Batik dengan mengambil masa selama hampir tiga jam.

Sementara itu, menurut salah seorang peserta dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Nur Fasihah Sharie, 21, berkata, ini merupakan pengalaman pertamanya berkayak dalam keadaan laut bergelora apatah lagi pertama kali berpeluang berkayak.

“Walaupun penat, namun seronok dan merupakan pengalaman yang boleh dimanfaatkan.

“Pujukan rakan-rakan untuk menyertai

ekspidisi ini amat berbaloi kerana banyak pengalaman yang diperolehi terutamanya tip penting yang perlu diikuti semasa mengendalikan kayak untuk mengelakkan kayak terbalik,” ujar beliau.

Kebanyakan peserta berpendapat, pengalaman berkayak di laut adalah salah satu pengalaman baharu bagi mereka dengan mengalami sendiri kepenatan dan keletihan ketara semasa berkayuh.



PELANTIKAN BAHARU/PENYAMBUNGAN JAWATAN GILIRAN



Profesor Dr. Zulkefli Bin Yaacob
Penolong Naib Canselor
Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat (JJIM)
1 Ogos 2015 hingga 31 Disember 2015



Profesor Madya Dr. Abdul Adam Bin Abdullah
Pegawai
Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC)
15 Julai 2015 hingga 31 Disember 2015



Profesor Dato' Dr. Ishak Bin Ismail
Penolong Naib Canselor
Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti (JHKK)
20 Ogos 2015 hingga 31 Disember 2015



Encik Chong Ah Kow
Pegawai
Mandarin Language & Culture Centre (MLCC)
3 Jun 2015 hingga 31 Disember 2015



Profesor Dato' Dr. Hasnah Binti Haron
Dekan
Institut Pengajian Siswazah (IPS)
15 Julai 2015 hingga 31 Disember 2015



Tuan Haji Samsudin Bin Abdullah
Ketua
Unit Perundingan & Bantuan Staf
7 Mei 2015 hingga 31 Disember 2015



Dr. Mahyuddin Bin Ismail
Pegawai
Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN)
5 Julai 2015 hingga 31 Disember 2015

Nasyrah Fahida

– perintis pembukaan
Pusat Koordinasi GST

Demi mengapai cita-cita menjadi seorang pengurus, Nasyrah Fahida Abdul Razak, 24, menjadikan Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai universiti pertama pilihannya.

Beliau kini merupakan Pegawai Tadbir, Unit Koordinasi GST di Kementerian Kewangan Malaysia dan perintis kepada pembukaan Pusat Koordinasi GST di Malaysia.

Persekitaran yang sentiasa berbeza kerana dilahirkan sebagai seorang anak tentera yang selalu berpindah randah, anak sulung daripada lima orang adik-beradik ini tidak menjadikan itu sebagai halangan untuk cemerlang dalam akademik, dan melibatkan diri secara aktif sebagai seorang penari dalam Kelab Kebudayaan UMP.

Sepanjang berada di UMP, beliau terlibat secara aktif bukan sahaja dalam akademik, malah dalam aktiviti kokurikulum.

Beliau pernah memegang jawatan sebagai Ketua Program untuk Majlis Makan Malam Fakulti Teknologi.

Di samping itu juga, beliau turut membuat persembahan bagi program Pertukaran Budaya Mahasiswa UMP dengan Indonesia dan Bangladesh.

Menurut beliau, segala kemudahan yang disediakan oleh UMP adalah pada tahap yang baik.

“Dari segi pembelajaran, kelas-kelas yang disediakan adalah kondusif. Perkhidmatan di pusat sumber juga sangat baik, selain tenaga pengajar UMP yang sangat dedikasi dalam membantu pelajar menghadapi cabaran semasa pembelajaran.

“Bidang yang saya pelajari lebih tertumpu dalam Industri Pembinaan dan sekarang, skop bidang saya lebih tertumpu pada industri IT.

“Namun begitu, konsep dan teori yang saya pelajari di UMP saya aplikasikan sepanjang saya berkhidmat di Kementerian Kewangan Malaysia,” jelas beliau panjang lebar.



Tambah anak kelahiran Kuantan, Pahang ini, peluang yang diperoleh sewaktu mewakili Pengarah Komunikasi Kementerian Kewangan untuk Majlis Konsultasi Bajet 2016 bersama Menteri Kewangan Malaysia adalah satu pengalaman paling berharga.

Beliau berharap walaupun dengan status bergelar alumni UMP, beliau dapat terus menabur jasa kepada universiti.


Beliau juga berharap agar UMP akan terus melahirkan graduan yang dapat berdaya saing dalam pasaran pekerjaan.

Jelasnya, perkara yang paling penting adalah menunjukkan minat terhadap sesuatu jawatan yang bakal disandang dan

menunjukkan *soft skill* yang tinggi pada majikan bagi mendapat kepercayaan untuk tugas yang diberikan.

“Kita membentuk diri sendiri bagi mencapai sesuatu yang kita kehendaki. Oleh itu, kita haruslah meletakkan hati kita ikhlas dalam setiap pekerjaan yang kita lakukan.

“Apabila kerja datang daripada hati yang ikhlas, hasil kerja itu akan cukup menakjubkan. Perkara yang paling penting adalah *soft skill* yang diterapkan melalui subjek *soft skill* di UMP haruslah diasah dan dikukuhkan bagi mencapai apa juga yang dikehendaki,” ujar beliau sambil tersenyum sebelum mengakhiri wawancara ini.




APPLIED STATISTICS MODULE (New Version)

Penulis : Siti Zanariah Satari, Chan ZuN Liang, Farahanim Misni, Nor Hafizah Moslim, Noryanti Muhammad, Roslinazairimah Zakaria dan Siti Roslinda Yaziz
ISBN : 978-967-0691-64-0
Harga : RM30.00
Muka Surat : 308
Bahasa : Bahasa Inggeris

Sinopsis:

Modul statistik ini memudahkan pelajar dan pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Modul ini sesuai digunakan oleh pelajar Sains, Kejuruteraan dan Teknologi. Modul ini juga dilengkapi dengan contoh dan latihan yang memaparkan pengetahuan berkaitan statistik dalam set sebenar bagi menunjukkan perhubungan antara teori dan aplikasi dalam industri dan kajian saintifik.




APPLIED CALCULUS FOR ENGINEERING & SCIENCE STUDENTS

Penulis : Samsudin Abdullah, Rahmah Jusoh@Awang, Ezzatul Farhain Azmi, Norazaliza Mohd Jamil, Abdul Rahman Mohd Kasim, Nor Izzati Jaini
ISBN : 978-967-0691-61-9
Harga : RM54.00
Muka Surat : 317
Bahasa : Bahasa Inggeris

Sinopsis:

Modul kalkulus ini disediakan bagi pelajar semester 1 jurusan Sains dan Kejuruteraan. Modul ini juga dilengkapi dengan tajuk, contoh dan permasalahan yang luas. Modul ini dapat digunakan sebagai bahan bantuan dalam pengajaran dan pembelajaran kalkulus.




GREEN SUPPLY CHAIN

Penulis : Shahryaar Sorooshian, Elham Falatoonitoosi
ISBN : 978-967-0691-13-8
Harga : RM54.00
Muka Surat : 147
Bahasa : Bahasa Inggeris

Sinopsis:

Buku ini menerangkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan sesebuah pengilangan automotif yang menggunakan kaedah lean. Berdasarkan beberapa kajian, amalan ini dilihat lebih efektif berbanding menggunakan kaedah biasa. Buku ini juga merupakan antipati kertas penyelidikan mengenai lean. Buku ini amat sesuai dibaca oleh golongan pelajar dan pengilang bagi menjana pengurusan yang lebih efektif dan menjimatkan masa, wang dan tenaga.



APPLICATION OF IMMOBILIZED CELL SYSTEMS

Penulis : Lakhveer Singh dan Zularisam Ab Wahid
ISBN : 978-967-0691-52-7
Harga : RM69.00
Muka Surat : 130
Bahasa : Bahasa Inggeris

Sinopsis:

Permintaan kepada bio bahan api dalam pengangkutan meningkat berikutan penggunaan bahan api fosil dapat menyebabkan pelbagai kemudaratan kepada alam sekitar. Justeru, buku ini menerangkan kajian mengenai langkah-langkah yang dapat diambil bagi mempergiatkan usaha penggunaan bio bahan api. Buku ini sesuai digunakan kepada pelajar PhD dan penyelidik.

Pengalaman Sahabat TH di Tanah Suci, satu perjalanan rohani menuju Ilahi




Oleh:
Hajjah Noor Azlinda Zainal Abidin
azlinda@ump.edu.my
Penulis ialah Guru Bahasa Kanan di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Dijemput menjadi Duyufurrahman (Tetamu Allah) 1435 bagi mengerjakan ibadat haji merupakan satu anugerah yang tidak ternilai bagi saya. Berbekalkan ilmu yang tidak seberapa bersama suami, kami menyahut seruan haji ini dengan rasa penuh syukur dan hiba. Panggilan haji ini merupakan panggilan ketiga bagi kami yang mana sebelum ini tawaran haji terpaksa ditolak atas faktor anak masih kecil serta ekonomi yang tidak mengizinkan. Mengerjakan haji di usia 40 ini merupakan cabaran bagi ibu yang perlu meninggalkan anak-anak yang masih sekolah kepada ibu bapa yang sudah berusia. Namun, berkat sokongan ibu bapa, keluarga dan rakan-rakan, segala urusan dunia ditinggalkan buat 51 hari berkelana di tanah suci.

Teruja dengan kisah serta pengalaman rakan-rakan yang pulang dari mengerjakan haji beberapa tahun yang lepas, persiapan demi persiapan telah dibuat. Kursus Asas Haji turut dihadiri selama dua tahun tetapi masih tidak rasa ilmu yang ada cukup untuk dibawa ke sana. DVD serta laman sesawang yang berkaitan turut dijadikan rujukan bagi mendalami ilmu ibadat Haji. Pengalaman yang dikongsi oleh rakan-rakan yang telah menjadi tetamu Allah SWT menjadi pembakar semangat untuk mengerjakan Rukun Islam yang kelima. Dalam perkongsian rakan yang telah ke sana, saya turut tersentuh dengan pengalaman beliau menjadi Sahabat Tabung Haji (TH) ketika beliau mengerjakan haji lalu terpanggil untuk mencuba nasib sekiranya diizinkan Allah SWT. Saya menyimpan hasrat untuk menawarkan diri menjadi Sahabat selepas saat itu.

Langkah pertama yang dilakukan adalah dengan menulis mesej Facebook kepada TH merisik khabar mengenai peluang untuk menjadi Sahabat namun syarat-syarat yang diletakkan agak tipis bagi diri ini untuk mendapat peluang. Tanggal 4 September 2014 penerbangan KT22 ke Madinah Al Munawarah. Setibanya di Madinah, kami ditempatkan di Movenpick buat beberapa hari. Hasrat ingin membantu dan menawarkan pertolongan kepada jemaah haji tidak terhalang walaupun tidak menjadi sahabat TH. Rasa cinta dan kasih pada sesama insan serta ingin membantu dalam apa jua cara. Teringat kisah seorang mak cik yang sesat di Masjid Nabawi dan gagal untuk pulang ke hotelnya. Saya menawarkan bantuan untuk memimpinnnya ke hotel dan berjaya bertemu dengan anaknya yang turut mencari ibunya yang hilang. Mungkin hasil dari niat ingin membantu sambil beribadah telah dimakbulkan Allah SWT. Ketika di Raudah, rakan sebilik telah kehilangan beg. Saya dan beberapa rakan lain membantu beliau dalam proses pencarian beg tersebut serta berpengalaman untuk berinteraksi dengan polis Masjid Nabawi bagi membuat laporan tersebut. Alhamdulillah, beg itu dipulangkan oleh jemaah haji lain beberapa jam kemudian. Selain membantu Jemaah Malaysia, saya turut membantu jemaah dari negara lain terutamanya bagi yang takut untuk menaiki tangga bergerak (*escalator*) dengan menghulurkan tangan sebagai tanda bantuan. Masih segar diingatan apabila saya menawarkan bantuan mengambil gambar bagi sekumpulan perempuan dari Afrika dan akhirnya dijemput mereka untuk bergambar dengan mereka sekali.

Setelah tamat tempoh berada di Madinah, perjalanan menaiki bas ke Mekah mengambil masa selama tujuh jam. Di Mekah, saya dan suami ditempatkan di Burj al-Haram. Berkelana selama 41 hari di Mekah amatlah berharga. Kesihatan jemaah kini diuji. Adalah merupakan lumrah bagi yang berkongsi bilik untuk menjaga kebajikan serta hubungan sesama rakan sebilik terutamanya bagi rakan sebilik yang tidak sihat serta yang berusia. Mengambil makanan bagi mereka serta membeli ubat merupakan sesuatu yang tidak asing. Teringat ketika ingin pulang ke hotel, sepasang suami isteri jemaah Malaysia yang baru tiba di Mekah sesat dan sedang memohon polis Mekah memberi arah. Saya terus ke arah mereka dan menawarkan bantuan bagi mereka dengan menghubungi talian TH di sana. Seminggu sebelum giliran jemaah untuk ke Arafah serta Mina, Pegawai TH telah hadir ke maktab kami untuk sesi taklimat. Saya menawarkan diri untuk menjadi Sahabat walaupun difahamkan peluang agak tipis. Alangkah gembira rasa hati serta bersyukur apabila pegawai tersebut menyatakan boleh memandangkan terdapat kekosongan di maktab kami. Maka, bermulalah tugas secara rasmi sebagai Sahabat. Ramai dalam kalangan jemaah tidak berapa tahu Sahabat TH juga merupakan jemaah yang mengerjakan haji juga. Tugas sahabat hanyalah membantu pegawai TH yang bertugas dan tidak langsung mengganggu ibadah kami di sana. Tiada sebarang keistimewaan diberikan kepada Sahabat. Saya difahamkan Sahabat TH terdahulu sebelum saya ditawarkan tugas ini manakala saya pula menawarkan diri di saat-saat akhir.



Rasa belas serta simpati terhadap golongan yang kurang upaya serta warga emas patutlah diambil kira semasa kita disana.

Tugas pertama, memaklumkan jemaah mengenai jadual perjalanan ke Mashair dari bilik ke bilik bersama rakan Sahabat yang lain. Hanya empat orang Sahabat bertugas bagi hotel ini. Oleh itu, pembahagian tugas diberikan dan seorang perlu memaklumkan jemaah yang berada di beberapa aras di hotel itu. Tugas yang agak mencabar tetapi seronok dalam melaksanakan. Beberapa hari sebelum proses pergerakan masyair bermula, satu mesyuarat pertama yang saya hadiri bagi semua Sahabat TH diadakan di Land Premium. Ia diadakan pada waktu malam selepas jemaah selesai mengerjakan solat isyak. Perjalanan jemaah dari hotel ke Arafah dan kemudiannya ke Muzdalifah dan Mina dirancang rapi agar tiada masalah berlaku. Saya diberikan vest Sahabat TH untuk dipakai dan dengan penuh semangat tugas

dilaksanakan dengan penuh amanah terhadap jemaah yang lain. Disinilah waktu kemuncak bermula. Terdapat 13 buah bas yang perlu dipenuhi oleh jemaah dan bagasi. Bantuan dari segi melancarkan pergerakan jemaah dari bilik ke lobi dan seterusnya menaiki bas. Simpati lebih kepada golongan kurang upaya serta warga emas dengan mengangkat beg mereka. Ada juga yang memerlukan sahabat TH untuk memapah dan memimpin mereka.

Setibanya di Arafah dan Mina, peta yang diberikan oleh TH amat membantu bagi menunjuk arah kepada para jemaah. Kedudukan khemah yang kelihatan sama menyebabkan banyak kes jemaah sesat. Selain dari bantuan tunjuk arah, Sahabat juga membantu dari segi mengedarkan makanan yang diuruskan oleh Muasasah dilantik. Sahabat turut membantu membawa jemaah ketika melontar. Pengalaman yang tidak dapat saya lupakan apabila selesainya kami melontar di Jamrah, seorang jemaah wanita dari maktab kami pingsan ketika itu. Puas kami usahakan agar beliau kembali sedar. Setelah itu, saya dan seorang lagi rakan Sahabat membantu beliau berjalan sehinggalah kami terserempak dengan pegawai kesihatan yang turut membawa rombongan jemaah untuk melontar. Satu lagi tugas yang saya rasa agak mencabar adalah apabila bertugas menjaga bilik gerakan TH bagi maktab kami. Pelbagai aduan diterima dengan penuh sabar.

Dalam melaksanakan tugas sebagai Sahabat TH sepanjang bertugas di Masyair, beberapa insiden yang mengajar saya erti sabar, bertimbang rasa, cekal, dan syukur.

Semua kita adalah sama. Rasa belas serta simpati terhadap golongan yang kurang upaya serta warga emas patutlah diambil kira semasa kita di sana. Bertimbang rasa dan mengizinkan jemaah-jemaah ini untuk duduk di dalam bas adalah sangat membantu. Sifat mementingkan diri sendiri patut dikikis dan mendahulukan mereka yang memerlukan. Ujian sabar juga turut dirasa terutamanya apabila perlu menunggu giliran berbaris sama ada ditandas mahupun menaiki bas. Kadang-kadang lebih baik diam dari berkata-kata. Dalam keadaan marah serta tidak puas hati, kata-kata yang bakal keluar dari mulut semestinya tajam dan menghiris hati yang lain.

Sesungguhnya pengalaman di sana sebagai Sahabat TH membantu saya mendekatkan diri dengan Allah SWT. Sifat syukur dan sabar adalah dua perkara yang saya selami selama menjadi tetamu Allah SWT di sana. Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana menjemput saya dan suami ke Tanah Suci bagi mengerjakan ibadah serta menganugerahkan saya pengalaman sebagai sahabat TH. Sabar menghadapi kerenah beberapa jemaah tidak menghalang saya untuk berkhidmat dengan sebaik yang mungkin untuk Allah SWT. Walaupun tidak berpeluang melakukan lawatan awal ke masyair bersama ahli Sahabat TH yang lain sebelum hari Wukuf serta tidak berpeluang untuk menghadirkan diri untuk menerima sijil Sahabat dalam majlis ringkas bagi Sahabat TH, saya yakin segala yang berlaku adalah ketentuan ilahi. Memadailah dengan pengalaman ini, ia merupakan sebaik-baik anugerah Allah SWT yang saya peroleh. Alhamdulillah.



Kediaman Sihat dengan Terapi Penyelenggaraan



Oleh:
MOHAMMAD AFFENDY OMARDIN
Penulis ialah pensyarah kanan di Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Kediaman baharu tentu sahaja selesa untuk kita diami kerana kediaman itu masih baharu, segar dan cantik mata memandang. Namun begitu, keadaan ini hanyalah bersifat sementara. Ini disebabkan, kediaman perlu selalu diselenggarakan kerana kediaman juga akan dimamah usia.

Setiap penghuni impikan suasana yang selesa di dalam kediaman. Suasana santai dan tenang dapat menjadikan kediaman sihat untuk kita diami. Kediaman merupakan asas kepada kehidupan. Kediaman yang sihat dapat memberikan keceriaan dan keselesaan kepada penghuni. Oleh itu, bagaimana kita menyelenggarakan kediaman supaya masih nampak baharu, segar dan cantik walaupun sudah dimamah usia? Semua ini bermula dengan tindakan yang mudah, ataupun mengamalkan sikap menjaga kebersihan. Rumah yang berusia menunjukkan kita perlulah membaik pulih kediaman dan memastikan tahap kebersihan kediaman adalah yang terbaik.

Justeru, beberapa perkara yang perlu kita pastikan bagi aktiviti penyelenggaraan kediaman iaitu:

- Pembersihan saluran air longkang;
- Pengudaraan dalaman dan aliran keluar perlu dipasang;
- Penyusunan ruang dalaman yang teratur;
- Membaik pulih masalah tandas tersumbat;
- Menghilangkan kekotoran luaran dan dalaman agar kediaman nampak ceria;
- Mencuci dan membersihkan permukaan lantai;

- Mencuci bilik air supaya sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan;
- Menukar bahan binaan atau fabrik dalaman yang usang;
- Penyelenggaraan pendawaian elektrik dan peralatan elektrik yang telah rosak dan berisiko kemalangan; dan
- Penyelenggarakan kebocoran atap dan alur atap.

Kerja-kerja penyelenggaraan tersebut perlu dilakukan dengan kerap dan berkala dalam semua ruang dalaman dan kawasan luaran kediaman terutama di halaman belakang kediaman. Aktiviti penyelenggaraan berterusan ini dapat memanjangkan usia kediaman supaya sentiasa berada dalam keadaan yang selesa dan selamat untuk kita diami.

Ruang dalaman yang selesa

Ruang dalaman dengan susunan perabot yang teratur dapat menjadikan kediaman itu selesa selain dapat memudahkan pergerakan penghuni. Selain itu, bilik tidur dengan susun atur yang selesa dapat merehatkan minda kita. Ruang tamu yang nyaman dengan pengudaraan dalaman dan aliran keluar yang baik dapat menjadikan ruang itu lebih santai dan nyaman.

Kerja-kerja teknikal dalam kediaman

Bilik air ialah ruang yang sering digunakan dalam kediaman. Kerja-kerja penyelenggaraan dalam ruang ini dikategorikan sebagai ruang aplikasi teknikal. Keadaan bilik air yang lembap dan basah memberikan risiko tinggi untuk berlaku kemalangan. Oleh itu, bagi memastikan bilik air selamat, rancang keperluan ruang itu supaya sentiasa bersih

dan segar. Kebersihan jubin dan meletak pelapik anti gelincir juga penting bagi menjamin keselamatan. Selenggara pintu bilik air yang mungkin telah reput dan tidak selamat digunakan. Sistem perpaipan juga perlu diselenggarakan. Kerosakan paip, kebocoran saluran paip, singki dan tandas tersumbat perlulah dibaiki dengan segera. Selain itu, tangki air perlu dibersihkan bagi menjamin tahap kebersihan.

Ruang dapur juga mengaplikasikan kerja-kerja teknikal dan perlukan penyelenggaraan yang kerap. Kipas bantu alir udara keluar masuk juga perlu diselenggarakan. Sistem perpaipan secara terus perlu diperiksa dan komponen-komponen paip perlu ditukar ganti apabila berlaku kebocoran dan kerosakan. Saluran air kotor perlu dibersihkan agar tidak tersumbat dan kesegaran kediaman terjamin.

Gaya tema ilham ruang dalaman

Jadikan setiap ruang berfungsi dan boleh dibezakan dengan menampilkan warna berbeza, mungkin menggabungkan konsep atau mengaitkan kenangan dengan suasana tertentu. Pemilihan perabot dapat memberi kesan penting dalam mempengaruhi tema dan estetika sesuatu ruang. Perabot lama walau berusia, dapat diserikan apabila selalu dibersihkan. Tidak semestinya mahal ataupun mewah, asalkan sesuai dengan ruang, cantik dipandang serta kerap dijaga. Susun atur perabot perlulah nampak kemas dan teratur supaya dapat memudahkan pergerakan penghuni. Barangan peribadi perlu disusun dengan teratur agar ruang dalaman kediaman nampak kemas dan tidak berselerak.

Keceriaan rumah dengan warna-warna ceria

Kediaman yang didiami akan bertambah berseri selepas dicat. Gabungan ton warna dapat menonjolkan kreativiti pemilik ruang. Mengecat sendiri ataupun mengupah orang melibatkan masa dan tenaga. Oleh itu, kos mengecat haruslah bergantung kepada kemampuan, dan sekiranya mahu mengecat sendiri perlukan kesabaran dan ketekunan.

Pencahayaan seimbang reda ketegangan mata

Menukar mentol lampu dapat mengubah suasana yang ceria bagi ruang dalaman kediaman. Pencahayaan perlukan perancangan kerana melibatkan perbelanjaan tambahan. Namun, ada masanya penukaran mentol menjadi satu keperluan apabila kita mula berasa tidak selesa dengan suasana pencahayaan yang kurang terang pada waktu malam.

Pengubahsuaian ataupun penyelenggaraan perlu mematuhi undang-undang dan keselamatan penghuni. Dapatkan nasihat pakar dan pekerja bertauliah bagi menjalankan kerja-kerja pendawaian semula dan pengubahsuaian ruang dalaman.

Laman hijau menceriakan dan terapi ketenangan penghuni

Walaupun kediaman kecil, fungsi kehijauan pokok mengindahkan dan menyerlahkan nilai estetika. Pokok juga berperanan mengurangkan pencemaran bunyi iaitu gelombang bunyi dapat diserap oleh kepadatan daun. Pokok renek dapat digunakan sebagai pengadang bagi mengurangkan

silauan ke dalam ruang kediaman. Pokok berbunga yang mengeluarkan bau yang harum berfungsi sebagai terapi ketenangan jiwa. Penyelenggaraan dengan melakukan pemangkasan dahan-dahan pokok bagi mengekalkan kesegaran dan saiz yang tidak mengganggu pergerakan penghuni dalam ruang kediaman.

Kediaman sihat harus mempunyai ciri-ciri

- Daya tarikan dan suasana tenang pada muka pintu supaya ada dorongan untuk segera pulang ke rumah
- Ruang tamu, jadikan ruang bersifat mesra untuk keluarga dan tetamu
- Bilik tidur yang selesa dan nyaman
- Ruang makan yang segar dan membangkitkan selera makan
- Ruang dapur yang selesa dan selamat daripada kemalangan
- Pencahayaan setiap ruang kediaman membangkitkan suasana ceria
- Bilik air yang bersih
- Perabot yang tersusun rapi dan memudahkan pergerakan
- Penataan cahaya yang menceriakan aktiviti penghuni
- Kebersihan luaran kediaman menjamin kesihatan yang baik

Hiasan kediaman dengan ketenangan zikir

Kediaman yang sihat jaminan melakukan ibadat. Amalan doa dan zikir alam dan kalimah Tahmid perlu dituturkan setiap kali membelai rumah dan penghuni. Keindahan rumah adalah penghayatan, bukan pertunjukan.

Laman segar menggamit kehadiran tetamu

Kediaman yang bersih dan ceria menjadikan laman sentiasa selesa apabila menerima kunjungan tetamu. Laman hijau dan bauan pokok herba yang segar bukan sahaja berperanan sebagai terapi mata tetapi sebagai hiasan ruang yang selesa bagi melakukan aktiviti riadah ringan.

Penyelenggaraan kediaman bukan sahaja menjamin kediaman berkeadaan baik tetapi menyumbang kepada persekitaran komuniti setempat yang sihat. Selain penjimatan kos, penyelenggaraan menjadikan kediaman mempunyai nilai estetika. Penyelenggaraan perlu dilakukan dengan mendidik pemilik kediaman supaya peka dan sedar mengenai kepentingan penyelenggaraan kediaman. Kediaman sihat adalah syurga keluarga.

Kediaman merupakan asas kepada kehidupan. Kediaman yang sihat dapat memberikan keceriaan dan keselesaan kepada penghuni. Oleh itu, bagaimana kita menyelenggarakan kediaman supaya masih nampak baharu, segar dan cantik walaupun sudah dimamah usia.





Universiti Malaysia PAHANG

Diterbitkan oleh:
BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
Pejabat Naib Canselor
Aras Bawah, Anjung Selatan
Kompleks Peritadbiran Utama
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur

Tel. : 09 424 5000
Faks : 09 424 5055
e-Mel : pro@ump.edu.my

www.facebook.com/universiti.malaysia.pahang